

# IBADAH HAJI

<b>HAJI IFRAD</b> Iaitu mengerjakan haji sahaja manakala umrah dilakukan dilain masa bukan dalam bulan haji.Cara ini adalah yang paling Afadh	<b>HAJI TAMATTUK</b> Iaitu melakukan umrah dalam bulan haji,kemudian berniat mengerjakan haji.Cara ini dikenakan dam	<b>HAJI QIRAN</b> Iaitu mengerjakan haji dan umrah serentak dengan berniat ihram keduanya sekali gus.Cara ini juga dikenakan dam
<b>1. NIAT IHRAM</b> Hendaklah dilakukan setelah memakai pakaian ihram Bermula dari 1 syawal hingga terbit fajar 10 Zulhijjah	<b>1. NIAT IHRAM DI MIQAD</b> Miqad ertinya ketentuan mas dan tempat untuk berniat ihram haji dan umrah.la terbahagi kepada dua iaitu a) Miqad Zamani ( Ketentuan Masa ) Haji - Mulai dari bulan syawal,zulkaedah dan sehingga 10 zulhijjah Umrah - Bila-bila masa sepanjang tahun b) miqad Makani ( Ketentuan tempat ) Haji :- 1. Yalamlam - bagi penduduk Yaman,India dan timur 2. Dzulhulaifah - bagi penduduk madinah 3. Qarnul-Manazil - bagi penduduk Najd dan Kuw ait 4. Zat Al Irqil - bagi penduduk Iraq 5. Penduduk Mekah pila Miqad mereka ialah rumah mereka sendiri. Umrah - Miqad Makani bagi umrah ialah diTanah HalaI samada di Jakrafah,Tan'in atau Hudaibiyah	
<b>2. WUKUF DI PADANG ARAFAH</b> Berhenti sekejap di Pdg. Arafah bermula dari gelincir matahari (selepas waktu zuhor) hari ke 9 Zulhijjah hingga terbit fajar hari ke 10 Zulhijjah .Afadh dilakukan separoh hari ke 9 dan separoh hari ke 10 Zulhijjah	<b>2. MELONTAR JAMRAH AQABAH</b> Pada 10 zulhijjah	
<b>3. TAWAF</b> <b>Jenis-jenis Tawaf</b> <u>Tawaf Ifadah (Rukun)</u> Dilakukan pada bila-bila masa ketika menunaikan Ibadah haji. <u>Tawaf Qudum</u> Tawaf selamat datang <u>Tawaf Sunat</u> Dilakukan bila-bila masa semasa Mengerjakan haji. <u>Tawaf widak</u> Tawaf selamat tinggal bagi mengakhiri ibadah haji.	<b>3. BERMALAM DI MUZDALIFAH</b> Antara separoh malam 10 zulhijjah hingga terbit fajar	
<b>4. SAIE</b> Berjalan ulang-alik dari utara BukitbSafa dan Bukir Marwah Syarat-syarat : a. Niat melakukan saie b. Dilakukan selepas tawaf qudum atau ifadah dan hendaklah sampai dipenghujung kedua-dua bukit Sebanyak 7 kali yang dikira dari bukit safa kebukit marwah sekali dan dari marwah ke safa sekali. Berjalan ditempat yang telah ditetapkan iaitu Batn Al Wadi	<b>4. BERMALAM DI MINA</b> Pada malam hari tasyrik iaitu pada 11, 12, dan 13 zulhijjah	
<b>5. TAHALLUL ( bercukur )</b> Tahallul terbahagi kepada 2 1. <b>Tahallul Awal</b> - Setelah 2/3 daripada Ibadat Haji terlaksana iaitu melontar jamrah aqabah tawaf ifadah dan saie serta bercukur.Setelah selesai jemaah haji boleh melakukan perkara-perkara yang diharamkan ketika dalam ihram melainkan 3 perkara :- a) Menjadi wali,berkahwin atau wakil kahwin. b) Bercumbu c) Jimak atau bersetubuh 2. <b>Tahallul Akhir</b> - ( Thani ) Selesai setelah terlaksanan semua perkara diatas. Masa melakukan tahallul ialah selaepas separoh malam pada malam 10 Zulhijjah. Atau Menghalalkan serta melepaskan diri daripada ihram Haji atau Umrah serta larangan-larangan ketika berihram	<b>5. MELONTAR KETIGA-TIGA JAMRAH</b> Pada hari tasyrik iaitu jamrah Ula, Jamrah Aqabah dan Jamrah Wusta	
<b>6. Tertip</b>	<b>6. Tidak melakukan perkara-perkara yang haram semasa dalam ihram</b>	

# Haji Wida' - Madinah

Sabtu 26-11-10 H 22-2-632 M

1. Rasulullah s.a.w tinggal di Madinah selama sepuluh tahun. Baginda berkorban setiap tahun tetapi belum lagi mengerjakan Haji sehinggalah pada bulan Zulkaedah tahun kesepuluh Hijrah, baginda telah membuat keputusan untuk keluar mengerjakan Haji. Setelah baginda memberitahu hasrat tersebut kepada orang ramai, berita tersebut heboh di sekitar Kota Madinah kerana masing-masing berkeinginan untuk mengerjakan ibadat Haji bersama Nabi s.a.w. Mereka berusaha sedaya upaya untuk bersama-sama Nabi s.a.w samada secara menunggang binatang tunggangan atau berjalan kaki. Keadaan ini menyebabkan Kota Madinah dipenuhi dengan orang ramai. Bilangan mereka yang berkumpul menemui baginda dalam perjalanan tidak terhitung ramainya. Mereka berkumpul di sebelah hadapan, belakang, kiri dan kanan baginda sehingga sayup mata memandang kerana jumlah mereka yang begitu ramai. Mereka ingin mengikuti Rasulullah s.a.w dan melakukan sebagaimana yang dilakukan oleh baginda.

2. Ketika baginda ingin keluar untuk mengerjakan ibadat Haji, baginda telah melantik Abu Dujanah Sammak bin Khursyah as-Sa'idiy sebagai pemimpin di Madinah dan ada juga yang berkata: Baginda melantik Subak bin Urfutah.


3. Rasulullah s.a.w mendirikan sembahyang Zuhur di Madinah sebanyak empat rakaat, baginda berkhotbah kepada orang ramai dan mengajar mereka tentang ibadat Haji yang akan mereka kerjakan (khutbah).

4. Setelah itu baginda meminta supaya mengambil unta miliknya lalu baginda mengguriskan tanda di bahagian bonggol sebelah kanan unta tersebut, lalu mengalir darah darinya, seterusnya baginda menyalurkan kalung tanda ke leher unta tersebut. Baginda menyerahkan kepada orang lain urusan untuk menanda dan menyalurkan kalung unta-unta yang lain. Sebaik sahaja selesai meletakkan tanda, baginda menyerahkan untanya sebagai Dam kepada Najiah Ibnu Jundab al-Aslami.

5. Rasulullah s.a.w mandi sunat Ihram, memakai wangi-wangian lantas memakai dua pakaian ihram kemudian menyebut:

Yang bermaksud: Wahai Tuhanku, jadikanlah dia Haji yang diterima, tanpa ada perasaan riak dan ingin menunjuk-nunjuk.

6. Rasulullah s.a.w keluar dari Kota Madinah pada waktu tengahari iaitu selepas Zuhur pada hari Sabtu, melalui jalan-jalan yang berpokok, lima hari sebelum genap bulan Zulkaedah. Ketika keluar dari Kota Madinah, baginda mendirikan sembahyang di Masjidnya.




# Ziarah Madinah

## Pengharaman Kota Madinah dan Sempadan Haramnya

Rasulullah s.a.w mengharamkan Kota Madinah sebagaimana Nabi Ibrahim a.s telah mengharamkan Kota Mekah al-Mukarramah. Rasulullah s.a.w bersabda: (Madinah) Kawasan yang berada di antara dua batu hitam merupakan kawasan haram.

## Sempadan Haram Kota Madinah Munawwarah:

1. Kawasan yang terletak di antara dua batu hitam: Dua batu hitam ialah: Dua gurun yang panas di timur dan suatu ketika dahulu dikenali dengan gurun Waqim manakala gurun di baratnya pula dikenali dengan gurun Wabrah.
2. Pengharaman kawasan yang terletak di antara dua gurun dan ketiga-tiga perlembahannya iaitu Jama' Tadaru', Jama' Ummu Khalid dan Jama' Aqil atau Aqir iaitu bukit-bukit kecil yang memanjang ke perlembahan Aqiq dari sebelah barat telaga Urwah (berhampiran Universiti Islam).
3. Pengharaman kawasan antara Thur dan 'Ier.
  - Thur ialah bukit kecil di belakang bukit Uhud. Ia berwarna merah. Kini di sebelah belakangnya terdapat jalan menuju ke lapangan terbang.
  - 'Ier ialah bukit hitam besar yang terletak di sebelah barat daya Zul Hulaifah (kini dikenali dengan Abar Ali). Terdapat lebuh raya di lereng sebelah baratnya.
4. Madinah adalah bumi yang paling dikasihi oleh Allah s.w.t kerana ia merupakan: Tempat Nabi s.a.w berhijrah dan tempat tidur baginda manakala penduduknya pula merupakan jiran-jiran serta penolong baginda. Madinah juga merupakan gedung iman dan di sanalah iman dapat bertahan di akhir zaman nanti. Di pintu-pintu masuknya terdapat pengawal yang terdiri daripada Malaikat. Dajal dan penyakit taun tidak akan dapat memasukinya. Ia merupakan negara terakhir di dunia ini yang diruntuhkan. Ia juga merupakan tempat diturunkan wahyu. Hampir kesemua tempat di Madinah diturunkan ayat-ayat Al-Quran atau diriwayatkan Hadis-hadis. Ia adalah Haram Allah dan RasulNya s.a.w (Haramain). Sesiapa yang berniat buruk terhadapnya, Allah s.w.t akan membalasnya seperti garam yang larut di dalam air. Ianya terhindar dari segala keburukan atau kejahatan kerana sesungguhnya Rasulullah s.a.w pernah berdoa untuknya yang berbunyi: Yang bermaksud: Ya Allah, jadikanlah kami semua agar tetap menyintai Kota Madinah sebagaimana yang Engkau anugerahkan perasaan cinta kepada Kota Mekah, bahkan lebih dari itu. Yang bermaksud: Ya Allah, jadikanlah keberkatan Kota Madinah berlipat kali ganda daripada keberkatan yang Engkau kurniakan kepada Kota Mekah. Yang bermaksud: Ya Allah, berilah keberkatan kepada kami di Madinah kami. Ya Allah, berilah keberkatan kepada kami pada rezeki kami. Ya Allah, berilah keberkatan kepada kami pada makanan kami. Ya Allah, jadikanlah satu keberkatan itu, dua keberkatan. Yang bermaksud: Sesiapa yang mampu mati di madinah, matilah kerana aku akan memberi syafaatku sesiapa yang mati madinah.



# Jenis-jenis Dam

## Fidyah

**Fidyah bercukur kerana keadaan terdesak, memakai pakaian dan memakai wangi-wangian:**

Dipilih di antara tiga perkara, iaitu:

- Berpuasa tiga hari.
- Memberi makan kepada enam orang fakir miskin dimana setiap seorang diberikan setengah gantang.
- Menyembelih seekor kambing, berpandukan kepada firman Allah Taala: Yang bermaksud: Maka sesiapa di antara kamu sakit atau terdapat sesuatu yang menyakiti di kepalanya (lalu dia mencukur rambutnya), hendaklah dia membayar Fidyah, iaitu berpuasa atau bersedekah atau menyembelih Dam.

**Mereka yang membunuh binatang buruan yang mudah didapati:**

Boleh memilih jenis Fidyah samada menggantikannya dengan binatang dari jenis yang sama atau menilaikannya dengan wang untuk membeli makanan dimana untuk setiap orang fakir miskin diberikan satu cupak atau berpuasa satu hari untuk setiap cupak.

**Mereka yang membunuh binatang buruan yang susah didapati:**

Boleh memilih samada memberi makanan atau berpuasa.

**Fidyah kerana menggauli isteri:**

Sama dengan Fidyah bercukur kerana terpaksa.

**Fidyah bersetubuh:**

- Sekiranya berlaku sebelum Tahallul Awal:  
Seekor badanah (unta atau lembu), sekiranya tidak didapati hendaklah berpuasa sebanyak tiga hari dalam musim Haji dan tujuh hari apabila kembali ke tanah air.
- Sekiranya berlaku selepas Tahallul Awal:  
Fidyahnya sama sebagaimana Fidyah bercukur kerana terpaksa.

## Dam

**Definisinya:** Dam ialah binatang ternakan (berkaki empat) yang dikorbankan di Baitullah untuk mengabdikan diri kepada Allah s.w.t.

### Dam Tatawwuk

**Definisinya:** Ialah binatang ternakan (berkaki empat) yang dikorbankan di Baitullah untuk mengabdikan diri kepada Allah s.w.t.

**Dalilnya:** "Nabi s.a.w telah mengorbankan sebanyak seratus ekor badanah (unta dan lembu) semasa mengerjakan Haji Akbar, baginda juga pernah mengorbankan kambing"

**Hukumnya:**

Sunat bagi mereka yang mengerjakan Haji Ifrad dan mereka yang mengerjakan Umrah serta disunatkan memakan daging yang dikorbankan itu. Kerana Nabi s.a.w telah memerintahkan supaya sembelihan tersebut dipotong, dimasak dan memakannya serta menghirup kuahnya. Harus bagi mereka yang tidak berada dalam Ihram menghantar Damnya ke Mekah supaya dikorbankan di sana untuk mengabdikan diri kepada Allah s.w.t.

**Tempat Penyembelihan:** Tanah Haram.

**Jenis-jenisnya :** Unta yang berumur genap lima tahun, lembu yang berumur genap dua tahun atau kambing yang berumur genap enam bulan.

### Dam Tamattu'

**Definisinya:** Binatang ternakan (berkaki empat) yang dikorbankan di Baitullah utk mengabdikan diri kpd Allah s.w.t.

**Dalilnya:**

Firman Allah s.w.t: Yang bermaksud: (Maka sesiapa yang mahu menikmati kemudahan dengan

mengerjakan Umrah (dan terus menikmati kemudahan itu) hingga masa mengerjakan Ibadat Haji. (Dia boleh melakukannya, kemudian wajiblah dia) menyembelih Dam yang mudah didapati). Sekiranya tidak didapati Dam tersebut ataupun harganya hendaklah berpuasa selama tiga hari semasa mengerjakan Haji dan tujuh hari setelah kembali kepada keluarganya (tanah airnya). Firman Allah s.w.t:Yang bermaksud:(Kalau dia tidak dapat (mengadakan Dam), maka hendaklah dia berpuasa tiga hari dalam masa mengerjakan Haji dan tujuh hari lagi apabila kamu kembali (ke tempat masing-masing).

**Tempat Penyembelihan:** Wajib dikorbankan di Tanah Haram dan dibahagikan kepada orang-orang miskin dan harus dibahagikan Dam tersebut kepada seluruh orang Islam yang fakir.

## **Dam Ihsar**

**Definisinya:** Binatang ternakan (berkaki empat) yang dikorbankan di Baitullah utk mengabdikan diri kpd Allah s.w.t.

### **Dalilnya:**

Firman Allah s.w.t:Yang bermaksud:(Maka sekiranya kamu dikepung (dan dihalang daripada menyempurnakannya ketika kamu sudah berhram, kamu bolehlah bertahallul serta) sembelihlah Dam yang mudah didapati).

**Hukumnya:** Wajib kepada mereka yang terhalang dari bertahallul sebelum sempat menyempurnakan ibadat Haji.

**Tempat Penyembelihan:** Di tempat berlaku sebab-sebab yang menghalangnya.

**Jenis-jenisnya:** Satu pertujuh dari unta atau lembu atau seekor kambing.

## **Korban**

**Definisinya:** Menyembelih unta, lembu atau kambing untuk mengabdikan diri kepada Allah s.w.t.

**Waktu Penyembelihan Korban:** Waktu penyembelihan bermula selepas sembahyang pada Hari Raya Haji sehingga berakhir Hari-hari Tasyrik (11, 12 dan 13 Zulhijah).

### **Hukumnya:**

Sunat Muakkad, berdasarkan sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud: (Amalan anak Adam pada Hari Raya Haji yang sangat disukai Allah ialah penyembelihan korban, sesungguhnya ia akan datang pada Hari Kiamat dengan tanduknya, kukunya dan bulu-bulunya, sesungguhnya Allah akan menerima penyembelihan korban tersebut sebelum darahnya tumpah ke bumi, maka hendaklah kamu ikhlaskan diri kamu semasa melakukan penyembelihan korban tersebut). Ia disyariatkan pada tahun kedua Hijrah: (Sesungguhnya Rasulullah s.a.w telah menyembelih korban dua ekor kibasy yang berwarna antara putih dan hitam serta mempunyai dua tanduk, kedua-duanya disembelih oleh baginda dengan tangannya. Baginda mengucapkan Basmalah dan bertakbir serta meletakkan kaki di bahagian tepi rusuk kibasy tersebut).

**Jenis-jenisnya:** Unta yang berumur lima tahun, lembu yang berumur dua tahun atau kambing yang berumur enam bulan. Adapun unta dan lembu hanya perlu diambil satu bahagian sahaja dari tujuh bahagian.

### **Pembahagiannya:**

Disyarakkan kepada orang yang berkorban memakan satu pertiga daripada daging tersebut, satu pertiga dihadiahkan dan satu pertiga lagi disedekahkan. Dia diharuskan memakan lebih dari satu pertiga daripada daging korban tetapi sekiranya dia memakan kesemua daging tersebut dan dia hanya ingin menyedekahkan harga bagi sedikit daging korban sahaja, dia bolehlah berbuat demikian.

### **Penyembelihannya:**

Disunatkan supaya bertakbir kepada Allah s.w.t selepas mengucapkan Basmalah dan selawat kepada Nabi s.a.w kemudian berkata:Yang bermaksud:Wahai Tuhanku! Engkaulah yang menciptakan aku dan kepadaMu aku akan kembali, oleh itu terimalah korban daripadaku.

# Jenis-jenis Haji

## Haji Tamattu`

Haji Tamattu' ialah berihram Umrah pada bulan-bulan Haji. Setelah selesai mengerjakan Umrah dan telahpun bertahalul, orang haji akan berniat Ihram Haji pada hari Tarwiah dan dia dikenakan menyembelih Dam.

## Haji Qiran

Haji Qiran ialah berniat Umrah dan Haji secara serentak dan orang Haji tidak boleh bertahallul dari Ihram sebelum melontar Jamrah Aqabah serta bercukur atau bergunting. Dia dikenakan menyembelih Dam.

## Haji Ifrad

Haji Ifrad ialah berniat Ihram Haji sahaja dari miqat kemudian hendaklah kekal di dalam Ihramnya sehingga ke hari Nahar (korban). Orang Haji yang mengerjakan Haji Ifrad tidak dikenakan Dam.

# Umrah

## Ibadat Umrah

Umrah ialah Haji kecil, ia diambil dari perkataan al-I'timar iaitu (ziarah). Orang yang mengerjakan Umrah akan berniat Ihram Umrah dari miqat, mengerjakan Tawaf Qudum, bersaie dan seterusnya bertahallul dari Ihramnya dengan bercukur atau bergunting.

# Haji Tamattu`

## 1. Beriham Dari Miqat

### Miqat Zamani:

Bermula dari 1 Syawal sehingga 10 Zulhijah.

### Tanda Sempadan Tanah Haram:

#### Tanda Sempadan:

- Tan'im** : Jalan menuju ke Madinah sejauh 6 km dari Mekah.
- Wadi Nakhlah** : Di timur laut sebelah Iraq dan jaraknya dengan Mekah sejauh 41 km.
- Ja'ranah** : Di sebelah timur sejauh 16 km.
- Adhah** : Jalan menuju ke Yaman dan jaraknya dengan Mekah sejauh 12 km.
- Hudaibiyah** : Di sebelah barat jalan ke Jeddah dan dinamakan sekarang ini dgn Asy-Syamisi sejauh 15 km dari Mekah.

Al-A'lam (tanda) ialah: Batu-batu yang dipahat setinggi satu meter kemudian diletakkan di tepi jalan-jalan tersebut.

### Miqat Makani:

Diriwayatkan daripada Ibnu Abbas r.a katanya: Rasulullah s.a.w telah menetapkan tempat miqat bagi penduduk Madinah di Zul Hulaifah, bagi penduduk Syam di Juhfah, bagi penduduk Najd di Qarnul Manazil dan bagi penduduk Yaman di Yalamlam. Sabda Baginda Lagi: Miqat-miqat tersebut adalah bagi penduduk negeri-negeri tersebut dan bagi mereka yang melaluinya untuk menunaikan ibadat Haji dan Umrah. Manakala, selain dari mereka yang tersebut, miqatnya adalah mengikut arah kedatangan mereka, begitu juga dengan penduduk Mekah, miqatnya memadai dari Mekah. Para ahli Ilmu telah bersepakat mengenai tempat-tempat miqat tersebut.

### Juhfah:

Merupakan miqat bagi penduduk Mesir, Syam dan mereka yang datang dari arahnya.

### Zul Hulaifah:

Iaitu miqat bagi penduduk Madinah: Dinamakan Abyar Ali kerana ia merupakan tempat bekalan air bagi Bani Jathim, juga merupakan miqat yang paling jauh dari Kota Mekah iaitu kira-kira 450 kilometer. Perjalanan dengan unta dapat merentasi jarak tersebut selama sembilan hari, kira-kira 50 kilometer setiap hari (iaitu kira-kira 4 kilometer satu jam). Ia (50 Km) juga dinamakan satu marhalah.

### Qarnul Manazil:

Sebuah bukit yang terletak di hadapan padang Arafah yang dikenali dengan Qarnul Manazil dan ia merupakan miqat bagi penduduk Taif dan mereka yang berada di belakangnya.

### Zaatu Irqin:

Dinamakan Zaatu Irqin kerana ia merupakan sebuah bukit bernama Irqin, terletak di hadapan sebuah lembah yang dikenali dengan Wadi al-Aqiq iaitu sebuah perkampungan yang terletak sejauh 2 marhalah dari Kota Mekah. Miqat ini tidak terdapat di dalam hadis Rasulullah s.a.w, tetapi ia telah disepakati oleh para ulama.

### Yalamlam:

Yalamlam merupakan salah sebuah dari bukit-bukit yang terdapat di sebelah utara, kira-kira 2 marhalah dari Kota Mekah dan ia adalah miqat bagi penduduk Yaman.

## 2. Tawaf Qudum

### (a). Mekah

#### Kelebihan-kelebihan Mekah Mukarramah:

Allah Tabaraka Wa Taala menamakannya Ummul Qura berpandukan firman Nya:

Yang bermaksud: Supaya engkau memberi peringatan kepada penduduk Ummul Qura (Mekah) serta orang-orang yang tinggal di kelilingnya. Ia juga dinamakan dengan al-Baladul Amin (negeri yang aman) di dalam firman Allah s.w.t: Yang bermaksud: Demi buah tin dan zaitun dan bukit Tur Sina serta negeri (Mekah) yang aman ini. Juga firman Allah Taala: Yang bermaksud: Aku bersumpah dengan negeri

(Mekah) ini; sedang engkau (wahai Muhammad) tinggal di negeri ini (sentiasa ditindas). Di antara namanya juga ialah Baitul Atiq dimana Allah Subhanahu Wa Taala telah berfirman: Yang bermaksud: Dan hendaklah mereka tawaf akan Baitullah (Kaabah) yang tua sejarahnya itu. FirmanNya juga: Yang bermaksud: Allah menjadikan Kaabah, rumah yang mulia itu, sebagai tempat tumpuan manusia (untuk menjalankan ibadat dan hal-hal kehidupan). Nabi Ibrahim Al-Khalil a.s telah berdoa untuknya (Kaabah) dengan ucapannya: Yang bermaksud: Dan (ingatlah) ketika Nabi Ibrahim berdoa dengan berkata: Wahai Tuhanku! jadikanlah negeri Mekah ini negeri yang aman, dan jauhkanlah aku dan anak-anakku dari perbuatan menyembah berhala. Yang bermaksud: Dan (ingatlah) ketika Nabi Ibrahim (a.s.) berdoa dengan berkata: "Wahai Tuhanku! Jadikanlah (negeri Mekah) ini, negeri yang aman sentosa, dan berikanlah rezeki dari berbagai jenis buah-buahan kepada penduduknya, iaitu orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat di antara mereka". Allah berfirman: (Permohonanmu itu diterima) tetapi sesiapa yang kufur dan ingkar maka Aku akan beri juga dia bersenang-senang menikmati rezeki itu bagi sementara (di dunia), kemudian Aku memaksanya (dengan menyeretnya) ke azab neraka, dan (itulah) seburuk-buruk tempat kembali. Allah Taala berfirman: Yang bermaksud: Dan (ingatlah) ketika Kami jadikan Rumah Suci (Baitullah) itu tempat tumpuan bagi umat manusia (untuk Ibadat Haji) dan tempat yang aman; dan jadikanlah oleh kamu Makam Ibrahim itu tempat sembahyang. Dan Kami perintahkan kepada Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail (dengan berfirman): "Bersihkanlah Rumahku (Kaabah dan Masjidil Haram dari segala perkara yang dilarang) untuk orang-orang yang bertawaf, orang-orang yang beriktikaf (yang tetap tinggal padanya) dan orang-orang yang rukuk serta sujud". Allah berfirman melalui kata-kata Nabi Ibrahim a.s: Yang bermaksud: (Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya aku telah menempatkan sebahagian dari zuriat keturunanku di sebuah lembah (Tanah Suci Mekah) yang tiada tanaman padanya, di sisi rumahMu yang diharamkan mencerobohnya). Ketika kaum Quraisy mengusir Rasulullah s.a.w, baginda telah berdiri di atas sebuah bukit sambil memandang ke arah Kota Mekah serta perkampungan-perkampungannya lalu berkata: Sesungguhnya aku mengetahui bahawa engkau adalah negeri yang aku amat kasih dan engkau juga adalah tanah yang Allah amat kasih. Sekiranya bukan kerana orang-orang musyrikin mengusir aku darimu tentu aku tidak akan keluar. Terdapat riwayat di dalam dua kitab sahih: Bahawa Rasulullah s.a.w telah bersabda: Sesungguhnya Allah mengharamkan negeri ini (Kota Mekah) sewaktu Dia menciptakan langit dan bumi, Allah mengharamkannya berterusan hingga ke hari Kiamat. Rasulullah s.a.w juga telah berdiri di Jamrah Aqabah pada tahun pembukaan Kota Mekah lalu bersabda: Demi Allah, sesungguhnya engkau adalah sebaik-baik bumi Allah dan engkau juga adalah bumi Allah yang paling aku kasih, sekiranya aku tidak diusir tentu aku tidak keluar, sesungguhnya dalam Kota Mekah tidak dihalalkan kepada sesiapaupun sebelum aku, juga tidak dihalalkan kepada sesiapa selepasku dan aku sendiri hanya dihalalkan seketika sahaja pada waktu siang hari, kemudian ia diharamkan, pokok yang ada padanya tidak boleh ditebang atau mencabut tumbuhan kecil, barang yang hilang atau binatang yang sesat tidak boleh diambil kecuali orang yang ingin mengumumkannya. Mekah adalah merupakan Tanah Haram Allah dan Tanah Haram Rasulullah s.a.w di mana di situ ada tanda-tanda keterangan yang nyata (yang menunjukkan kemuliaannya di antaranya ialah) Makam Nabi Ibrahim.

### **Zikir dan Doa:**

Yang bermaksud: Wahai Tuhanku! Ini HaramMu (tempat yang Engkau lindungi) dan tempat yang Engkau peliharakan. Haramkanlah aku terhadap Neraka dan peliharalah aku dari azabMu pada hari Engkau bangkitkan segala hamba-hambaMu dan jadikanlah aku dari golonganMu serta dari golongan orang-orang yang mentaatiMu. Apabila memasuki Kota Mekah Rasulullah juga menyebut: Yang bermaksud: Wahai Tuhanku! Janganlah Engkau jadikan ajal aku di sana (Mekah) sehingga kami keluar darinya. Seboleh-bolehnya apabila terlihat Kota Mekah, orang yang berharam menyebut: Yang bermaksud: Ya Allah! Kurniakan kepada aku di sini tempat tinggal yang tetap dan rezeki yang halal.

### **(b). Masjidilharam**

#### **Kelebihan Masjidilharam:**

Allah Taala juga menamakan Masjidilharam atau Kaabah dengan Baitul Atiq kerana Dia telah membebaskannya dari bala tentera (bergajah), oleh itu bala tersebut tidak menimpa Kaabah. Allah telah menghantar burung Ababil ke atas Abrahah dan tenteranya ketika cuba membinasakan Kaabah.

(Dinamakan dengan Baitul Atiq juga) kerana Allah membebaskan pengunjung-pengunjungnya dari api (Neraka) apabila kematian mereka ketika berada dalam mentauhidkan Allah serta mengikut NabiNya (Islam). Kaabah dibina oleh bapa sekalian nabi-nabi iaitu Nabi Ibrahim a.s dan anaknya Nabi Ismail a.s dengan petunjuk daripada Allah s.w.t berpandukan firmanNya:

Yang bermaksud: Dan (ingatlah) ketika Nabi Ibrahim bersama-sama Nabi Ismail meninggikan binaan asas-asas (tapak) Baitullah (Kaabah) itu, sambil keduanya berdoa dengan berkata: Wahai Tuhan kami! Terimalah daripada kami (amal kami); sesungguhnya Engkaulah Yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui. Dengan ini bapa sekalian nabi-nabi telah membina masjid yang paling mulia di kawasan yang paling mulia. Allah Taala mengkhususkan Masjidilharam dengan tidak boleh bersusah payah untuk bermusafir melainkan kepadanya (Masjidilharam), Masjid Nabi dan Masjidilaqsa, sebagaimana (dikhususkan juga) dengan digandakan pahala sembahyang di dalamnya dimana sembahyang di Masjidilharam (digandakan) dengan seratus ribu sembahyang.

### **Bacaan Ketika Memasuki Masjid:**

Yang bermaksud: Aku berlindung kepada Allah yang Maha Agung, dengan rupaNya yang Maha Mulia, kekuasaan yang azali dari Syaitan yang direjam. Segala puji bagi Allah, dengan nama Allah wahai Tuhanku selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad (s.a.w). Tuhanku ampunkanlah dosa-dosaku dan bukakanlah untukku kesemua pintu rahmatMu.

### **(c). Kaabah**

#### **Kaabah:**

#### **Adab-adab memasuki Kaabah:**

Mandi, suci dari hadas kecil dan besar, tidak menolak-nolak, hati mestilah khusyuk serta merasa rendah diri, mengeluarkan air mata sekiranya Allah s.w.t menghendaknya demikian, jangan meninggikan pandangan ke arah atap Kaabah, tinggallah perkara itu untuk memuliakan dan membesarkan Allah Taala dan hendaklah sentiasa mengingati Allah s.w.t. Diriwayatkan daripada saidatina Aisyah r.a katanya (yang bermaksud): "Menjadi suatu kepelikan kepada seseorang Muslim ketika dia mengangkat pandangannya ke arah atap Kaabah apabila memasuki Kaabah. Tinggallah perkara itu untuk memuliakan dan membesarkan Allah Taala". Ketika Rasulullah s.a.w memasuki Kaabah, baginda tidak mengalih pandangannya dari tempat sujudnya sehinggalah baginda keluar.

#### **Nabi s.a.w memasuki Kaabah:**

Nabi s.a.w memasuki Kaabah empat kali selepas berhijrah:

Pertama: Di hari pembukaan Kota Mekah.

Kedua: Pembukaan Kota Mekah yang kedua.

Ketiga: Ketika mengerjakan Umrah qadha.

Keempat: Ketika mengerjakan Haji Wida'.

#### **Pahala memasuki Kaabah:**

Rasulullah s.a.w bersabda (yang bermaksud): "Sesiapa yang memasuki Kaabah lalu mengerjakan sembahyang di dalamnya, bererti dia masuk ke dalam kebaikan dan keluar dari segala keburukan dalam keadaan dia diberikan keampunan". Pada lafaz yang lain: "Dia keluar dalam keadaan diampunkan dosanya". Ibnu Umar r.a telah berkata tentang memasuki Kaabah: "Masuk ke dalam kebaikan dan keluar dari segala keburukan". Ata' berkata: "Sesungguhnya aku lebih suka mengerjakan sembahyang di dalam Kaabah sebanyak dua rakaat dari mendirikan sembahyang empat rakaat di Masjidilharam".

Diriwayatkan daripada Yahya bin Ju'dah bin Hubairah tentang firman Allah:

Yang bermaksud: Sesiapa yang memasuki Kaabah akan mendapat keamanan. Katanya: "Keamanan dari api Neraka". Al-Hafiz Abu Tahir As-Salafi Rahmatullah mendendangkan nasyid kepada dirinya sendiri ketika memasuki Kaabah: Yang bermaksud: Adakah selepas memasuki Kaabah Allah akan menjamin Adakah akan tertinggal dosa-dosa dan kesalahan yang tersembunyi. Maka maha sucilah setiap perkara tadi, bahkan akan dimaafi segala-galanya dan akan kembali seseorang itu dalam keadaan beriman dan gembira. Kelebihan Melihat Kaabah: Ibnu Abbas r.a berkata: "Memerhatikan Kaabah akan mengukuhkan iman". Hamad bin Abi Salamah Rahimahullah berkata: "Orang yang memerhatikan Kaabah adalah seperti orang yang bersungguh-sungguh dalam beribadat". Mujahid berkata: "Memerhatikan Kaabah

merupakan ibadat". Said bin Musayyab berkata: "Sesiapa yang memerhatikan Kaabah dengan penuh keimanan dan kepercayaan, akan gugurlah segala kesalahan dan dosanya sebagaimana ketika dia dilahirkan".

### **Zikir dan Doa:**

Telah diriwayatkan bahawa doa yang dibaca ketika melihat Kaabah adalah mustajab, di antara doa yang ma'thur ialah: Yang bermaksud: Ya Allah! Tambahkanilah Baitullah ini dengan kemuliaan, kebesaran, keagungan dan kebaikan serta tambahkanlah kurniaMu kepada sesiapa jua yang memuliakannya (Baitullah) dan membesarkannya dari kalangan orang-orang yang mengerjakan ibadat Haji atau Umrah dengan kemuliaan, kebesaran, keagungan dan kebajikan dan berdoa: Yang bermaksud: Ya Allah! Engkaulah yang bersifat sejahtera, dariMu sahajalah kesejahteraan. Oleh itu hidupkanlah kami wahai Tuhan kami dengan kesejahteraan. Yang bermaksud: Ya Allah, sesungguhnya Tanah Haram ini, negeri ini, ketenteraman yang ada di dalamnya dan hamba yang ada padanya semuanya kepunyaanMu, hambaMu ini telah datang menyahut panggilanMu dari negeri yang jauh dengan membawa dosa yang banyak dan amalan-amalan yang buruk, aku pohonkan kepadaMu belas kasihan kerana takutkan siksaMu, terimalah aku dengan keluasan kemaafanMu dan masukkanlah aku ke dalam keluasan SyurgaMu (Syurga an-Naim). Ya Allah, sesungguhnya ini adalah Tanah HaramMu maka haramkanlah dagingku, darahku dan tulang sendiku dari api Neraka. Ya Allah, peliharalah aku dari siksaMu pada hari engkau membangkitkan semula hamba-hambaMu.

### **(d). Multazam**

#### **Doa Di Multazam:**

Yang bermaksud: Wahai Tuhanku, untukMu segala puji yang menyamai nikmatMu dan menandingi kelebihanMu, aku memuji Engkau dengan segala puji yang aku ketahui, dengan apa yang aku tidak ketahui terhadap segala nikmat Engkau yang aku ketahui dan yang aku tidak ketahui serta terhadap segala rupa keadaan. Yang bermaksud: Wahai Tuhanku, sanjungkanlah Muhammad dan sejahterakanlah baginda serta keluarganya. Wahai Tuhanku! Lindungilah aku dari syaitan yang terkutuk, lindungilah aku dari segala kejahatan dan jadikanlah diriku merasa puas terhadap apa yang telah Engkau rezekikan serta kurniakanlah keberkatan untukku. Yang bermaksud: Wahai Tuhanku! Jadikanlah aku dari orang yang paling mulia yang datang kepadaMu dan kekalkanlah aku dalam jalan istiqamah sehingga aku berjumpaMu wahai Tuhan sekalian alam

### **(e). Hajarulas wad**

#### **Kelebihan Hajarulaswad:**

- i. Berdasarkan kepada bukti-bukti yang nyata, Rasulullah s.a.w telah mengucup Hajarulaswad. Selepas baginda mengucupnya para sahabat serta seluruh umat Islam terus mengucupnya hingga ke hari Kiamat kerana mengikuti Rasulullah s.a.w dalam perkara ini.
- ii. Saidina Umar bin Al-Khattab r.a telah memberi peringatan kepada seluruh umat Islam dari beriktikad bahawa terdapat sesuatu yang boleh memberi manfaat dan kemudaratan selain daripada Allah s.w.t. Terdapat riwayat di dalam kitab Sahih bahawa Saidina Umar bin Al-Khattab r.a pernah berkata: Demi Allah! Sesungguhnya aku telah menyedari bahawa kamu hanyalah batu, tidak boleh memberi manfaat dan kemudaratan. Sekiranya aku tidak melihat Rasulullah s.a.w mengucupmu, tentu aku tidak akan mengucupmu.
- iii. Terdapat riwayat sahih bahawa Nabi s.a.w telah bersabda: Allah akan membangkitkan Hajarulaswad pada hari Kiamat dengan mempunyai dua mata yang dapat melihat dan lidah yang dapat berkata-kata. Ia akan menjadi saksi kepada sesiapa yang mengucupnya dengan keadaan yang sebenar. Imam Tirmizi mensahihkan hadis Rasulullah s.a.w dimana baginda bersabda: Hajarulaswad diturunkan dari Syurga dalam keadaan lebih putih daripada susu tetapi telah dihitamkan dengan kesalahan dan dosa anak-anak Adam. Di dalam lafaz yang lain: Sehingga telah dihitamkan oleh kesalahan dan dosa golongan syirik (yang menyekutukan Allah).

#### **Doa Di Hajarulaswad:**

Yang bermaksud: Dengan nama Allah dan Allahlah Yang Maha Besar. Wahai Tuhanku! Aku beriman kepadaMu, percaya kepada kitabMu, memenuhi perintahMu dan mengikuti sunnah NabiMu s.a.w.

\* Disunatkan membaca zikir ini ketika menghadap ke arah Hajarulaswad pada setiap pusingan Tawaf.

#### **(f). Maqam Ibrahim**

##### **Maqam Nabi Ibrahim a.s:**

Rasulullah s.a.w. telah bersabda (yang bermaksud): Rukun (penjuru Kaabah) dan Maqam Nabi Ibrahim a.s diperbuat dari permata-permata delima dari Syurga. Allah telah padamkan cahaya keduanya, jika tidak tentu cahayanya akan menerangi antara timur dan barat.

Daripada Ibnu Umar r.a katanya: Sesungguhnya Rukun (penjuru Kaabah) dan Maqam Nabi Ibrahim a.s diperbuat dari permata-permata delima dari Syurga. Jika kedua-duanya tidak dihapuskan oleh kesalahan dan dosa anak-anak Adam, tentu cahayanya akan menerangi antara timur dan barat.

##### **Zikir dan Doa :**

i. Disunatkan membaca firman Allah Taala:

Yang bermaksud: Dan kamu jadikanlah Maqam Ibrahim itu tempat sembahyang.

ii. Disunatkan menunaikan sembahyang dua rakaat dengan membaca al-Fatihah dan surah al-Kafirun pada rakaat pertama manakala pada rakaat kedua membaca al-Fatihah dan surah al-Ikhlash.

iii. Seterusnya berdoa dengan menyebut:

Yang bermaksud: Wahai Tuhanku! Aku hambaMu dan anak hambaMu, aku datang kepadaMu dengan dosa-dosa yang besar dan pekerjaan yang buruk dan inilah tempat perlindungan denganMu dari Neraka, oleh itu ampunilah aku kerana sesungguhnya Engkaulah Yang Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.

#### **(g). Hijir**

##### **Hijir:**

Yang bermaksud: Wahai Tuhanku! Aku datang kepadaMu dari tempat yang jauh dengan mengharap kebaikanMu, oleh itu kurniakanlah kepadaku suatu kebaikan dari kebaikanMu yang tidak perlu lagi aku pohon daripada kebaikan orang lain, wahai Tuhan yang terkenal dengan menganugerahkan kebaikan.

#### **(h). Zamzam**

##### **Air Zamzam:**

Rasulullah s.a.w bersabda (mengenai air Zamzam): "Sesungguhnya air Zamzam itu merupakan makanan yang mengenyangkan dan penawar yang menyembuhkan penyakit".

- i. Daripada Ibnu Abbas r.a katanya: Rasulullah s.a.w telah bersabda: "Air Zamzam merupakan penawar yang menyembuhkan berdasarkan kepada niat meminumnya".
- ii. Diriwayatkan daripada Ibnu Abbas r.a katanya: Rasulullah s.a.w telah bersabda: "Sebaik-baik air yang keluar dari perut bumi ialah air Zamzam, terdapat padanya makanan yang boleh mengenyangkan dan penawar yang boleh menyembuhkan penyakit."
- iii. Ketika Muawiah bin Abu Sufian r.a mengerjakan ibadat Haji, beliau telah meminum air Zamzam dan berkata: "Air Zamzam merupakan penawar yang menyembuhkan berdasarkan kepada niat meminumnya".
- iv. Ibnu Abbas r.a berkata: "Kami menamakannya (iaitu air Zamzam) sebagai pengenyang. Air Zamzam itu boleh memberi nikmat yang menolong anak-anak kecil".
- v. Katanya lagi: "Minumlah dari minuman yang menyembuhkan iaitu air Zamzam".
- vi. Katanya lagi: Sesungguhnya apabila Rasulullah s.a.w meraikan seseorang lelaki, baginda akan meraikannya dengan memberi minum air Zamzam.

### **3. Saie**

#### **Doa Bersaie:**

Yang bermaksud: Wahai Tuhan yang membalik-balikkan segala hati, tetapkanlah hatiku di atas agamaMu. Wahai Tuhanku, sesungguhnya aku memohon kepadaMu segala yang mewajibkan rahmatMu, segala yang meneguhkan keampunanMu, kesejahteraan daripada segala dosa, memperolehi Syurga dan terpelihara dari api Neraka. Wahai Tuhanku, sesungguhnya aku memohon kepadaMu hidayat petunjuk, ketaqwaan, terpelihara dari segala kesalahan dan kekayaan. Wahai Tuhanku, tolonglah aku supaya aku

dapat menyebutMu, mensyukuri dan beribadat kepadaMu dengan sebaik-baiknya.

Wahai Tuhanku, sesungguhnya aku memohon kepadaMu segala kebajikan, apa yang aku ketahui, apa yang aku tidak ketahui dan apa yang belum aku ketahui. Aku memohon kepada Engkau Syurga dan perkara-perkara yang boleh mendekatkan aku kepadanya samada perkataan atau perbuatan. Aku berlindung dengan Engkau dari Neraka dan dari perkara-perkara yang boleh mendekatkan aku kepadanya samada perkataan atau perbuatan.

#### **Bukit Safa:**

Ketika mendaki bukit Safa disunatkan membaca Firman Allah:

Yang bermaksud: Sesungguhnya Safa dan Marwah itu ialah sebahagian daripada Syiar (lambang) agama Allah. Oleh itu sesiapa yang menunaikan ibadat Haji di Baitullah atau mengerjakan Umrah, maka tidak salah dia bersaie (berjalan secara berulang-alik) di antara keduanya. Sesiapa yang sukarela mengerjakan perkara kebajikan, maka sesungguhnya Allah pemberi balasan pahala, lagi Maha Mengetahui.

Kemudian menghadap ke arah Kaabah lalu mengucapkan: Yang bermaksud: Allah Yang Maha Besar, Allah Yang Maha Besar, Allah Yang Maha Besar, Allah Yang Maha Besar Terbesar dari segala yang besar-besar, segala puji-pujian tertentu bagi Allah, Maha suci Allah Yang Maha Agung dengan puji-pujian yang mulia pagi dan petang. Tidak ada Tuhan yang disembah dengan sebenar-benarnya melainkan Allah, Tuhan yang telah menepati segala janji-janjiNya, Tuhan yang telah menolong hambaNya dan menghancurkan segala musuh-musuh dengan keagunganNya. Tidak ada tuhan yang disembah dengan sebenar-benarnya melainkan Allah, kepada Allah kami memperhambakan diri kami dengan penuh keikhlasan dan kejujuran.

#### **Bukit Marwah:**

Ketika mendaki bukit Marwah disunatkan membaca Firman Allah:

Yang bermaksud: Sesungguhnya Safa dan Marwah itu ialah sebahagian daripada Syiar (lambang) agama Allah. Oleh itu sesiapa yang menunaikan ibadat Haji di Baitullah atau mengerjakan Umrah, maka tidak salah dia bersaie (berjalan secara berulang-alik) di antara keduanya. Sesiapa yang sukarela mengerjakan perkara kebajikan, maka sesungguhnya Allah pemberi balasan pahala, lagi Maha Mengetahui.

Kemudian menghadap ke arah Kaabah lalu mengucapkan: Yang bermaksud: Allah Yang Maha Besar, Allah Yang Maha Besar, Allah Yang Maha Besar, Allah Yang Maha Besar Terbesar dari segala yang besar-besar, segala puji-pujian tertentu bagi Allah, Maha suci Allah Yang Maha Agung dengan puji-pujian yang mulia pagi dan petang. Tidak ada Tuhan yang disembah dengan sebenar-benarnya melainkan Allah, Tuhan yang telah menepati segala janji-janjiNya, Tuhan yang telah menolong hambaNya dan menghancurkan segala musuh-musuh dengan keagunganNya. Tidak ada tuhan yang disembah dengan sebenar-benarnya melainkan Allah, kepada Allah kami memperhambakan diri kami dengan penuh keikhlasan dan kejujuran.

### **4. Bergunting**

#### **Bercukur atau Bergunting:**

Orang lelaki disunatkan memegang hujung rambut dengan tangannya ketika hendak bercukur serta bertakbir tiga kali kemudian berdoa: Yang bermaksud: Segala puji-pujian hanya bagi Allah yang memberi hidayah kepada kami, segala puji-pujian hanya bagi Allah yang telah mengurniakan kenikmatan kepada kami. Wahai Tuhanku! Inilah hujung rambutku maka terimalah daripadaku, serta ampunilah dosaku. Wahai Tuhanku! Ampunilah dosaku serta dosa orang-orang yang bercukur dan orang-orang yang bergunting wahai Tuhan Yang Amat Luas Pengampunan, amin. Apabila selesai bercukur bertakbirlah tiga kali kemudian membaca: Yang bermaksud: Segala puji-pujian hanya bagi Allah yang telah menyempurnakan ibadat-ibadat kami. Wahai Tuhanku! Tambahkan lah keimanan dan keyakinan, berikanlah taufik dan pertolongan, serta ampunilah kami, ibu bapa kami serta seluruh umat Islam.

### **5. Ihram Haji Tamattu'**

#### **Zikir Ketika Memakai Ihram:**

Yang bermaksud: Wahai Tuhanku! Jadikanlah ia Haji yang diterima, tanpa ada perasaan riak dan ingin menunjuk-nunjuk.

### **Zikir Khusus Untuk Talbiah:**

Yang bermaksud: (Telah aku penuhi seruanMu wahai Tuhanku, telah aku penuhi seruanMu, telah aku penuhi seruanMu wahai Tuhanku, tidak ada sekutu bagiMu. Telah aku penuhi seruanMu, sesungguhnya segala puji, segala nikmat dan segala pemerintahan adalah kepunyaanMu, tidak ada sekutu bagiMu) .

### **6. Bermalam Di Mina**

Di dalam hadis Jabir r.a tentang cara Nabi s.a.w mengerjakan ibadat Haji: " Lalu Rasulullah s.a.w menunggang unta menuju ke Mina, di sana baginda mendirikan sembahyang Zuhur, Asar, Maghrib, Isyak dan Subuh."

### **7. Wuquf Di Arafah**

#### **Wukuf di Padang Arafah:**

Perbanyakkanlah membaca doa yang dibaca oleh Nabi s.a.w pada Hari Arafah iaitu:

Yang bermaksud: Tiada Tuhan yang di sembah dengan sebenarnya melainkan Allah. Tiada sekutu bagiNya, Dialah yang memiliki kekuasaan, Dialah yang memiliki kepujian dan Dia berkuasa ke atas setiap perkara. Kemudian bacalah ayat ini: Yang bermaksud: Allah menerangkan (kepada sekalian makhlukNya dengan dalil-dalil dan bukti), bahawasanya tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Yang sentiasa mentadbirkan (seluruh alam) dengan keadilan, dan malaikat-malaikat serta orang-orang yang berilmu (mengakui dan menegaskan juga yang demikian); tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana. Kemudian berdoa dengan doa ini: Yang bermaksud: Wahai Tuhanku! Sesungguhnya Engkau mendengar kata-kataku dan melihat tempatku, mengetahui setiap yang aku rahsiakan dan yang aku zahirkan, tidak boleh disembunyikan sesuatupun dari pengetahuanMu. Aku hamba yang kerdil lagi fakir, memohon pertolongan dan balasan, aku hamba yang takut dan meminta belas kasihan serta mengaku terhadap segala kesalahan, aku meminta daripadaMu sebagai permintaan orang yang berhajat dan mengadu kepadaMu sebagai aduan orang yang bersalah dan hina diri, aku berdoa kepadaMu sebagai doa orang yang amat takut lagi tenat, orang yang menundukkan kepala serta seluruh anggota tubuh badan hanyalah kepadaMu. Yang bermaksud: Tiada Tuhan yang disembah dengan sebenarnya melainkan Allah. Tiada sekutu bagiNya, Dialah Yang Memiliki Kerajaan dan Dialah Yang Memiliki Kepujian, di sisiNya segala kebaikan dan Dialah Yang Maha Berkuasa ke atas setiap perkara. Wahai Tuhanku! Sinarkanlah hatiku, dadaku, pendengaranku dan penglihatanku dengan cahayaMu. Wahai Tuhanku! Lapangkanlah jiwaku, permudahkanlah urusanku. Aku berlindung denganMu dari segala waswas hati, dari urusan yang tidak teratur dan dari fitnah kubur. Wahai Tuhanku! Aku berlindung denganMu dari segala keburukan yang berlaku pada malam dan siang, dari keburukan yang didatangkan oleh angin dan dari segala bencana.

### **8. Ifadhah Ke Muzdalifah**

#### **Zikir Ketika Bertolak Dari Padang Arafah Menuju Ke Muzdalifah:**

Firman Allah Taala: Yang bermaksud: Kemudian apabila kamu bertolak turun dari padang Arafah (menuju ke Muzdalifah) maka sebutlah nama Allah (dengan doa, "talbiah" dan tasbih) di tempat Masy'ari Haram (di Muzdalifah), dan ingatlah kepada Allah dengan menyebutNya sebagaimana Dia telah memberikan petunjuk hidayah kepadamu; dan sesungguhnya kamu sebelum itu adalah dari golongan orang-orang yang salah jalan ibadatnya. Disunatkan juga membanyakkan Talbiah di setiap tempat dan ini merupakan di antara perkara-perkara yang diyakini, membanyakkan membaca al-Quran dan membanyakkan berdoa serta disunatkan menyebut: Yang bermaksud: Tidak ada tuhan yang disembah dengan sebenar-benarnya melainkan Allah, serta hanya Allah jualah Yang Maha Besar, kemudian diikuti dengan doa berikut: Yang bermaksud: Wahai Tuhanku! Kepada Engkau aku bergantung, Engkaulah tempat aku berharap, oleh itu terimalah ibadatku (Hajiku) dan berilah taufik hidayah dan rezeki untukku padanya dengan kebajikan, lebih banyak dari apa yang aku pohonkan, serta janganlah Engkau sia-siakan harapanku, sesungguhnya Engkaulah Yang Maha Pemurah lagi Maha Mulia. Wahai Tuhanku! Sesungguhnya aku memohon kepadaMu semoga Engkau limpahkan rezeki kepadaku di tempat ini dengan segala kebajikan, juga semoga Engkau memperbaiki segala urusanku dan memalingkan segala kejahatan daripadaku, kerana sesungguhnya hanya Engkaulah yang dapat berbuat demikian dan tidak ada

yang dapat memberikan yang demikian selain daripada Engkau sendiri.  
Kemudian pungutlah tujuh ketul batu kecil.

## **9. Melontar Jamratul Aqabah**

### **Ketika Berada Di Jamratul Aqabah:**

Hendaklah sentiasa bertalbiah sehingga tiba di Jamratul Aqabah kemudian hentikan talbiah serta jadikanlah Baitullah berada di sebelah kiri anda, manakala Mina di sebelah kanan anda dan hadaplah ke Jamrah. Lontarlah satu persatu serta iringilah dengan takbir pada setiap lontaran batu.

## **10. Menyembelih Dam**

### **Ketika Menyembelih Atau Berkorban Disunatkan Membaca:**

Yang bermaksud: Dengan nama Allah dan Allah Yang Maha Besar. Wahai Tuhanku! Kurniakanlah selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad s.a.w serta keluarga baginda. Wahai Tuhanku! Engkaulah yang menciptakan aku dan kepadaMu aku akan kembali, oleh itu terimalah korban daripadaku.

## **11. Bercukur Atau Bergunting**

Orang lelaki disunatkan memegang hujung rambut dengan tangannya ketika hendak bercukur serta bertakbir tiga kali kemudian berdoa: Yang bermaksud: Segala puji-pujian hanya bagi Allah yang memberi hidayah kepada kami, segala puji-pujian hanya bagi Allah yang telah mengurniakan kenikmatan kepada kami. Wahai Tuhanku! Inilah hujung rambutku maka terimalah daripadaku, serta ampunilah dosaku. Wahai Tuhanku! Ampunilah dosaku serta dosa orang-orang yang bercukur dan orang-orang yang bergunting wahai Tuhan Yang Amat Luas Pengampunan, amin. Apabila selesai bercukur bertakbirlah tiga kali kemudian membaca: Yang bermaksud: Segala puji-pujian hanya bagi Allah yang telah menyempurnakan ibadat-ibadat kami. Wahai Tuhanku! Tambahkan keimanan dan keyakinan, berikanlah taufik dan pertolongan, serta ampunilah kami, ibu bapa kami serta seluruh umat Islam.

## **12. Tawaf Ifadhah**

### **a. Mekah**

Allah Tabaraka Wa Taala menamakannya Ummul Qura berpandukan firman Nya:

Yang bermaksud: Supaya engkau memberi peringatan kepada penduduk Ummul Qura (Mekah) serta orang-orang yang tinggal di kelilingnya. Ia juga dinamakan dengan al-Baladul Amin (negeri yang aman) di dalam firman Allah s.w.t: Yang bermaksud: Demi buah tin dan zaitun dan bukit Tur Sina serta negeri (Mekah) yang aman ini. Juga firman Allah Taala: Yang bermaksud: Aku bersumpah dengan negeri (Mekah) ini; sedang engkau (wahai Muhammad) tinggal di negeri ini (sentiasa ditindas).

Di antara namanya juga ialah Baitul Atiq dimana Allah Subhanahu Wa Taala telah berfirman:

Yang bermaksud: Dan hendaklah mereka tawaf akan Baitullah (Kaabah) yang tua sejarahnya itu. Firman Nya juga: Yang bermaksud: Allah menjadikan Kaabah, rumah yang mulia itu, sebagai tempat tumpuan manusia (untuk menjalankan ibadat dan hal-hal kehidupan). Nabi Ibrahim al-Khalil a.s telah berdoa untuknya (Kaabah) dengan ucapannya: Yang bermaksud: Dan (ingatlah) ketika Nabi Ibrahim berdoa dengan berkata: Wahai Tuhanku! jadikanlah negeri Mekah ini negeri yang aman, dan jauhkanlah aku dan anak-anakku dari perbuatan menyembah berhala. Yang bermaksud: Dan (ingatlah) ketika Nabi Ibrahim (a.s.) berdoa dengan berkata: "Wahai Tuhanku! Jadikanlah (negeri Mekah) ini, negeri yang aman sentosa, dan berikanlah rezeki dari berbagai jenis buah-buahan kepada penduduknya, iaitu orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat di antara mereka". Allah berfirman: (Permohonanmu itu diterima) tetapi sesiapa yang kufur dan ingkar maka Aku akan beri juga dia bersenang-senang menikmati rezeki itu bagi sementara (di dunia), kemudian Aku memaksanya (dengan menyeretnya) ke azab neraka, dan (itulah) seburuk-buruk tempat kembali. Allah Taala berfirman: Yang bermaksud: Dan (ingatlah) ketika Kami jadikan Rumah Suci (Baitullah) itu tempat tumpuan bagi umat manusia (untuk Ibadat Haji) dan tempat yang aman; dan jadikanlah oleh kamu Makam Ibrahim itu tempat sembahyang. Dan Kami perintahkan kepada Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail (dengan berfirman): "Bersihkanlah Rumahku (Kaabah dan Masjidil Haram dari segala perkara yang dilarang) untuk orang-orang yang bertawaf, orang-orang yang beriktikaf (yang tetap tinggal padanya) dan orang-orang yang rukuk serta sujud".

Allah berfirman melalui kata-kata Nabi Ibrahim a.s: Yang bermaksud: Wahai Tuhan kami!

Sesungguhnya aku telah menempatkan sebahagian dari zuriat keturunanku di sebuah lembah (Tanah Suci

Mekah) yang tiada tanaman padanya, di sisi rumahMu yang diharamkan mencerobohnya. Ketika kaum Quraisy mengusir Rasulullah s.a.w, baginda telah berdiri di atas sebuah bukit sambil memandang ke arah Kota Mekah serta perkampungan-perkampungannya lalu berkata: Sesungguhnya aku mengetahui bahawa engkau adalah negeri yang aku amat kasihi dan engkau juga adalah tanah yang Allah amat kasihi. Sekiranya bukan kerana orang-orang musyrikin mengusir aku darimu tentu aku tidak akan keluar. Terdapat riwayat di dalam dua kitab sahih: Bahawa Rasulullah s.a.w telah bersabda: Sesungguhnya Allah mengharamkan negeri ini (Kota Mekah) sewaktu Dia menciptakan langit dan bumi, Allah mengharamkannya berterusan hingga ke hari Kiamat. Rasulullah s.a.w juga telah berdiri di Jamrah Aqabah pada tahun pembukaan Kota Mekah lalu bersabda: Demi Allah, sesungguhnya engkau adalah sebaik-baik bumi Allah dan engkau juga adalah bumi Allah yang paling aku kasihi, sekiranya aku tidak diusir tentu aku tidak keluar, sesungguhnya dalam Kota Mekah tidak dihalalkan kepada sesiapa pun sebelum aku, juga tidak dihalalkan kepada sesiapa selepasku dan aku sendiri hanya dihalalkan seketika sahaja pada waktu siang hari, kemudian ia diharamkan, pokok yang ada padanya tidak boleh ditebang atau mencabut tumbuhan kecil, barang yang hilang atau binatang yang sesat tidak boleh diambil kecuali orang yang ingin mengumumkannya. Mekah adalah merupakan Tanah Haram Allah dan Tanah Haram Rasulullah s.a.w di mana di situ ada tanda-tanda keterangan yang nyata (yang menunjukkan kemuliaannya di antaranya ialah) Makam Nabi Ibrahim.

### **Zikir dan Doa:**

Yang bermaksud: Wahai Tuhanku! Ini HaramMu (tempat yang Engkau lindungi) dan tempat yang Engkau peliharakan. Haramkanlah aku terhadap Neraka dan peliharalah aku dari azabMu pada hari Engkau bangkitkan segala hamba-hambaMu dan jadikanlah aku dari golonganMu serta dari golongan orang-orang yang mentaatiMu. Apabila memasuki Kota Mekah Rasulullah juga menyebut:

Yang bermaksud: Wahai Tuhanku! Janganlah Engkau jadikan ajal aku di sana (Mekah) sehingga kami keluar darinya. Seboleh-bolehnya apabila terlihat Kota Mekah, orang yang berihram menyebut:

Yang bermaksud: Ya Allah! Kurniakan kpd aku di sini tempat tinggal yang tetap dan rezeki yg halal.

### **b. Masjidilharam**

#### **Kelebihan Masjidilharam:**

Allah Taala juga menamakan Masjidilharam atau Kaabah dengan Baitul Atiq kerana Dia telah membebaskannya dari bala tentera (bergajah), oleh itu bala tersebut tidak menimpa Kaabah. Allah telah menghantar burung Ababil ke atas Abrahah dan tenteranya ketika cuba membinasakan Kaabah. (Dinamakan dengan Baitul Atiq juga) kerana Allah membebaskan pengunjung-pengunjungnya dari api (Neraka) apabila kematian mereka ketika berada dalam mentauhidkan Allah serta mengikut NabiNya (Islam). Kaabah dibina oleh bapa sekalian nabi-nabi iaitu Nabi Ibrahim a.s dan anaknya Nabi Ismail a.s. dengan petunjuk daripada Allah s.w.t berpandukan firmanNya: Yang bermaksud: Dan (ingatlah) ketika Nabi Ibrahim bersama-sama Nabi Ismail meninggikan binaan asas-asas (tapak) Baitullah (Kaabah) itu, sambil keduanya berdoa dengan berkata: Wahai Tuhan kami! Terimalah daripada kami (amal kami); sesungguhnya Engkaulah Yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui. Dengan ini bapa sekalian nabi-nabi telah membina masjid yang paling mulia di kawasan yang paling mulia. Allah Taala mengkhususkan Masjidilharam dengan tidak boleh bersusah payah untuk bermusafir melainkan kepadanya (Masjidilharam), Masjid Nabi dan Masjidilqsa, sebagaimana (dikhususkan juga) dengan digandakan pahala sembahyang di dalamnya dimana sembahyang di Masjidilharam (digandakan) dengan seribu sembahyang.

#### **Bacaan Ketika Memasuki Masjid:**

Yang bermaksud: Aku berlindung kepada Allah yang Maha Agung, dengan rupaNya yang Maha Mulia, kekuasaan yang azali dari Syaitan yang direjam. Segala puji bagi Allah, dengan nama Allah wahai Tuhanku selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad (s.a.w). Tuhanku ampunkanlah dosa-dosaku dan bukannya untukku kesemua pintu rahmatMu.

### **c. Kaabah**

#### **Kaabah:**

##### **Adab-adab memasuki Kaabah:**

Mandi, suci dari hadas kecil dan besar, tidak menolak-nolak, hati mestilah khusyuk serta merasa rendah diri, mengeluarkan air mata sekiranya Allah s.w.t menghendaknya demikian, jangan meninggikan pandangan ke arah atap Kaabah, tinggallah perkara itu untuk memuliakan dan membesarkan Allah Taala dan hendaklah sentiasa mengingati Allah s.w.t. Diriwayatkan daripada Saidatina Aisyah r.a katanya (yang bermaksud): "Menjadi suatu kepelikan kepada seseorang Muslim ketika dia mengangkat pandangannya ke arah atap Kaabah apabila memasuki Kaabah. Tinggallah perkara itu untuk memuliakan dan membesarkan Allah Taala". Ketika Rasulullah s.a.w memasuki Kaabah, baginda tidak mengalih pandangannya dari tempat sujudnya sehinggalah baginda keluar.

##### **Nabi s.a.w memasuki Kaabah:**

Nabi s.a.w memasuki Kaabah empat kali selepas berhijrah:

Pertama: Di hari pembukaan Kota Mekah.

Kedua: Pembukaan Kota Mekah yang kedua.

Ketiga: Ketika mengerjakan Umrah qadha.

Keempat: Ketika mengerjakan Haji Wida'.

##### **Pahala memasuki Kaabah:**

Rasulullah s.a.w bersabda (yang bermaksud): "Sesiapa yang memasuki Kaabah lalu mengerjakan sembahyang di dalamnya, bererti dia masuk ke dalam kebaikan dan keluar dari segala keburukan dalam keadaan dia diberikan keampunan". Pada lafaz yang lain: "Dia keluar dalam keadaan diampunkan dosanya". Ibnu Umar r.a telah berkata tentang memasuki Kaabah: "Masuk ke dalam kebaikan dan keluar dari segala keburukan". Ata' berkata: "Sesungguhnya aku lebih suka mengerjakan sembahyang di dalam Kaabah sebanyak dua rakaat dari mendirikan sembahyang empat rakaat di Masjidilharam". Diriwayatkan daripada Yahya bin Ju'dah bin Hubairah tentang firman Allah: Yang bermaksud: Sesiapa yang memasuki Kaabah akan mendapat keamanan. Katanya: "Keamanan dari api Neraka". Al-Hafiz Abu Tahir As-Salafi Rahmatullah mendendangkan nasyid kepada dirinya sendiri ketika memasuki Kaabah: Yang bermaksud: Adakah selepas memasuki Kaabah Allah akan menjamin Adakah akan tertinggal dosa-dosa dan kesalahan yang tersembunyi. Maka maha sucilah setiap perkara tadi, bahkan akan dimaafi segala-galanya dan akan kembali seseorang itu dalam keadaan beriman dan gembira. Kelebihan Melihat Kaabah: Ibnu Abbas r.a berkata: "Memerhatikan Kaabah akan mengukuhkan iman". Hamad bin Abi Salamah Rahimahullah berkata: "Orang yang memerhatikan Kaabah adalah seperti orang yang bersungguh-sungguh dalam beribadat". Mujahid berkata: "Memerhatikan Kaabah merupakan ibadat". Said bin Musayyab berkata: "Sesiapa yang memerhatikan Kaabah dengan penuh keimanan dan kepercayaan, akan gugur segala kesalahan dan dosanya sebagaimana ketika dia dilahirkan".

##### **Zikir dan Doa:**

1. Telah diriwayatkan bahawa doa yang dibaca ketika melihat Kaabah adalah mustajab, di antara doa yg ma'thur ialah: Yang bermaksud: Ya Allah! Tambahkan lah Baitullah ini dengan kemuliaan, kebesaran, keagungan dan kebaikan serta tambahkanlah kurniaMu kepada sesiapa jua yang memuliakannya (Baitullah) dan membesarkannya dari kalangan orang-orang yg mengerjakan ibadat Haji atau Umrah dengan kemuliaan, kebesaran, keagungan dan kebajikan dan berdoa: Yang bermaksud: Ya Allah! Engkaulah yang bersifat sejahtera, dariMu sahajalah kesejahteraan. Oleh itu hidupakanlah kami wahai Tuhan kami dengan kesejahteraan. Yang bermaksud: Ya Allah, sesungguhnya Tanah Haram ini, negeri ini, ketenteraman yang ada di dalamnya dan hamba yang ada padanya semuanya kepunyaanMu, hambaMu ini telah datang menyahut panggilanMu dari negeri yang jauh dengan membawa dosa yang banyak dan amalan-amalan yang buruk, aku pohonkan kepadaMu belas kasihan kerana takutkan siksaMu, terimalah aku dengan keluasan kemaafanMu dan masukkanlah aku ke dalam keluasan SyurgaMu (Syurga an-Naim). Ya Allah, sesungguhnya ini adalah Tanah HaramMu maka haramkanlah dagingku, darahku dan tulang sendiku dari api Neraka. Ya Allah, peliharalah aku dari siksaMu pada hari engkau membangkitkan semula hamba-hambaMu.

#### **d. Multazam**

##### **Doa Di Multazam:**

Yang bermaksud: Wahai Tuhanku, untukMu segala puji yang menyamai nikmatMu dan menandingi kelebihanMu, aku memuji Engkau dengan segala puji yang aku ketahui, dengan apa yang aku tidak ketahui terhadap segala nikmat Engkau yang aku ketahui dan yang aku tidak ketahui serta terhadap segala rupa keadaan. Yang bermaksud: Wahai Tuhanku, sanjungkanlah Muhammad dan sejahterakanlah baginda serta keluarganya. Wahai Tuhanku! Lindungilah aku dari syaitan yang terkutuk, lindungilah aku dari segala kejahatan dan jadikanlah diriku merasa puas terhadap apa yang telah Engkau rezekikan serta kurniakanlah keberkatan untukku. Yang bermaksud: Wahai Tuhanku! Jadikanlah aku dari orang yang paling mulia yang datang kepadaMu dan kekalkanlah aku dalam jalan istiqamah sehingga aku berjumpaMu wahai Tuhan sekalian alam.

#### **e. Hajarulaswad**

##### **Kelebihan Hajarulaswad:**

- i. Berdasarkan kepada bukti-bukti yang nyata, Rasulullah s.a.w telah mengucup Hajarulaswad. Selepas baginda mengucupnya para sahabat serta seluruh umat Islam terus mengucupnya hingga ke hari Kiamat kerana mengikuti Rasulullah s.a.w dalam perkara ini.
- ii. Saidina Umar bin Al-Khattab r.a telah memberi peringatan kepada seluruh umat Islam dari beriktikad bahawa terdapat sesuatu yang boleh memberi manfaat dan kemudaratannya selain daripada Allah s.w.t. Terdapat riwayat di dalam kitab Sahih bahawa Saidina Umar bin Al-Khattab r.a pernah berkata: Demi Allah! Sesungguhnya aku telah menyedari bahawa kamu hanyalah batu, tidak boleh memberi manfaat dan kemudaratannya. Sekiranya aku tidak melihat Rasulullah s.a.w mengucupmu, tentu aku tidak akan mengucupmu.
- iii. Terdapat riwayat sahih bahawa Nabi s.a.w telah bersabda: Allah akan membangkitkan Hajarulaswad pada hari Kiamat dengan mempunyai dua mata yang dapat melihat dan lidah yang dapat berkata-kata. Ia akan menjadi saksi kepada sesiapa yang mengucupnya dengan keadaan yang sebenar. Imam Tirmizi mensahihkan hadis Rasulullah s.a.w dimana baginda bersabda: Hajarulaswad diturunkan dari Syurga dalam keadaan lebih putih daripada susu tetapi telah dihitamkan dengan kesalahan dan dosa anak-anak Adam. Di dalam lafaz yang lain: Sehingga telah dihitamkan oleh kesalahan dan dosa golongan syirik (yang menyekutukan Allah).

##### **Doa Di Hajarulaswad:**

Yang bermaksud: Dengan nama Allah dan Allahlah Yang Maha Besar. Wahai Tuhanku! Aku beriman kepadaMu, percaya kepada kitabMu, memenuhi perintahMu dan mengikuti sunnah NabiMu s.a.w.

\* Disunatkan membaca zikir ini ketika menghadap ke arah Hajarulaswad pada setiap pusingan Tawaf.

#### **f. Maqam Ibrahim**

##### **Maqam Nabi Ibrahim a.s:**

Rasulullah s.a.w. telah bersabda (yang bermaksud): Rukun (penjuru Kaabah) dan Maqam Nabi Ibrahim a.s diperbuat dari permata-permata delima dari Syurga. Allah telah padamkan cahaya keduanya, jika tidak tentu cahayanya akan menerangi antara timur dan barat. Daripada Ibnu Umar r.a katanya: Sesungguhnya Rukun (penjuru Kaabah) dan Maqam Nabi Ibrahim a.s diperbuat dari permata-permata delima dari Syurga. Jika kedua-duanya tidak dihapuskan oleh kesalahan dan dosa anak-anak Adam, tentu cahayanya akan menerangi antara timur dan barat.

##### **Zikir dan Doa :**

- i. Disunatkan membaca firman Allah Taala :  
Yang bermaksud: Dan kamu jadikanlah Maqam Ibrahim itu tempat sembahyang.
- ii. Disunatkan menunaikan sembahyang dua rakaat dengan membaca al-Fatihah dan surah al-Kafirun pada rakaat pertama manakala pada rakaat kedua membaca al-Fatihah dan surah al-Ikhlash.
- iii. Seterusnya berdoa dengan menyebut:  
Yang bermaksud: Wahai Tuhanku! Aku hambaMu dan anak hambaMu, aku datang kepadaMu dengan dosa-dosa yang besar dan pekerjaan yang buruk dan inilah tempat perlindungan denganMu dari

Neraka, oleh itu ampunilah aku kerana sesungguhnya Engkaulah Yang Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.

### **g. Hijir**

#### **Hijir:**

Yang bermaksud: Wahai Tuhanku! Aku datang kepadaMu dari tempat yang jauh dengan mengharap kebaikanMu, oleh itu kurniakanlah kepadaku suatu kebaikan dari kebaikanMu yang tidak perlu lagi aku pohon daripada kebaikan orang lain, wahai Tuhan yang terkenal dengan menganugerahkan kebaikan.

### **h. Zamzam**

#### **Air Zamzam:**

Rasulullah s.a.w bersabda (mengenai air Zamzam): "Sesungguhnya air Zamzam itu merupakan makanan yang mengenyangkan dan penawar yang menyembuhkan penyakit".

- i. Diriwayatkan daripada Ibnu Abbas r.a katanya: Rasulullah s.a.w telah bersabda: "Air Zamzam merupakan penawar yang menyembuhkan berdasarkan kepada niat meminumnya".
- ii. Diriwayatkan daripada Ibnu Abbas r.a katanya: Rasulullah s.a.w telah bersabda: "Sebaik-baik air yang keluar dari perut bumi ialah air Zamzam, terdapat padanya makanan yang boleh mengenyangkan dan penawar yang boleh menyembuhkan penyakit."
- iii. Ketika Muawiah bin Abu Sufian r.a mengerjakan ibadat Haji, beliau telah meminum air Zamzam dan berkata: "Air Zamzam merupakan penawar yang menyembuhkan berdasarkan kepada niat meminumnya".
- iv. Ibnu Abbas r.a berkata: "Kami menamakannya (iaitu air Zamzam) sebagai pengenyang. Air Zamzam itu boleh memberi nikmat yang menolong anak-anak kecil".
- v. Katanya lagi: "Minumlah dari minuman yang menyembuhkan iaitu air Zamzam".
- vi. Katanya lagi: Sesungguhnya apabila Rasulullah s.a.w meraikan seseorang lelaki, baginda akan meraikannya dengan memberi minum air Zamzam.

### **13. Saie**

#### **Doa Bersaie:**

Yang bermaksud: Wahai Tuhan yang membalik-balikkan segala hati, tetapkanlah hatiku di atas agamaMu. Wahai Tuhanku, sesungguhnya aku memohon kepadaMu segala yang mewajibkan rahmatMu, segala yang meneguhkan keampunanMu, kesejahteraan daripada segala dosa, memperolehi Syurga dan terpelihara dari api Neraka. Wahai Tuhanku, sesungguhnya aku memohon kepadaMu hidayat petunjuk, ketaqwaan, terpelihara dari segala kesalahan dan kekayaan. Wahai Tuhanku, tolonglah aku supaya aku dapat menyebutMu, mensyukuri dan beribadat kepadaMu dengan sebaik-baiknya.

Wahai Tuhanku, sesungguhnya aku memohon kepadaMu segala kebajikan, apa yang aku ketahui, apa yang aku tidak ketahui dan apa yang belum aku ketahui. Aku memohon kepada Engkau Syurga dan perkara-perkara yang boleh mendekatkan aku kepadanya samada perkataan atau perbuatan. Aku berlindung dengan Engkau dari Neraka dan dari perkara-perkara yang boleh mendekatkan aku kepadanya samada perkataan atau perbuatan.

#### **Bukit Safa:**

Ketika mendaki bukit Safa disunatkan membaca Firman Allah:

Yang bermaksud: Sesungguhnya Safa dan Marwah itu ialah sebahagian daripada Syiar (lambang) agama Allah. Oleh itu sesiapa yang menunaikan ibadat Haji di Baitullah atau mengerjakan Umrah, maka tidak salah dia bersaie (berjalan secara berulang-alik) di antara keduanya. Sesiapa yang sukarela mengerjakan perkara kebajikan, maka sesungguhnya Allah pemberi balasan pahala, lagi Maha Mengetahui.

Kemudian menghadap ke arah Kaabah lalu mengucapkan: Yang bermaksud: Allah Yang Maha Besar, Allah Yang Maha Besar, Allah Yang Maha Besar, Allah Yang Maha Besar Terbesar dari segala yang besar-besar, segala puji-pujian tertentu bagi Allah, Maha suci Allah Yang Maha Agung dengan puji-pujian yang mulia pagi dan petang. Tidak ada Tuhan yang disembah dengan sebenar-benarnya melainkan Allah, Tuhan yang telah menepati segala janji-janjiNya, Tuhan yang telah menolong hambaNya dan menghancurkan segala musuh-musuh dengan keagunganNya. Tidak ada tuhan yang disembah dengan

sebenar-benarnya melainkan Allah, kepada Allah kami memperhambakan diri kami dengan penuh keikhlasan dan kejujuran.

### **Bukit Marwah:**

Ketika mendaki bukit Marwah disunatkan membaca Firman Allah:

Yang bermaksud: Sesungguhnya Safa dan Marwah itu ialah sebahagian daripada Syiar (lambang) agama Allah. Oleh itu sesiapa yang menunaikan ibadat Haji di Baitullah atau mengerjakan Umrah, maka tidak salah dia bersaie (berjalan secara berulang-alik) di antara keduanya. Sesiapa yang sukarela mengerjakan perkara kebajikan, maka sesungguhnya Allah pemberi balasan pahala, lagi Maha Mengetahui. Kemudian menghadap ke arah Kaabah lalu mengucapkan: Yang bermaksud: Allah Yang Maha Besar, Allah Yang Maha Besar, Allah Yang Maha Besar, Allah Yang Maha Besar Terbesar dari segala yang besar-besar, segala puji-pujian tertentu bagi Allah, Maha suci Allah Yang Maha Agung dengan puji-pujian yang mulia pagi dan petang. Tidak ada Tuhan yang disembah dengan sebenar-benarnya melainkan Allah, Tuhan yang telah menepati segala janji-janjinya, Tuhan yang telah menolong hambaNya dan menghancurkan segala musuh-musuh dengan keagunganNya. Tidak ada tuhan yang disembah dengan sebenar-benarnya melainkan Allah, kepada Allah kami memperhambakan diri kami dengan penuh keikhlasan dan kejujuran.

## **14. Bermalam Di Mina**

### **a. Firman Allah s. w. t:**

Yang bermaksud: Dan sebutlah kamu akan Allah (dengan takbir semasa mengerjakan Haji) dalam beberapa hari yang tertentu bilangannya. Kemudian sesiapa yang segera (meninggalkan Mina) pada hari yang kedua, maka dia tidaklah berdosa dan sesiapa yang melambatkan (meninggalkan Mina) maka dia juga tidaklah berdosa. (Ketiadaan dosa itu ialah) bagi orang yang bertakwa.

b. Diriwayatkan dpd Ibnu Umar r.a katanya: Adapun Rasulullah s.a. w, baginda telah bermalam di Mina.

c. Diriwayatkan daripada Umar r.a katanya: Dia pernah melarang orang ramai supaya tidak bermalam di belakang Jamrah Aqabah walaupun seorang malah dia meminta mereka supaya memasuki mina.

## **15. Melontar Setiap Jamrah**

### **Melontar Ketiga-tiga Jamrah:**

Selepas tergelincir matahari pergilah ke tempat melontar Jamrah dan mulakanlah dengan Jamrah Sughra yang terletak selepas masjid Khaif serta lontarlah dengan tujuh ketul batu kecil satu demi satu, setiap kali lontaran batu ucaplah: .....Kemudian hadaplah ke arah kiblat, angkatlah kedua-dua tangan anda sambil berdoa dengan kadar membaca surah al-Baqarah. Kemudian lontarlah Jamrah Wusta sebagaimana di Jamrah Sughra, kemudian hadaplah ke arah kiblat dengan mengangkat tangan sambil berdoa hampir sama kadar doa anda selepas melontar Jamrah Sughra. Selepas itu lontarlah Jamrah Aqabah dengan tujuh ketul batu kecil serta jadikanlah Baitullah berada di sebelah kiri anda manakala Mina di sebelah kanan anda.

## **16. Tawaf Wida'**

### **1. Mekah**

#### **Kelebihan-kelebihan Mekah Mukarramah:**

Allah Tabaraka Wa Taala menamakannya Ummul Qura berpandukan firman Nya:

Yang bermaksud: Supaya engkau memberi peringatan kepada penduduk Ummul Qura (Mekah) serta orang-orang yang tinggal di kelilingnya. Ia juga dinamakan dengan al-Baladul Amin (negeri yang aman) di dalam firman Allah s. w. t: Yang bermaksud: Demi buah tin dan zaitun dan bukit Tur Sina serta negeri (Mekah) yang aman ini. Juga firman Allah Taala: Yang bermaksud: Aku bersumpah dengan negeri (Mekah) ini; sedang engkau (wahai Muhammad) tinggal di negeri ini (sentiasa ditindas). Di antara namanya juga ialah Baitul Atiq dimana Allah Subhanahu Wa Taala telah berfirman: Yang bermaksud: Dan hendaklah mereka tawaf akan Baitullah (Kaabah) yang tua sejarahnya itu. Firman Nya juga: Yang bermaksud: Allah menjadikan Kaabah, rumah yang mulia itu, sebagai tempat tumpuan manusia (untuk menjalankan ibadat dan hal-hal kehidupan). Nabi Ibrahim Al-Khalil a.s telah berdoa untuknya (Kaabah) dengan ucapannya: Yang bermaksud: Dan (ingatlah) ketika Nabi Ibrahim berdoa dengan berkata: Wahai Tuhanku! jadikanlah negeri Mekah ini negeri yang aman, dan jauhkanlah aku dan anak-anakku dari

perbuatan menyembah berhala. Yang bermaksud: Dan (ingatlah) ketika Nabi Ibrahim (a.s.) berdoa dengan berkata: "Wahai Tuhanku! Jadikanlah (negeri Mekah) ini, negeri yang aman sentosa, dan berikanlah rezeki dari berbagai jenis buah-buahan kepada penduduknya, iaitu orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat di antara mereka". Allah berfirman: (Permohonanmu itu diterima) tetapi sesiapa yang kufur dan ingkar maka Aku akan beri juga dia bersenang-senang menikmati rezeki itu bagi sementara (di dunia), kemudian Aku memaksanya (dengan menyeretnya) ke azab neraka, dan (itulah) seburuk-buruk tempat kembali. Allah Taala berfirman: Yang bermaksud: Dan (ingatlah) ketika Kami jadikan Rumah Suci (Baitullah) itu tempat tumpuan bagi umat manusia (untuk Ibadat Haji) dan tempat yang aman; dan jadikanlah oleh kamu Makam Ibrahim itu tempat sembahyang. Dan Kami perintahkan kepada Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail (dengan berfirman): "Bersihkanlah Rumahku (Kaabah dan Masjidil Haram dari segala perkara yang dilarang) untuk orang-orang yang bertawaf, orang-orang yang beriktikaf (yang tetap tinggal padanya) dan orang-orang yang rukuk serta sujud". Allah berfirman melalui kata-kata Nabi Ibrahim a.s: Yang bermaksud: (Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya aku telah menempatkan sebahagian dari zuriat keturunanku di sebuah lembah (Tanah Suci Mekah) yang tiada tanaman padanya, di sisi rumahMu yang diharamkan mencerobohnya). Ketika kaum Quraisy mengusir Rasulullah s.a.w, baginda telah berdiri di atas sebuah bukit sambil memandang ke arah Kota Mekah serta perkampungan-perkampungannya lalu berkata: Sesungguhnya aku mengetahui bahawa engkau adalah negeri yang aku amat kasihi dan engkau juga adalah tanah yang Allah amat kasihi. Sekiranya bukan kerana orang-orang musyrikin mengusir aku darimu tentu aku tidak akan keluar. Terdapat riwayat di dalam dua kitab sahih: Bahawa Rasulullah s.a.w telah bersabda: Sesungguhnya Allah mengharamkan negeri ini (Kota Mekah) sewaktu Dia menciptakan langit dan bumi, Allah mengharamkannya berterusan hingga ke hari Kiamat. Rasulullah s.a.w juga telah berdiri di Jamrah Aqabah pada tahun pembukaan Kota Mekah lalu bersabda: Demi Allah, sesungguhnya engkau adalah sebaik-baik bumi Allah dan engkau juga adalah bumi Allah yang paling aku kasihi, sekiranya aku tidak diusir tentu aku tidak keluar, sesungguhnya dalam Kota Mekah tidak dihalalkan kepada sesiapa pun sebelum aku, juga tidak dihalalkan kepada sesiapa selepasku dan aku sendiri hanya dihalalkan seketika sahaja pada waktu siang hari, kemudian ia diharamkan, pokok yang ada padanya tidak boleh ditebang atau mencabut tumbuhan kecil, barang yang hilang atau binatang yang sesat tidak boleh diambil kecuali orang yang ingin mengumumkannya. Mekah adalah merupakan Tanah Haram Allah dan Tanah Haram Rasulullah s.a.w di mana di situ ada tanda-tanda keterangan yang nyata (yang menunjukkan kemuliaannya di antaranya ialah) Makam Nabi Ibrahim.

### **Zikir dan Doa:**

Yang bermaksud: Wahai Tuhanku! Ini HaramMu (tempat yang Engkau lindungi) dan tempat yang Engkau peliharakan. Haramkanlah aku terhadap Neraka dan peliharalah aku dari azabMu pada hari Engkau bangkitkan segala hamba-hambaMu dan jadikanlah aku dari golonganMu serta dari golongan orang-orang yang mentaatiMu. Apabila memasuki Kota Mekah Rasulullah juga menyebut: Yang bermaksud: Wahai Tuhanku! Janganlah Engkau jadikan ajal aku di sana (Mekah) sehingga kami keluar darinya. Seboleh-bolehnya apabila terlihat Kota Mekah, orang yang berhram menyebut: Yang bermaksud: Ya Allah! Kurniakan kepada aku di sini tempat tinggal yang tetap dan rezeki yang halal.

## **2. Masjidilharam**

### **Kelebihan Masjidilharam:**

Allah Taala juga menamakan Masjidilharam atau Kaabah dengan Baitul Atiq kerana Dia telah membebaskannya dari bala tentera (bergajah), oleh itu bala tersebut tidak menimpa Kaabah. Allah telah menghantar burung Ababil ke atas Abrahah dan tenteranya ketika cuba membinasakan Kaabah. (Dinamakan dengan Baitul Atiq juga) kerana Allah membebaskan pengunjung-pengunjungnya dari api (Neraka) apabila kematian mereka ketika berada dalam mentauhidkan Allah serta mengikut NabiNya (Islam). Kaabah dibina oleh bapa sekalian nabi-nabi iaitu Nabi Ibrahim a.s dan anaknya Nabi Ismail a.s. dengan petunjuk daripada Allah s.w.t berpandukan firmanNya: Yang bermaksud: Dan (ingatlah) ketika Nabi Ibrahim bersama-sama Nabi Ismail meninggikan binaan asas-asas (tapak) Baitullah (Kaabah) itu, sambil keduanya berdoa dengan berkata: Wahai Tuhan kami! Terimalah daripada kami (amal kami); sesungguhnya Engkaulah Yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui. Dengan ini bapa sekalian nabi-nabi telah membina masjid yang paling mulia di kawasan yang paling mulia. Allah Taala mengkhususkan

Masjidilharam dengan tidak boleh bersusah payah untuk bermusafir melainkan kepadanya asjidilharam), Masjid Nabi dan Masjidilqsa, sebagaimana (dikhususkan juga) dengan digandakan pahala sembahyang di dalamnya dimana sembahyang di Masjidilharam (digandakan) dengan seribu sembahyang.

### **Bacaan Ketika Memasuki Masjid:**

Yang bermaksud: Aku berlindung kepada Allah yang Maha Agung, dengan rupaNya yang Maha Mulia, kekuasaan yang azali dari Syaitan yang direjam. Segala puji bagi Allah, dengan nama Allah wahai Tuhanku selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad (s.a.w). Tuhanku ampunkanlah dosa-dosaku dan bukakanlah untukku kesemua pintu rahmatMu.

### **3. Kaabah**

#### **Adab Memasuki Kaabah:**

Mandi, suci dari hadas kecil dan besar, tidak menolak-nolak, hati mestilah khusyuk serta merasa rendah diri, mengeluarkan air mata sekiranya Allah s.w.t menghendakinya demikian, jangan meninggikan pandangan ke arah atap Kaabah, tinggallah perkara itu untuk memuliakan dan membesarkan Allah Taala dan hendaklah sentiasa mengingati Allah s.w.t. Diriwayatkan daripada saidatina Aisyah r.a katanya (yang bermaksud): "Menjadi suatu kepelikan kepada seseorang Muslim ketika dia mengangkat pandangannya ke arah atap Kaabah apabila memasuki Kaabah. Tinggallah perkara itu untuk memuliakan dan membesarkan Allah Taala". Ketika Rasulullah s.a.w memasuki Kaabah, baginda tidak mengalih pandangannya dari tempat sujudnya sehinggalah baginda keluar.

#### **Nabi s.a.w memasuki Kaabah:**

Nabi s.a.w memasuki Kaabah empat kali selepas berhijrah.

Pertama: Di hari pembukaan Kota Mekah.

Kedua: Pembukaan Kota Mekah yang kedua.

Ketiga: Ketika mengerjakan Umrah qadha.

Keempat: Ketika mengerjakan Haji Wida'.

#### **Pahala memasuki Kaabah:**

Rasulullah s.a.w bersabda (yang bermaksud): "Sesiapa yang memasuki Kaabah lalu mengerjakan sembahyang di dalamnya, bererti dia masuk ke dalam kebaikan dan keluar dari segala keburukan dalam keadaan dia diberikan keampunan". Pada lafaz yang lain: "Dia keluar dalam keadaan diampunkan dosanya". Ibnu Umar r.a telah berkata tentang memasuki Kaabah: "Masuk ke dalam kebaikan dan keluar dari segala keburukan". Ata' berkata: "Sesungguhnya aku lebih suka mengerjakan sembahyang di dalam Kaabah sebanyak dua rakaat dari mendirikan sembahyang empat rakaat di Masjidil Haram". Diriwayatkan daripada Yahya bin Ju'dah bin Hubairah tentang firman Allah: Yang bermaksud: Sesiapa yang memasuki Kaabah akan mendapat keamanan. Katanya: "Keamanan dari api Neraka". Al-Hafiz Abu Tahir As-Salafi Rahmatullah mendendangkan nasyid kepada dirinya sendiri ketika memasuki Kaabah: Yang bermaksud: Adakah selepas memasuki Kaabah Allah akan menjamin Adakah akan tertinggal dosa-dosa dan kesalahan yang tersembunyi. Maka maha sucilah setiap perkara tadi, bahkan akan dimaafi segala-galanya dan akan kembali seseorang itu dalam keadaan beriman dan gembira. Kelebihan Melihat Kaabah: Ibnu Abbas r.a berkata: "Memerhatikan Kaabah akan mengukuhkan iman". Hamad bin Abi Salamah Rahimahullah berkata: "Orang yang memerhatikan Kaabah adalah seperti orang yang bersungguh-sungguh dalam eribadat". Mujahid berkata: "Memerhatikan Kaabah merupakan ibadat". Said bin Musayyab berkata: "Sesiapa yang memerhatikan Kaabah dengan penuh keimanan dan kepercayaan, akan gugurlah segala kesalahan dan dosanya sebagaimana ketika dia dilahirkan".

#### **Zikir dan Doa:**

1. Telah diriwayatkan bahawa doa yang dibaca ketika melihat Kaabah adalah mustajab, di antara doa yg ma'thur ialah: Yang bermaksud: Ya Allah! Tambahkan lah Baitullah ini dengan kemuliaan, kebesaran, keagungan dan kebaikan serta tambahkanlah kurniaMu kepada sesiapa jua yang memuliakannya (Baitullah) dan membesarkannya dari kalangan orang-orang yang mengerjakan ibadat Haji atau Umrah dengan kemuliaan, kebesaran, keagungan dan kebajikan dan berdoa: Yang bermaksud: Ya Allah! Engkaulah yang bersifat sejahtera, dariMu sahajalah kesejahteraan. Oleh itu hidupakanlah kami

wahai Tuhan kami dengan kesejahteraan. Yang bermaksud: Ya Allah, sesungguhnya Tanah Haram ini, negeri ini, ketenteraman yang ada di dalamnya dan hamba yang ada padanya semuanya kepunyaanMu, hambaMu ini telah datang menyahut panggilanMu dari negeri yang jauh dengan membawa dosa yang banyak dan amalan-amalan yang buruk, aku pohonkan kepadaMu belas kasihan kerana takutkan siksaMu, terimalah aku dengan keluasan kemaafanMu dan masukkanlah aku ke dalam keluasan SyurgaMu (Syurga an-Naim). Ya Allah, sesungguhnya ini adalah Tanah HaramMu maka haramkanlah dagingku, darahku dan tulang sendiku dari api Neraka. Ya Allah, peliharalah aku dari siksaMu pada hari engkau membangkitkan semula hamba-hambaMu.

#### **4. Multazam**

##### **Doa Di Multazam:**

Yang bermaksud: Wahai Tuhanku, untukMu segala puji yang menyamai nikmatMu dan menandingi kelebihanMu, aku memuji Engkau dengan segala puji yang aku ketahui, dengan apa yang aku tidak ketahui terhadap segala nikmat Engkau yang aku ketahui dan yang aku tidak ketahui serta terhadap segala rupa keadaan. Yang bermaksud: Wahai Tuhanku, sanjungkanlah Muhammad dan sejahterakanlah baginda serta keluarganya. Wahai Tuhanku! Lindungilah aku dari syaitan yang terkutuk, lindungilah aku dari segala kejahatan dan jadikanlah diriku merasa puas terhadap apa yang telah Engkau rezekikan serta kurniakanlah keberkatan untukku. Yang bermaksud: Wahai Tuhanku! Jadikanlah aku dari orang yang paling mulia yang datang kepadaMu dan kekalkanlah aku dalam jalan istiqamah sehingga aku berjumpaMu wahai Tuhan sekalian alam.

#### **5. Hajarulaswad**

##### **Kelebihan Hajarulaswad:**

- a. Berdasarkan kepada bukti-bukti yang nyata, Rasulullah s.a.w telah mengucup Hajarulaswad. Selepas baginda mengucupnya para sahabat serta seluruh umat Islam terus mengucupnya hingga ke hari Kiamat kerana mengikuti Rasulullah s.a.w dalam perkara ini.
- b. Saidina Umar bin Al-Khattab r.a telah memberi peringatan kepada seluruh umat Islam dari beriktikad bahawa terdapat sesuatu yang boleh memberi manfaat dan kemudaratan selain daripada Allah s.w.t. Terdapat riwayat di dalam kitab Sahih bahawa Saidina Umar bin Al-Khattab r.a pernah berkata: Demi Allah! Sesungguhnya aku telah menyedari bahawa kamu hanyalah batu, tidak boleh memberi manfaat dan kemudaratan. Sekiranya aku tidak melihat Rasulullah s.a.w mengucupmu, tentu aku tidak akan mengucupmu.
- c. Terdapat riwayat sahih bahawa Nabi s.a.w telah bersabda: Allah akan membangkitkan Hajarulaswad pada hari Kiamat dengan mempunyai dua mata yang dapat melihat dan lidah yang dapat berkata-kata. Ia akan menjadi saksi kepada sesiapa yang mengucupnya dengan keadaan yang sebenar. Imam Tirmizi mensahihkan hadis Rasulullah s.a.w dimana baginda bersabda: Hajarulaswad diturunkan dari Syurga dalam keadaan lebih putih daripada susu tetapi telah dihitamkan dengan kesalahan dan dosa anak-anak Adam. Di dalam lafaz yang lain: Seinggalah telah dihitamkan oleh kesalahan dan dosa golongan syirik (yang menyekutukan Allah).

##### **Doa Di Hajarulaswad:**

Yang bermaksud: Dengan nama Allah dan Allahlah Yang Maha Besar. Wahai Tuhanku! Aku beriman kepadaMu, percaya kepada kitabMu, memenuhi perintahMu dan mengikuti sunnah NabiMu s.a.w.

\* Disunatkan membaca zikir ini ketika menghadap ke arah Hajarulaswad pada setiap pusingan Tawaf.

#### **6. Maqam Ibrahim**

##### **Maqam Nabi Ibrahim a.s:**

Rasulullah s.a.w. telah bersabda (yang bermaksud): Rukun (penjuru Kaabah) dan Maqam Nabi Ibrahim a.s diperbuat dari permata-permata delima dari Syurga. Allah telah padamkan cahaya keduanya, jika tidak tentu cahayanya akan menerangi antara timur dan barat. Daripada Ibnu Umar r.a katanya: Sesungguhnya Rukun (penjuru Kaabah) dan Maqam Nabi Ibrahim a.s diperbuat dari permata-permata delima dari Syurga. Jika kedua-duanya tidak dihapuskan oleh kesalahan dan dosa anak-anak Adam, tentu cahayanya akan menerangi antara timur dan barat.

## **Zikir dan Doa :**

a. Disunatkan membaca firman Allah Taala:

Yang bermaksud: Dan kamu jadikanlah Maqam Ibrahim itu tempat sembahyang.

b. Disunatkan menunaikan sembahyang dua rakaat dengan membaca al-Fatihah dan surah al-Kafirun pada rakaat pertama manakala pada rakaat kedua membaca al-Fatihah dan surah al-Ikhlash.

c. Seterusnya berdoa dengan menyebut:

Yang bermaksud: Wahai Tuhanku! Aku hambaMu dan anak hambaMu, aku datang kepadaMu dengan dosa-dosa yang besar dan pekerjaan yang buruk dan inilah tempat perlindungan denganMu dari Neraka, oleh itu ampunilah aku kerana sesungguhnya Engkau adalah Yang Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.

## **7. Hijir**

### **Hijir:**

Yang bermaksud: Wahai Tuhanku! Aku datang kepadaMu dari tempat yang jauh dengan mengharap kebaikanMu, oleh itu kurniakanlah kepadaku suatu kebaikan dari kebaikanMu yang tidak perlu lagi aku pohon daripada kebaikan orang lain, wahai Tuhan yang terkenal dengan menganugerahkan kebaikan.

## **8. Zamzam**

### **Air Zamzam:**

Rasulullah s.a.w bersabda (mengenai air Zamzam): "Sesungguhnya air Zamzam itu merupakan makanan yang mengenyangkan dan penawar yang menyembuhkan penyakit".

- a. Diriwayatkan daripada Ibnu Abbas r.a katanya: Rasulullah s.a.w telah bersabda: "Air Zamzam merupakan penawar yang menyembuhkan berdasarkan kepada niat meminumnya".
- b. Diriwayatkan daripada Ibnu Abbas r.a katanya: Rasulullah s.a.w telah bersabda: "Sebaik-baik air yang keluar dari perut bumi ialah air Zamzam, terdapat padanya makanan yang boleh mengenyangkan dan penawar yang boleh menyembuhkan penyakit."
- c. Ketika Muawiah bin Abu Sufian r.a mengerjakan ibadat Haji, beliau telah meminum air Zamzam dan berkata: "Air Zamzam merupakan penawar yang menyembuhkan berdasarkan kepada niat meminumnya".
- d. Ibnu Abbas r.a berkata: "Kami menamakannya (iaitu air Zamzam) sebagai pengenyang. Air Zamzam itu boleh memberi nikmat yang menolong anak-anak kecil".
- e. Katanya lagi: "Minumlah dari minuman yang menyembuhkan iaitu air Zamzam".
- f. Katanya lagi: Sesungguhnya apabila Rasulullah s.a.w meraikan seseorang lelaki, baginda akan meraikannya dengan memberi minum air Zamzam.

# Haji Qiran

## 1. Beriham Dari Miqat

### **Miqat Zamani:**

Bermula dari 1 Syawal sehingga 10 Zulhijah.

### **Tanda Sempadan Tanah Haram:**

#### **Tanda Sempadan:**

**Tan'im** : Jalan menuju ke Madinah sejauh 6 km dari Mekah.

**Wadi Nakhlah** : Di timur laut sebelah Iraq dan jaraknya dengan Mekah sejauh 41 km.

**Ja'ranah** : Di sebelah timur sejauh 16 km.

**Adhah** : Jalan menuju ke Yaman dan jaraknya dengan Mekah sejauh 12 km.

**Hudaibiyah** : Di sebelah barat jalan ke Jeddah dan dinamakan sekarang ini dengan Asy-Syamisi sejauh 15 km dari Mekah.

Al-A'lam (tanda) ialah: Batu-batu yang dipahat setinggi satu meter kemudian diletakkan di tepi jalan-jalan tersebut.

### **Miqat Makani:**

Diriwayatkan daripada Ibnu Abbas r.a katanya: Rasulullah s.a.w telah menetapkan tempat miqat bagi penduduk Madinah di Zul Hulaifah, bagi penduduk Syam di Juhfah, bagi penduduk Najd di Qarnul Manazil dan bagi penduduk Yaman di Yalamlam. Sabda Baginda Lagi: Miqat-miqat tersebut adalah bagi penduduk negeri-negeri tersebut dan bagi mereka yang melaluinya untuk menunaikan ibadat Haji dan Umrah. Manakala, selain dari mereka yang tersebut, miqatnya adalah mengikut arah kedatangan mereka, begitu juga dengan penduduk Mekah, miqatnya memadai dari Mekah. Para ahli Ilmu telah bersepakat mengenai tempat-tempat miqat tersebut.

### **Juhfah:**

Merupakan miqat bagi penduduk Mesir, Syam dan mereka yang datang dari arahnya.

### **Zul Hulaifah:**

Iaitu miqat bagi penduduk Madinah: Dinamakan Abyar Ali kerana ia merupakan tempat bekalan air bagi Bani Jathim, juga merupakan miqat yang paling jauh dari Kota Mekah iaitu kira-kira 450 kilometer. Perjalanan dengan unta dapat merentasi jarak tersebut selama sembilan hari, kira-kira 50 kilometer setiap hari (iaitu kira-kira 4 kilometer satu jam). Ia (50 Km) juga dinamakan satu marhalah.

### **Qarnul Manazil:**

Sebuah bukit yang terletak di hadapan padang Arafah yang dikenali dengan Qarnul Manazil dan ia merupakan miqat bagi penduduk Taif dan mereka yang berada di belakangnya.

### **Zaatu Irqin:**

Dinamakan Zaatu Irqin kerana ia merupakan sebuah bukit bernama Irqin, terletak di hadapan sebuah lembah yang dikenali dengan Wadi al-Aqiq iaitu sebuah perkampungan yang terletak sejauh 2 marhalah dari Kota Mekah. Miqat ini tidak terdapat di dalam hadis Rasulullah s.a.w, tetapi ia telah disepakati oleh para ulama.

### **Yalamlam:**

Yalamlam merupakan salah sebuah dari bukit-bukit yang terdapat di sebelah utara, kira-kira 2 marhalah dari Kota Mekah dan ia adalah miqat bagi penduduk Yaman.

## 2. Tawaf Qudum

### 1. Mekah

#### **Kelebihan-kelebihan Mekah Mukarramah:**

Allah Tabaraka Wa Taala menamakannya Ummul Qura berpandukan firman Nya:

Yang bermaksud: Supaya engkau memberi peringatan kepada penduduk Ummul Qura (Mekah) serta orang-orang yang tinggal di kelilingnya. Ia juga dinamakan dengan al-Baladul Amin (negeri yang aman) di dalam firman Allah s.w.t: Yang bermaksud: Demi buah tin dan zaitun dan bukit Tur Sina serta negeri (Mekah) yang aman ini. Juga firman Allah Taala: Yang bermaksud: Aku bersumpah dengan negeri (Mekah) ini; sedang engkau (wahai Muhammad) tinggal di negeri ini (sentiasa ditindas). Di antara namanya juga ialah Baitul Atiq dimana Allah Subhanahu Wa Taala telah berfirman: Yang bermaksud: Dan hendaklah mereka tawaf akan Baitullah (Kaabah) yang tua sejarahnya itu. Firman Nya juga: Yang bermaksud: Allah menjadikan Kaabah, rumah yang mulia itu, sebagai tempat tumpuan manusia (untuk menjalankan ibadat dan hal-hal kehidupan). Nabi Ibrahim Al-Khalil a.s telah berdoa untuknya (Kaabah) dengan ucapannya: Yang bermaksud: Dan (ingatlah) ketika Nabi Ibrahim berdoa dengan berkata:Wahai Tuhanku! jadikanlah negeri Mekah ini negeri yang aman, dan jauhkanlah aku dan anak-anakku dari perbuatan menyembah berhala. Yang bermaksud: Dan (ingatlah) ketika Nabi Ibrahim (a.s.) berdoa dengan berkata:"Wahai Tuhanku! Jadikanlah (negeri Mekah) ini, negeri yang aman sentosa, dan berikanlah rezeki dari berbagai jenis buah-buahan kepada penduduknya, iaitu orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat di antara mereka". Allah berfirman: (Permohonanmu itu diterima) tetapi sesiapa yang kufur dan ingkar maka Aku akan beri juga dia bersenang-senang menikmati rezeki itu bagi sementara (di dunia), kemudian Aku memaksanya (dengan menyeretnya) ke azab neraka, dan (itulah) seburuk-buruk tempat kembali. Allah Taala berfirman: Yang bermaksud: Dan (ingatlah) ketika Kami jadikan Rumah Suci (Baitullah) itu tempat tumpuan bagi umat manusia (untuk Ibadat Haji) dan tempat yang aman; dan jadikanlah oleh kamu Makam Ibrahim itu tempat sembahyang. Dan Kami perintahkan kepada Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail (dengan berfirman): "Bersihkanlah Rumahku (Kaabah dan Masjidil Haram dari segala perkara yang dilarang) untuk orang-orang yang bertawaf, orang-orang yang beriktikaf (yang tetap tinggal padanya) dan orang-orang yang rukuk serta sujud". Allah berfirman melalui kata-kata Nabi Ibrahim a.s: Yang bermaksud: (Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya aku telah menempatkan sebahagian dari zuriat keturunanku di sebuah lembah (Tanah Suci Mekah) yang tiada tanaman padanya, di sisi rumahMu yang diharamkan mencerobohnya). Ketika kaum Quraisy mengusir Rasulullah s.a.w, baginda telah berdiri di atas sebuah bukit sambil memandang ke arah Kota Mekah serta perkampungan-perkampungannya lalu berkata: Sesungguhnya aku mengetahui bahawa engkau adalah negeri yang aku amat kasihi dan engkau juga adalah tanah yang Allah amat kasihi. Sekiranya bukan kerana orang-orang musyrikin mengusir aku darimu tentu aku tidak akan keluar. Terdapat riwayat di dalam dua kitab sahih: Bahawa Rasulullah s.a.w telah bersabda: Sesungguhnya Allah mengharamkan negeri ini (Kota Mekah) sewaktu Dia menciptakan langit dan bumi, Allah mengharamkannya berterusan hingga ke hari Kiamat. Rasulullah s.a.w juga telah berdiri di Jamrah Aqabah pada tahun pembukaan Kota Mekah lalu bersabda: Demi Allah, sesungguhnya engkau adalah sebaik-baik bumi Allah dan engkau juga adalah bumi Allah yang paling aku kasihi, sekiranya aku tidak diusir tentu aku tidak keluar, sesungguhnya dalam Kota Mekah tidak dihalalkan kepada sesiapaupun sebelum aku, juga tidak dihalalkan kepada sesiapa selepasku dan aku sendiri hanya dihalalkan seketika sahaja pada waktu siang hari, kemudian ia diharamkan, pokok yang ada padanya tidak boleh ditebang atau mencabut tumbuhan kecil, barang yang hilang atau binatang yang sesat tidak boleh diambil kecuali orang yang ingin mengumumkannya. Mekah adalah merupakan Tanah Haram Allah dan Tanah Haram Rasulullah s.a.w di mana di situ ada tanda-tanda keterangan yang nyata (yang menunjukkan kemuliaannya di antaranya ialah) Makam Nabi Ibrahim.

#### **Zikir dan Doa:**

Yang bermaksud: Wahai Tuhanku! Ini HaramMu (tempat yang Engkau lindungi) dan tempat yang Engkau peliharakan. Haramkanlah aku terhadap Neraka dan peliharalah aku dari azabMu pada hari Engkau bangkitkan segala hamba-hambaMu dan jadikanlah aku dari golonganMu serta dari golongan orang-orang yang mentaatiMu. Apabila memasuki Kota Mekah Rasulullah juga menyebut: Yang bermaksud: Wahai Tuhanku! Janganlah Engkau jadikan ajal aku di sana (Mekah) sehingga kami keluar darinya. Seboleh-bolehnya apabila terlihat Kota Mekah, orang yang berhram menyebut:

Yang bermaksud: Ya Allah! Kurniakan kepada aku di sini tempat tinggal yang tetap dan rezeki yang halal.

## **2. Masjidilharam**

### **Kelebihan Masjidilharam:**

Allah Taala juga menamakan Masjidilharam atau Kaabah dengan Baitul Atiq kerana Dia telah membebaskannya dari bala tentera (bergajah), oleh itu bala tersebut tidak menimpa Kaabah. Allah telah menghantar burung Ababil ke atas Abrahah dan tenteranya ketika cuba membinasakan Kaabah. (Dinamakan dengan Baitul Atiq juga) kerana Allah membebaskan pengunjung-pengunjungnya dari api (Neraka) apabila kematian mereka ketika berada dalam mentauhidkan Allah serta mengikut NabiNya (Islam). Kaabah dibina oleh bapa sekalian nabi-nabi iaitu Nabi Ibrahim a.s dan anaknya Nabi Ismail a.s dengan petunjuk daripada Allah s.w.t berpandukan firmanNya: Yang bermaksud: Dan (ingatlah) ketika Nabi Ibrahim bersama-sama Nabi Ismail meninggikan binaan asas-asas (tapak) Baitullah (Kaabah) itu, sambil keduanya berdoa dengan berkata: Wahai Tuhan kami! Terimalah daripada kami (amal kami); sesungguhnya Engkau lah Yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui. Dengan ini bapa sekalian nabi-nabi telah membina masjid yang paling mulia di kawasan yang paling mulia. Allah Taala mengkhususkan Masjidilharam dengan tidak boleh bersusah payah untuk bermusafir melainkan kepadanya (Masjidilharam), Masjid Nabi dan Masjidilqsa, sebagaimana (dikhususkan juga) dengan digandakan pahala sembahyang di dalamnya dimana sembahyang di Masjidilharam (digandakan) dengan seratus ribu sembahyang.

### **Bacaan Ketika Memasuki Masjid:**

Yang bermaksud: Aku berlindung kepada Allah yang Maha Agung, dengan rupaNya yang Maha Mulia, kekuasaan yang azali dari Syaitan yang direjam. Segala puji bagi Allah, dengan nama Allah wahai Tuhanku selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad (s.a.w). Tuhanku ampunkanlah dosa-dosaku dan bukakanlah untukku kesemua pintu rahmatMu.

## **3. Kaabah**

### **Kaabah:**

#### **Adab-adab memasuki Kaabah:**

Mandi, suci dari hadas kecil dan besar, tidak menolak-nolak, hati mestilah khusyuk serta merasa rendah diri, mengeluarkan air mata sekiranya Allah s.w.t menghendakinya demikian, jangan meninggikan pandangan ke arah atap Kaabah, tinggallah perkara itu untuk memuliakan dan membesarkan Allah Taala dan hendaklah sentiasa mengingati Allah s.w.t. Diriwayatkan daripada saidatina Aisyah r.a katanya (yang bermaksud): "Menjadi suatu kepelikan kepada seseorang Muslim ketika dia mengangkat pandangannya ke arah atap Kaabah apabila memasuki Kaabah. Tinggallah perkara itu untuk memuliakan dan membesarkan Allah Taala". Ketika Rasulullah s.a.w memasuki Kaabah, baginda tidak mengalih pandangannya dari tempat sujudnya sehinggalah baginda keluar.

#### **Nabi s.a.w memasuki Kaabah:**

Nabi s.a.w memasuki Kaabah empat kali selepas berhijrah:

Pertama: Di hari pembukaan Kota Mekah.

Kedua: Pembukaan Kota Mekah yang kedua.

Ketiga: Ketika mengerjakan Umrah qadha.

Keempat: Ketika mengerjakan Haji Wida'.

#### **Pahala memasuki Kaabah:**

Rasulullah s.a.w bersabda (yang bermaksud): "Sesiapa yang memasuki Kaabah lalu mengerjakan sembahyang di dalamnya, bererti dia masuk ke dalam kebaikan dan keluar dari segala keburukan dalam keadaan dia diberikan keampunan". Pada lafaz yang lain: "Dia keluar dalam keadaan diampunkan dosanya". Ibnu Umar r.a telah berkata tentang memasuki Kaabah: "Masuk ke dalam kebaikan dan keluar dari segala keburukan". Ata' berkata: "Sesungguhnya aku lebih suka mengerjakan sembahyang di dalam Kaabah sebanyak dua rakaat dari mendirikan sembahyang empat rakaat di Masjidilharam". Diriwayatkan daripada Yahya bin Ju'dah bin Hubairah tentang firman Allah: Yang bermaksud: Sesiapa yang memasuki

Kaabah akan mendapat keamanan. Katanya: "Keamanan dari api Neraka". Al-Hafiz Abu Tahir As-Salafi Rahmatullah mendendangkan nasyid kepada dirinya sendiri ketika memasuki Kaabah: Yang bermaksud: Adakah selepas memasuki Kaabah Allah akan menjamin Adakah akan tertinggal dosa-dosa dan kesalahan yang tersembunyi. Maka maha sucilah setiap perkara tadi, bahkan akan dimaafi segala-galanya dan akan kembali seseorang itu dalam keadaan beriman dan gembira. Kelebihan Melihat Kaabah: Ibnu Abbas r.a berkata: "Memerhatikan Kaabah akan mengukuhkan iman". Hamad bin Abi Salamah Rahimahullah berkata: "Orang yang memerhatikan Kaabah adalah seperti orang yang bersungguh-sungguh dalam beribadat". Mujahid berkata: "Memerhatikan Kaabah merupakan ibadat". Said bin Musayyab berkata: "Sesiapa yang memerhatikan Kaabah dengan penuh keimanan dan kepercayaan, akan gugurlah segala kesalahan dan dosanya sebagaimana ketika dia dilahirkan".

### **Zikir dan Doa:**

1. Telah diriwayatkan bahawa doa yang dibaca ketika melihat Kaabah adalah mustajab, di antara doa yang ma'thur ialah: Yang bermaksud: Ya Allah! Tambahkan lah Baitullah ini dengan kemuliaan, kebesaran, keagungan dan kebaikan serta tambahkanlah kurniaMu kepada sesiapa jua yang memuliakannya (Baitullah) dan membesarkannya dari kalangan orang-orang yang mengerjakan ibadat Haji atau Umrah dengan kemuliaan, kebesaran, keagungan dan kebajikan dan berdoa: Yang bermaksud: Ya Allah! Engkaulah yang bersifat sejahtera, dariMu sahajalah kesejahteraan. Oleh itu hidupkanlah kami wahai Tuhan kami dengan kesejahteraan. Yang bermaksud: Ya Allah, sesungguhnya Tanah Haram ini, negeri ini, ketenteraman yang ada di dalamnya dan hamba yang ada padanya semuanya kepunyaanMu, hambaMu ini telah datang menyahut panggilanMu dari negeri yang jauh dengan membawa dosa yang banyak dan amalan-amalan yang buruk, aku pohonkan kepadaMu belas kasihan kerana takutkan siksaMu, terimalah aku dengan keluasan kemaafanMu dan masukkanlah aku ke dalam keluasan SyurgaMu (Syurga an-Naim). Ya Allah, sesungguhnya ini adalah Tanah HaramMu maka haramkanlah dagingku, darahku dan tulang sendiku dari api Neraka. Ya Allah, peliharalah aku dari siksaMu pada hari engkau membangkitkan semula hamba-hambaMu.

### **4. Multazam**

#### **Doa Di Multazam:**

Yang bermaksud: Wahai Tuhanku, untukMu segala puji yang menyamai nikmatMu dan menandingi kelebihanMu, aku memuji Engkau dengan segala puji yang aku ketahui, dengan apa yang aku tidak ketahui terhadap segala nikmat Engkau yang aku ketahui dan yang aku tidak ketahui serta terhadap segala rupa keadaan. Yang bermaksud: Wahai Tuhanku, sanjungkanlah Muhammad dan sejahterakanlah baginda serta keluarganya. Wahai Tuhanku! Lindungilah aku dari syaitan yang terkutuk, lindungilah aku dari segala kejahatan dan jadikanlah diriku merasa puas terhadap apa yang telah Engkau rezekikan serta kurniakanlah keberkatan untukku. Yang bermaksud: Wahai Tuhanku! Jadikanlah aku dari orang yang paling mulia yang datang kepadaMu dan kekalkanlah aku dalam jalan istiqamah sehingga aku berjumpaMu wahai Tuhan sekalian alam.

### **5. Hajarulaswad**

#### **Kelebihan Hajarulaswad:**

1. Berdasarkan kepada bukti-bukti yang nyata, Rasulullah s.a.w telah mengucup Hajarulaswad. Selepas baginda mengucupnya para sahabat serta seluruh umat Islam terus mengucupnya hingga ke hari Kiamat kerana mengikuti Rasulullah s.a.w dalam perkara ini.
2. Saidina Umar bin Al-Khattab r.a telah memberi peringatan kepada seluruh umat Islam dari beriktikad bahawa terdapat sesuatu yang boleh memberi manfaat dan kemudaratannya selain daripada Allah s.w.t. Terdapat riwayat di dalam kitab Sahih bahawa Saidina Umar bin Al-Khattab r.a pernah berkata: Demi Allah! Sesungguhnya aku telah menyedari bahawa kamu hanyalah batu, tidak boleh memberi manfaat dan kemudaratannya. Sekiranya aku tidak melihat Rasulullah s.a.w mengucupmu, tentu aku tidak akan mengucupmu.
3. Terdapat riwayat sahih bahawa Nabi s.a.w telah bersabda: Allah akan membangkitkan Hajarulaswad pada hari Kiamat dengan mempunyai dua mata yang dapat melihat dan lidah yang dapat berkata-kata. Ia akan menjadi saksi kepada sesiapa yang mengucupnya dengan keadaan yang sebenar. Imam Tirmizi

mensahihkan hadis Rasulullah s.a.w dimana baginda bersabda: Hajarulaswad diturunkan dari Syurga dalam keadaan lebih putih daripada susu tetapi telah dihitamkan dengan kesalahan dan dosa anak-anak Adam. Di dalam lafaz yang lain: Seinggalah telah dihitamkan oleh kesalahan dan dosa golongan syirik (yang menyekutukan Allah).

### **Doa Di Hajarulaswad:**

Yang bermaksud: Dengan nama Allah dan Allahlah Yang Maha Besar. Wahai Tuhanku! Aku beriman kepadaMu, percaya kepada kitabMu, memenuhi perintahMu dan mengikuti sunnah NabiMu s.a.w.

\* Disunatkan membaca zikir ini ketika menghadap ke arah Hajarulaswad pada setiap pusingan Tawaf.

## **6. Maqam Ibrahim**

### **Maqam Nabi Ibrahim a.s:**

Rasulullah s.a.w. telah bersabda (yang bermaksud): Rukun (penjuru Kaabah) dan Maqam Nabi Ibrahim a.s diperbuat dari permata-permata delima dari Syurga. Allah telah padamkan cahaya keduanya, jika tidak tentu cahayanya akan menerangi antara timur dan barat. Daripada Ibnu Umar r.a katanya: Sesungguhnya Rukun (penjuru Kaabah) dan Maqam Nabi Ibrahim a.s diperbuat dari permata-permata delima dari Syurga. Jika kedua-duanya tidak dihapuskan oleh kesalahan dan dosa anak-anak Adam, tentu cahayanya akan menerangi antara timur dan barat.

### **Zikir dan Doa :**

1. Disunatkan membaca firman Allah Taala:

Yang bermaksud: Dan kamu jadikanlah Maqam Ibrahim itu tempat sembahyang.

2. Disunatkan menunaikan sembahyang dua rakaat dengan membaca al-Fatihah dan surah al-Kafirun pada rakaat pertama manakala pada rakaat kedua membaca al-Fatihah dan surah al-Ikhlash.

3. Seterusnya berdoa dengan menyebut:

Yang bermaksud: Wahai Tuhanku! Aku hambaMu dan anak hambaMu, aku datang kepadaMu dengan dosa-dosa yang besar dan pekerjaan yang buruk dan inilah tempat perlindungan denganMu dari Neraka, oleh itu ampunilah aku kerana sesungguhnya Engkaulah Yang Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.

## **7. Hijir**

### **Hijir:**

Yang bermaksud: Wahai Tuhanku! Aku datang kepadaMu dari tempat yang jauh dengan mengharap kebaikanMu, oleh itu kurniakanlah kepadaku suatu kebaikan dari kebaikanMu yang tidak perlu lagi aku pohon daripada kebaikan orang lain, wahai Tuhan yang terkenal dengan menganugerahkan kebaikan.

## **8. Zamzam**

### **Air Zamzam:**

Rasulullah s.a.w bersabda (mengenai air Zamzam): "Sesungguhnya air Zamzam itu merupakan makanan yang mengenyangkan dan penawar yang menyembuhkan penyakit".

1. Daripada Ibnu Abbas r.a katanya: Rasulullah s.a.w telah bersabda: "Air Zamzam merupakan penawar yang menyembuhkan berdasarkan kepada niat meminumnya".
2. Diriwayatkan daripada Ibnu Abbas r.a katanya: Rasulullah s.a.w telah bersabda: "Sebaik-baik air yang keluar dari perut bumi ialah air Zamzam, terdapat padanya makanan yang boleh mengenyangkan dan penawar yang boleh menyembuhkan penyakit."
3. Ketika Muawiah bin Abu Sufian r.a mengerjakan ibadat Haji, beliau telah meminum air Zamzam dan berkata: "Air Zamzam merupakan penawar yang menyembuhkan berdasarkan kepada niat meminumnya".
4. Ibnu Abbas r.a berkata: "Kami namakannya (iaitu air Zamzam) sebagai pengenyang. Air Zamzam itu boleh memberi nikmat yang menolong anak-anak kecil".
5. Katanya lagi: "Minumlah dari minuman yang menyembuhkan iaitu air Zamzam".

6. Katanya lagi: Sesungguhnya apabila Rasulullah s.a.w meraikan seseorang lelaki, baginda akan meraikannya dengan memberi minum air Zamzam.

### **3. Saie**

#### **Doa Bersaie:**

Yang bermaksud: Wahai Tuhan yang membalik-balikkan segala hati, tetapkanlah hatiku di atas agamaMu. Wahai Tuhanku, sesungguhnya aku memohon kepadaMu segala yang mewajibkan rahmatMu, segala yang meneguhkan keampunanMu, kesejahteraan daripada segala dosa, memperolehi Syurga dan terpelihara dari api Neraka. Wahai Tuhanku, sesungguhnya aku memohon kepadaMu hidayat petunjuk, ketaqwaan, terpelihara dari segala kesalahan dan kekayaan. Wahai Tuhanku, tolonglah aku supaya aku dapat menyebutMu, mensyukuri dan beribadat kepadaMu dengan sebaik-baiknya. Wahai Tuhanku, sesungguhnya aku memohon kepadaMu segala kebajikan, apa yang aku ketahui, apa yang aku tidak ketahui dan apa yang belum aku ketahui. Aku memohon kepada Engkau Syurga dan perkara-perkara yang boleh mendekatkan aku kepadanya samada perkataan atau perbuatan. Aku berlindung dengan Engkau dari Neraka dan dari perkara-perkara yang boleh mendekatkan aku kepadanya samada perkataan atau perbuatan.

#### **Bukit Safa:**

Ketika mendaki bukit Safa disunatkan membaca Firman Allah:

Yang bermaksud: Sesungguhnya Safa dan Marwah itu ialah sebahagian daripada Syiar (lambang) agama Allah. Oleh itu sesiapa yang menunaikan ibadat Haji di Baitullah atau mengerjakan Umrah, maka tidak salah dia bersaie (berjalan secara berulang-alik) di antara keduanya. Sesiapa yang sukarela mengerjakan perkara kebajikan, maka sesungguhnya Allah pemberi balasan pahala, lagi Maha Mengetahui.

Kemudian menghadap ke arah Kaabah lalu mengucapkan: Yang bermaksud: Allah Yang Maha Besar, Allah Yang Maha Besar, Allah Yang Maha Besar, Allah Yang Maha Besar Terbesar dari segala yang besar-besar, segala puji-pujian tertentu bagi Allah, Maha suci Allah Yang Maha Agung dengan puji-pujian yang mulia pagi dan petang. Tidak ada Tuhan yang disembah dengan sebenar-benarnya melainkan Allah, Tuhan yang telah menepati segala janji-janjiNya, Tuhan yang telah menolong hambaNya dan menghancurkan segala musuh-musuh dengan keagunganNya. Tidak ada tuhan yang disembah dengan sebenar-benarnya melainkan Allah, kepada Allah kami memperhambakan diri kami dengan penuh keikhlasan dan kejujuran.

#### **Bukit Marwah:**

Ketika mendaki bukit Marwah disunatkan membaca Firman Allah:

Yang bermaksud: Sesungguhnya Safa dan Marwah itu ialah sebahagian daripada Syiar (lambang) agama Allah. Oleh itu sesiapa yang menunaikan ibadat Haji di Baitullah atau mengerjakan Umrah, maka tidak salah dia bersaie (berjalan secara berulang-alik) di antara keduanya. Sesiapa yang sukarela mengerjakan perkara kebajikan, maka sesungguhnya Allah pemberi balasan pahala, lagi Maha Mengetahui.

Kemudian menghadap ke arah Kaabah lalu mengucapkan: Yang bermaksud: Allah Yang Maha Besar, Allah Yang Maha Besar, Allah Yang Maha Besar, Allah Yang Maha Besar Terbesar dari segala yang besar-besar, segala puji-pujian tertentu bagi Allah, Maha suci Allah Yang Maha Agung dengan puji-pujian yang mulia pagi dan petang. Tidak ada Tuhan yang disembah dengan sebenar-benarnya melainkan Allah, Tuhan yang telah menepati segala janji-janjiNya, Tuhan yang telah menolong hambaNya dan menghancurkan segala musuh-musuh dengan keagunganNya. Tidak ada tuhan yang disembah dengan sebenar-benarnya melainkan Allah, kepada Allah kami memperhambakan diri kami dengan penuh keikhlasan dan kejujuran.

### **4. Bermalam Di Mina**

#### **Bermalam Di Mina > Dalil**

Di dalam hadis Jabir r.a tentang cara Nabi s.a.w mengerjakan ibadat Haji: " Lalu Rasulullah s.a.w menunggang unta menuju ke Mina, di sana baginda mendirikan sembahyang Zuhur, Asar, Maghrib, Isyak dan Subuh."

## **5. Wuquf Di Arafah**

### **Wukuf di Padang Arafah:**

Perbanyaklah membaca doa yang dibaca oleh Nabi s.a.w pada Hari Arafah iaitu:

Yang bermaksud: Tiada Tuhan yang di sembah dengan sebenarnya melainkan Allah. Tiada sekutu bagiNya, Dialah yang memiliki kekuasaan, Dialah yang memiliki kepujian dan Dia berkuasa ke atas setiap perkara. Kemudian bacalah ayat ini: Yang bermaksud: Allah menerangkan (kepada sekalian makhlukNya dengan dalil-dalil dan bukti), bahawasanya tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Yang sentiasa mentadbirkan (seluruh alam) dengan keadilan, dan malaikat-malaikat serta orang-orang yang berilmu (mengakui dan menegaskan juga yang demikian); tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana. Kemudian berdoa dengan doa ini: Yang bermaksud: Wahai Tuhanku! Sesungguhnya Engkau mendengar kata-kataku dan melihat tempatku, mengetahui setiap yang aku rahsiakan dan yang aku zahirkan, tidak boleh disembunyikan sesuatupun dari pengetahuanMu. Aku hamba yang kerdil lagi fakir, memohon pertolongan dan balasan, aku hamba yang takut dan meminta belas kasihan serta mengaku terhadap segala kesalahan, aku meminta daripadaMu sebagai permintaan orang yang berhajat dan mengadu kepadaMu sebagai aduan orang yang bersalah dan hina diri, aku berdoa kepadaMu sebagai doa orang yang amat takut lagi tenat, orang yang menundukkan kepala serta seluruh anggota tubuh badan hanyalah kepadaMu. Yang bermaksud: Tiada Tuhan yang disembah dengan sebenarnya melainkan Allah. Tiada sekutu bagiNya, Dialah Yang Memiliki Kerajaan dan Dialah Yang Memiliki Kepujian, di sisiNya segala kebaikan dan Dialah Yang Maha Berkuasa ke atas setiap perkara. Wahai Tuhanku! Sinarkanlah hatiku, dadaku, pendengaranku dan penglihatanku dengan cahayaMu. Wahai Tuhanku! Lapangkanlah jiwaku, permudahkanlah urusanku. Aku berlindung denganMu dari segala waswas hati, dari urusan yang tidak teratur dan dari fitnah kubur. Wahai Tuhanku! Aku berlindung denganMu dari segala keburukan yang berlaku pada malam dan siang, dari keburukan yang didatangkan oleh angin dan dari segala bencana.

## **6. Ifadhah Ke Muzdalifah**

### **Zikir Ketika Bertolak Dari Padang Arafah Menuju Ke Muzdalifah:**

Firman Allah Taala: Yang bermaksud: Kemudian apabila kamu bertolak turun dari padang Arafah (menuju ke Muzdalifah) maka sebutlah nama Allah (dengan doa, "talbiah" dan tasbih) di tempat Masy'ari Haram (di Muzdalifah), dan ingatlah kepada Allah dengan menyebutNya sebagaimana Dia telah memberikan petunjuk hidayah kepadamu; dan sesungguhnya kamu sebelum itu adalah dari golongan orang-orang yang salah jalan ibadatnya. Disunatkan juga membanyakkan Talbiah di setiap tempat dan ini merupakan di antara perkara-perkara yang diyakini, membanyakkan membaca al-Quran dan membanyakkan berdoa serta disunatkan menyebut: Yang bermaksud: Tidak ada tuhan yang disembah dengan sebenar-benarnya melainkan Allah, serta hanya Allah jualah Yang Maha Besar, kemudian diikuti dengan doa berikut: Yang bermaksud: Wahai Tuhanku! Kepada Engkau aku bergantung, Engkaulah tempat aku berharap, oleh itu terimalah ibadatku (Hajiku) dan berilah taufik hidayah dan rezeki utukku padanya dengan kebajikan, lebih banyak dari apa yang aku pohonkan, serta janganlah Engkau sia-siakan harapanku, sesungguhnya Engkaulah Yang Maha Pemurah lagi Maha Mulia. Wahai Tuhanku! Sesungguhnya aku memohon kepadaMu semoga Engkau limpahkan rezeki kepadaku di tempat ini dengan segala kebajikan, juga semoga Engkau memperbaiki segala urusanku dan memalingkan segala kejahatan daripadaku, kerana sesungguhnya hanya Engkaulah yang dapat berbuat demikian dan tidak ada yang dapat memberikan yang demikian selain daripada Engkau sendiri. Kemudian pungutlah tujuh ketul batu kecil.

## **7. Melontar Jamratul Aqabah**

### **Ketika Berada Di Jamratul Aqabah:**

Hendaklah sentiasa bertalbiah sehingga tiba di Jamratul Aqabah kemudian hentikan talbiah serta jadikanlah Baitullah berada di sebelah kiri anda, manakala Mina di sebelah kanan anda dan hadaplah ke Jamrah. Lontarlah satu persatu serta iringilah dengan takbir pada setiap lontaran batu.

## 8. Menyembelih Dam

### **Ketika Menyembelih Atau Berkorban Disunatkan Membaca:**

Yang bermaksud: Dengan nama Allah dan Allah Yang Maha Besar. Wahai Tuhanku! Kurniakanlah selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad s.a.w serta keluarga baginda. Wahai Tuhanku! Engkaulah yang menciptakan aku dan kepadaMu aku akan kembali, oleh itu terimalah korban daripadaku.

## 9. Bercukur Atau Bergunting

### **Bercukur atau Bergunting:**

Orang lelaki disunatkan memegang hujung rambut dengan tangannya ketika hendak bercukur serta bertakbir tiga kali kemudian berdoa: Yang bermaksud: Segala puji-pujian hanya bagi Allah yang memberi hidayah kepada kami, segala puji-pujian hanya bagi Allah yang telah mengurniakan kenikmatan kepada kami. Wahai Tuhanku! Inilah hujung rambutku maka terimalah daripadaku, serta ampunilah dosaku. Wahai Tuhanku! Ampunilah dosaku serta dosa orang-orang yang bercukur dan orang-orang yang bergunting wahai Tuhan Yang Amat Luas Pengampunan, amin. Apabila selesai bercukur bertakbirlah tiga kali kemudian membaca: Yang bermaksud: Segala puji-pujian hanya bagi Allah yang telah menyempurnakan ibadat-ibadat kami. Wahai Tuhanku! Tambahkan keimanan dan keyakinan, berikanlah taufik dan pertolongan, serta ampunilah kami, ibu bapa kami serta seluruh umat Islam.

## 10. Tawaf Ifadhah

### **1. Mekah**

#### **Tawaf Ifadhah > Penjelasan > Mekah**

Allah Tabaraka Wa Taala menamakannya Ummul Qura berpandukan firmanNya:

Yang bermaksud: Supaya engkau memberi peringatan kepada penduduk Ummul Qura (Mekah) serta orang-orang yang tinggal di kelilingnya. Ia juga dinamakan dengan al-Baladul Amin (negeri yang aman) di dalam firman Allah s.w.t: Yang bermaksud: Demi buah tin dan zaitun dan bukit Tur Sina serta negeri (Mekah) yang aman ini. Juga firman Allah Taala: Yang bermaksud: Aku bersumpah dengan negeri (Mekah) ini; sedang engkau (wahai Muhammad) tinggal di negeri ini (sentiasa ditindas).

Di antara namanya juga ialah Baitul Atiq dimana Allah Subhanahu Wa Taala telah berfirman:

Yang bermaksud: Dan hendaklah mereka tawaf akan Baitullah (Kaabah) yang tua sejarahnya itu. FirmanNya juga: Yang bermaksud: Allah menjadikan Kaabah, rumah yang mulia itu, sebagai tempat tumpuan manusia (untuk menjalankan ibadat dan hal-hal kehidupan). Nabi Ibrahim al-Khalil a.s telah berdoa untuknya (Kaabah) dengan ucapannya: Yang bermaksud: Dan (ingatlah) ketika Nabi Ibrahim berdoa dengan berkata: Wahai Tuhanku! jadikanlah negeri Mekah ini negeri yang aman, dan jauhkanlah aku dan anak-anakku dari perbuatan menyembah berhala. Yang bermaksud: Dan (ingatlah) ketika Nabi Ibrahim (a.s.) berdoa dengan berkata: "Wahai Tuhanku! Jadikanlah (negeri Mekah) ini, negeri yang aman sentosa, dan berikanlah rezeki dari berbagai jenis buah-buahan kepada penduduknya, iaitu orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat di antara mereka". Allah berfirman: (Permohonanmu itu diterima) tetapi sesiapa yang kufur dan ingkar maka Aku akan beri juga dia bersenang-senang menikmati rezeki itu bagi sementara (di dunia), kemudian Aku memaksanya (dengan menyeretnya) ke azab neraka, dan (itulah) seburuk-buruk tempat kembali. Allah Taala berfirman: Yang bermaksud: Dan (ingatlah) ketika Kami jadikan Rumah Suci (Baitullah) itu tempat tumpuan bagi umat manusia (untuk Ibadat Haji) dan tempat yang aman; dan jadikanlah oleh kamu Makam Ibrahim itu tempat sembahyang. Dan Kami perintahkan kepada Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail (dengan berfirman): "Bersihkanlah Rumahku (Kaabah dan Masjidil Haram dari segala perkara yang dilarang) untuk orang-orang yang bertawaf, orang-orang yang beriktikaf (yang tetap tinggal padanya) dan orang-orang yang rukuk serta sujud".

Allah berfirman melalui kata-kata Nabi Ibrahim a.s: Yang bermaksud: Wahai Tuhan kami!

Sesungguhnya aku telah menempatkan sebahagian dari zuriat keturunanku di sebuah lembah (Tanah Suci Mekah) yang tiada tanaman padanya, di sisi rumahMu yang diharamkan mencerobohnya.

Ketika kaum Quraisy mengusir Rasulullah s.a.w, baginda telah berdiri di atas sebuah bukit sambil memandang ke arah Kota Mekah serta perkampungan-perkampungannya lalu berkata: Sesungguhnya aku mengetahui bahawa engkau adalah negeri yang aku amat kasihan dan engkau juga adalah tanah yang Allah amat kasihan. Sekiranya bukan kerana orang-orang musyrikin mengusir aku darimu tentu aku tidak akan keluar. Terdapat riwayat di dalam dua kitab sahih: Bahawa Rasulullah s.a.w telah bersabda:

Sesungguhnya Allah mengharamkan negeri ini (Kota Mekah) sewaktu Dia menciptakan langit dan bumi,

Allah mengharamkannya berterusan hingga ke hari Kiamat. Rasulullah s.a.w juga telah berdiri di Jamrah Aqabah pada tahun pembukaan Kota Mekah lalu bersabda: Demi Allah, sesungguhnya engkau adalah sebaik-baik bumi Allah dan engkau juga adalah bumi Allah yang paling aku kasihi, sekiranya aku tidak diusir tentu aku tidak keluar, sesungguhnya dalam Kota Mekah tidak dihalalkan kepada sesiapaupun sebelum aku, juga tidak dihalalkan kepada sesiapa selepasku dan aku sendiri hanya dihalalkan seketika sahaja pada waktu siang hari, kemudian ia diharamkan, pokok yang ada padanya tidak boleh ditebang atau mencabut tumbuhan kecil, barang yang hilang atau binatang yang sesat tidak boleh diambil kecuali orang yang ingin mengumumkannya. Mekah adalah merupakan Tanah Haram Allah dan Tanah Haram Rasulullah s.a.w di mana di situ ada tanda-tanda keterangan yang nyata (yang menunjukkan kemuliaannya di antaranya ialah) Makam Nabi Ibrahim.

### **Zikir dan Doa:**

Yang bermaksud: Wahai Tuhanku! Ini HaramMu (tempat yang Engkau lindungi) dan tempat yang Engkau peliharakan. Haramkanlah aku terhadap Neraka dan peliharalah aku dari azabMu pada hari Engkau bangkitkan segala hamba-hambaMu dan jadikanlah aku dari golonganMu serta dari golongan orang-orang yang mentaatiMu. Apabila memasuki Kota Mekah Rasulullah juga menyebut:

Yang bermaksud: Wahai Tuhanku! Janganlah Engkau jadikan ajal aku di sana (Mekah) sehingga kami keluar darinya. Sebolehnya apabila terlihat Kota Mekah, orang yang berharam menyebut:

Yang bermaksud: Ya Allah! Kurniakan kepada aku di sini tempat tinggal yang tetap dan rezeki yang halal.

## **2. Masjidilharam**

### **Kelebihan Masjidilharam:**

Allah Taala juga menamakan Masjidilharam atau Kaabah dengan Baitul Atiq kerana Dia telah membebaskannya dari bala tentera (bergajah), oleh itu bala tersebut tidak menimpa Kaabah. Allah telah menghantar burung Ababil ke atas Abrahah dan tenteranya ketika cuba membinasakan Kaabah. (Dinamakan dengan Baitul Atiq juga) kerana Allah membebaskan pengunjung-pengunjungnya dari api (Neraka) apabila kematian mereka ketika berada dalam mentauhidkan Allah serta mengikut NabiNya (Islam). Kaabah dibina oleh bapa sekalian nabi-nabi iaitu Nabi Ibrahim a.s dan anaknya Nabi Ismail a.s. dengan petunjuk daripada Allah s.w.t berpandukan firmanNya: Yang bermaksud: Dan (ingatlah) ketika Nabi Ibrahim bersama-sama Nabi Ismail meninggikan binaan asas-asas (tapak) Baitullah (Kaabah) itu, sambil keduanya berdoa dengan berkata: Wahai Tuhan kami! Terimalah daripada kami (amal kami); sesungguhnya Engkaulah Yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui. Dengan ini bapa sekalian nabi-nabi telah membina masjid yang paling mulia di kawasan yang paling mulia. Allah Taala mengkhususkan Masjidilharam dengan tidak boleh bersusah payah untuk bermusafir melainkan kepadanya (Masjidilharam), Masjid Nabi dan Masjidilqsa, sebagaimana (dikhususkan juga) dengan digandakan pahala sembahyang di dalamnya dimana sembahyang di Masjidilharam (digandakan) dengan seribu sembahyang.

### **Bacaan Ketika Memasuki Masjid:**

Yang bermaksud: Aku berlindung kepada Allah yang Maha Agung, dengan rupaNya yang Maha Mulia, kekuasaan yang azali dari Syaitan yang direjam. Segala puji bagi Allah, dengan nama Allah wahai Tuhanku selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad (s.a.w). Tuhanku ampunkanlah dosa-dosaku dan bukannya untukku kesemua pintu rahmatMu.

## **3. Kaabah**

### **Kaabah:**

#### **Adab-adab memasuki Kaabah:**

Mandi, suci dari hadas kecil dan besar, tidak menolak-nolak, hati mestilah khusyuk serta merasa rendah diri, mengeluarkan air mata sekiranya Allah s.w.t menghendaknya demikian, jangan meninggikan pandangan ke arah atap Kaabah, tinggallah perkara itu untuk memuliakan dan membesarkan Allah Taala dan hendaklah sentiasa mengingati Allah s.w.t. Diriwayatkan daripada Saidatina Aisyah r.a katanya (yang bermaksud): "Menjadi suatu kepelikan kepada seseorang Muslim ketika dia mengangkat pandangannya ke arah atap Kaabah apabila memasuki Kaabah. Tinggallah perkara itu untuk memuliakan

dan membesarkan Allah Taala". Ketika Rasulullah s.a.w memasuki Kaabah, baginda tidak mengalih pandangannya dari tempat sujudnya sehinggalah baginda keluar.

#### **Nabi s.a.w memasuki Kaabah:**

Nabi s.a.w memasuki Kaabah empat kali selepas berhijrah:

Pertama: Di hari pembukaan Kota Mekah.

Kedua: Pembukaan Kota Mekah yang kedua.

Ketiga: Ketika mengerjakan Umrah qadha.

Keempat: Ketika mengerjakan Haji Wida'.

#### **Pahala memasuki Kaabah:**

Rasulullah s.a.w bersabda (yang bermaksud): "Sesiapa yang memasuki Kaabah lalu mengerjakan sembahyang di dalamnya, bererti dia masuk ke dalam kebaikan dan keluar dari segala keburukan dalam keadaan dia diberikan keampunan". Pada lafaz yang lain: "Dia keluar dalam keadaan diampunkan dosanya". Ibnu Umar r.a telah berkata tentang memasuki Kaabah: "Masuk ke dalam kebaikan dan keluar dari segala keburukan". Ata' berkata: "Sesungguhnya aku lebih suka mengerjakan sembahyang di dalam Kaabah sebanyak dua rakaat dari mendirikan sembahyang empat rakaat di Masjidilharam".

Diriwayatkan daripada Yahya bin Ju'dah bin Hubairah tentang firman Allah: Yang bermaksud: Sesiapa yang memasuki Kaabah akan mendapat keamanan. Katanya: "Keamanan dari api Neraka". Al-Hafiz Abu Tahir As-Salafi Rahmatullah mendendangkan nasyid kepada dirinya sendiri ketika memasuki Kaabah: Yang bermaksud: Adakah selepas memasuki Kaabah Allah akan menjamin

Adakah akan tertinggal dosa-dosa dan kesalahan yang tersembunyi. Maka maha sucilah setiap perkara tadi, bahkan akan dimaafi segala-galanya dan akan kembali seseorang itu dalam keadaan beriman dan gembira. Kelebihan Melihat Kaabah: Ibnu Abbas r.a berkata: "Memerhatikan Kaabah akan mengukuhkan iman". Hamad bin Abi Salamah Rahimahullah berkata: "Orang yang memerhatikan Kaabah adalah seperti orang yang bersungguh-sungguh dalam beribadat". Mujahid berkata: "Memerhatikan Kaabah merupakan ibadat". Said bin Musayyab berkata: "Sesiapa yang memerhatikan Kaabah dengan penuh keimanan dan kepercayaan, akan gugurlah segala kesalahan dan dosanya sebagaimana ketika dia dilahirkan".

#### **Zikir dan Doa:**

1. Telah diriwayatkan bahawa doa yang dibaca ketika melihat Kaabah adalah mustajab, di antara doa yang ma'thur ialah: Yang bermaksud: Ya Allah! Tambahkan lah Baitullah ini dengan kemuliaan, kebesaran, keagungan dan kebaikan serta tambahkanlah kurniaMu kepada sesiapa jua yang memuliakannya (Baitullah) dan membesarkannya dari kalangan orang-orang yang mengerjakan ibadat Haji atau Umrah dengan kemuliaan, kebesaran, keagungan dan kebajikan dan berdoa: Yang bermaksud: Ya Allah! Engkaulah yang bersifat sejahtera, dariMu sahajalah kesejahteraan. Oleh itu hidupkanlah kami wahai Tuhan kami dengan kesejahteraan. Yang bermaksud: Ya Allah, sesungguhnya Tanah Haram ini, negeri ini, ketenteraman yang ada di dalamnya dan hamba yang ada padanya semuanya kepunyaanMu, hambaMu ini telah datang menyahut panggilanMu dari negeri yang jauh dengan membawa dosa yang banyak dan amalan-amalan yang buruk, aku pohonkan kepadaMu belas kasihan kerana takutkan siksaMu, terimalah aku dengan keluasan kemaafanMu dan masukkanlah aku ke dalam keluasan SyurgaMu (Syurga an-Naim). Ya Allah, sesungguhnya ini adalah Tanah HaramMu maka haramkanlah dagingku, darahku dan tulang sendiku dari api Neraka. Ya Allah, peliharalah aku dari siksaMu pada hari engkau membangkitkan semula hamba-hambaMu.

#### **4. Multazam**

##### **Doa Di Multazam:**

Yang bermaksud: Wahai Tuhanku, untukMu segala puji yang menyamai nikmatMu dan menandingi kelebihanMu, aku memuji Engkau dengan segala puji yang aku ketahui, dengan apa yang aku tidak ketahui terhadap segala nikmat Engkau yang aku ketahui dan yang aku tidak ketahui serta terhadap segala rupa keadaan. Yang bermaksud: Wahai Tuhanku, sanjungkanlah Muhammad dan sejahterakanlah baginda serta keluarganya. Wahai Tuhanku! Lindungilah aku dari syaitan yang terkutuk, lindungilah aku dari segala kejahatan dan jadikanlah diriku merasa puas terhadap apa yang telah Engkau rezekikan serta

kurniakanlah keberkatan untukku. Yang bermaksud: Wahai Tuhanku! Jadikanlah aku dari orang yang paling mulia yang datang kepadaMu dan kekalkanlah aku dalam jalan istiqamah sehingga aku berjumpaMu wahai Tuhan sekalian alam.

## **5. Hajarulaswad**

### **Kelebihan Hajarulaswad:**

1. Berdasarkan kepada bukti-bukti yang nyata, Rasulullah s.a.w telah mengucup Hajarulaswad. Selepas baginda mengucupnya para sahabat serta seluruh umat Islam terus mengucupnya hingga ke hari Kiamat kerana mengikuti Rasulullah s.a.w dalam perkara ini.
2. Saidina Umar bin Al-Khattab r.a telah memberi peringatan kepada seluruh umat Islam dari beriktikad bahawa terdapat sesuatu yang boleh memberi manfaat dan kemudharatan selain daripada Allah s.w.t. Terdapat riwayat di dalam kitab Sahih bahawa Saidina Umar bin Al-Khattab r.a pernah berkata: Demi Allah! Sesungguhnya aku telah menyedari bahawa kamu hanyalah batu, tidak boleh memberi manfaat dan kemudharatan. Sekiranya aku tidak melihat Rasulullah s.a.w mengucupmu, tentu aku tidak akan mengucupmu.
3. Terdapat riwayat sahih bahawa Nabi s.a.w telah bersabda: Allah akan membangkitkan Hajarulaswad pada hari Kiamat dengan mempunyai dua mata yang dapat melihat dan lidah yang dapat berkata-kata. Ia akan menjadi saksi kepada sesiapa yang mengucupnya dengan keadaan yang sebenar. Imam Tirmizi mensahihkan hadis Rasulullah s.a.w dimana baginda bersabda: Hajarulaswad diturunkan dari Syurga dalam keadaan lebih putih daripada susu tetapi telah dihitamkan dengan kesalahan dan dosa anak-anak Adam. Di dalam lafaz yang lain: Seinggalah telah dihitamkan oleh kesalahan dan dosa golongan syirik (yang menyekutukan Allah).

### **Doa Di Hajarulaswad:**

Yang bermaksud: Dengan nama Allah dan Allahlah Yang Maha Besar. Wahai Tuhanku! Aku beriman kepadaMu, percaya kepada kitabMu, memenuhi perintahMu dan mengikuti sunnah NabiMu s.a.w.

\* Disunatkan membaca zikir ini ketika menghadap ke arah Hajarulaswad pada setiap pusingan Tawaf.

## **6. Maqam Ibrahim**

### **Maqam Nabi Ibrahim a.s:**

Rasulullah s.a.w. telah bersabda (yang bermaksud): Rukun (penjuru Kaabah) dan Maqam Nabi Ibrahim a.s diperbuat dari permata-permata delima dari Syurga. Allah telah padamkan cahaya keduanya, jika tidak tentu cahayanya akan menerangi antara timur dan barat. Daripada Ibnu Umar r.a katanya: Sesungguhnya Rukun (penjuru Kaabah) dan Maqam Nabi Ibrahim a.s diperbuat dari permata-permata delima dari Syurga. Jika kedua-duanya tidak dihapuskan oleh kesalahan dan dosa anak-anak Adam, tentu cahayanya akan menerangi antara timur dan barat.

### **Zikir dan Doa :**

1. Disunatkan membaca firman Allah Taala:  
Yang bermaksud: Dan kamu jadikanlah Maqam Ibrahim itu tempat sembahyang.
2. Disunatkan menunaikan sembahyang dua rakaat dengan membaca al-Fatihah dan surah al-Kafirun pada rakaat pertama manakala pada rakaat kedua membaca al-Fatihah dan surah al-Ikhlash.
3. Seterusnya berdoa dengan menyebut:  
Yang bermaksud: Wahai Tuhanku! Aku hambaMu dan anak hambaMu, aku datang kepadaMu dengan dosa-dosa yang besar dan pekerjaan yang buruk dan inilah tempat perlindungan denganMu dari Neraka, oleh itu ampunilah aku kerana sesungguhnya Engkaulah Yang Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.

## **7. Hijir**

### **Hijir:**

Yang bermaksud: Wahai Tuhanku! Aku datang kepadaMu dari tempat yang jauh dengan mengharap kebaikanMu, oleh itu kurniakanlah kepadaku suatu kebaikan dari kebaikanMu yang tidak perlu lagi aku pohon daripada kebaikan orang lain, wahai Tuhan yang terkenal dengan menganugerahkan kebaikan.

## **8. Zamzam**

### **Air Zamzam:**

Rasulullah s.a.w bersabda (mengenai air Zamzam): "Sesungguhnya air Zamzam itu merupakan makanan yang mengenyangkan dan penawar yang menyembuhkan penyakit".

1. Diriwayatkan daripada Ibnu Abbas r.a katanya: Rasulullah s.a.w telah bersabda: "Air Zamzam merupakan penawar yang menyembuhkan berdasarkan kepada niat meminumnya".
2. Diriwayatkan daripada Ibnu Abbas r.a katanya: Rasulullah s.a.w telah bersabda: "Sebaik-baik air yang keluar dari perut bumi ialah air Zamzam, terdapat padanya makanan yang boleh mengenyangkan dan penawar yang boleh menyembuhkan penyakit."
3. Ketika Muawiah bin Abu Sufian r.a mengerjakan ibadat Haji, beliau telah meminum air Zamzam dan berkata: "Air Zamzam merupakan penawar yang menyembuhkan berdasarkan kepada niat meminumnya".
4. Ibnu Abbas r.a berkata: "Kami menamakannya (iaitu air Zamzam) sebagai pengenyang. Air Zamzam itu boleh memberi nikmat yang menolong anak-anak kecil".
5. Katanya lagi: "Minumlah dari minuman yang menyembuhkan iaitu air Zamzam".
6. Katanya lagi: Sesungguhnya apabila Rasulullah s.a.w meraikan seseorang lelaki, baginda akan meraikannya dengan memberi minum air Zamzam.

## **11. Bermalam Di Mina**

### **Bermalam Di Mina > Dalil**

1. Firman Allah s.w.t:

Yang bermaksud: Dan sebutlah kamu akan Allah (dengan takbir semasa mengerjakan Haji) dalam beberapa hari yang tertentu bilangannya. Kemudian sesiapa yang segera (meninggalkan Mina) pada hari yang kedua, maka dia tidaklah berdosa dan sesiapa yang melambatkan (meninggalkan Mina) maka dia juga tidaklah berdosa. (Ketiadaan dosa itu ialah) bagi orang yang bertakwa.

2. Diriwayatkan drpd Ibnu Umar r.a katanya: Adapun Rasulullah s.a.w, baginda telah bermalam di Mina.
3. Diriwayatkan daripada Umar r.a katanya: Dia pernah melarang orang ramai supaya tidak bermalam di belakang Jamrah Aqabah walaupun seorang malah dia meminta mereka supaya memasuki mina.

## **12. Melontar Setiap Jamrah**

### **Melontar Setiap Jamrah > Penjelasan**

#### **Melontar Ketiga-tiga Jamrah:**

Selepas tergelincir matahari pergilah ke tempat melontar Jamrah dan mulakanlah dengan Jamrah Sughra yang terletak selepas masjid Khaif serta lontarlah dengan tujuh ketul batu kecil satu demi satu, setiap kali lontaran batu ucaplah: رَبِّكَ أَكْبَرُ. Kemudian hadaplah ke arah kiblat, angkatlah kedua-dua tangan anda sambil berdoa dengan kadar membaca surah al-Baqarah. Kemudian lontarlah Jamrah Wusta sebagaimana di Jamrah Sughra, kemudian hadaplah ke arah kiblat dengan mengangkat tangan sambil berdoa hampir sama kadar doa anda selepas melontar Jamrah Sughra. Selepas itu lontarlah Jamrah Aqabah dengan tujuh ketul batu kecil serta jadikanlah Baitullah berada di sebelah kiri anda manakala Mina di sebelah kanan anda.

## **13. Tawaf Wida'**

### **1. Mekah**

#### **Kelebihan-kelebihan Mekah Mukarramah:**

Allah Tabaraka Wa Taala menamakannya Ummul Qura berpandukan firman Nya:

Yang bermaksud: Supaya engkau memberi peringatan kepada penduduk Ummul Qura (Mekah) serta orang-orang yang tinggal di kelilingnya. Ia juga dinamakan dengan al-Baladul Amin (negeri yang aman) di dalam firman Allah s.w.t: Yang bermaksud: Demi buah tin dan zaitun dan bukit Tur Sina serta negeri (Mekah) yang aman ini. Juga firman Allah Taala: Yang bermaksud: Aku bersumpah dengan negeri (Mekah) ini; sedang engkau (wahai Muhammad) tinggal di negeri ini (sentiasa ditindas).

Di antara namanya juga ialah Baitul Atiq dimana Allah Subhanahu Wa Taala telah berfirman:

Yang bermaksud: Dan hendaklah mereka tawaf akan Baitullah (Kaabah) yang tua sejarahnya itu. Firman Nya juga: Yang bermaksud: Allah menjadikan Kaabah, rumah yang mulia itu, sebagai tempat tumpuan manusia (untuk menjalankan ibadat dan hal-hal kehidupan). Nabi Ibrahim Al-Khalil a.s telah berdoa untuknya

(Kaabah) dengan ucapannya: Yang bermaksud: Dan (ingatlah) ketika Nabi Ibrahim berdoa dengan berkata: Wahai Tuhanku! jadikanlah negeri Mekah ini negeri yang aman, dan jauhkanlah aku dan anak-anakku dari perbuatan menyembah berhala. Yang bermaksud: Dan (ingatlah) ketika Nabi Ibrahim (a.s.) berdoa dengan berkata: "Wahai Tuhanku! Jadikanlah (negeri Mekah) ini, negeri yang aman sentosa, dan berikanlah rezeki dari berbagai jenis buah-buahan kepada penduduknya, iaitu orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat di antara mereka". Allah berfirman: (Permohonanmu itu diterima) tetapi sesiapa yang kufur dan ingkar maka Aku akan beri juga dia bersenang-senang menikmati rezeki itu bagi sementara (di dunia), kemudian Aku memaksanya (dengan menyeretnya) ke azab neraka, dan (itulah) seburuk-buruk tempat kembali. Allah Taala berfirman: Yang bermaksud: Dan (ingatlah) ketika Kami jadikan Rumah Suci (Baitullah) itu tempat tumpuan bagi umat manusia (untuk Ibadat Haji) dan tempat yang aman; dan jadikanlah oleh kamu Makam Ibrahim itu tempat sembahyang. Dan Kami perintahkan kepada Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail (dengan berfirman): "Bersihkanlah Rumahku (Kaabah dan Masjidil Haram dari segala perkara yang dilarang) untuk orang-orang yang bertawaf, orang-orang yang beriktikaf (yang tetap tinggal padanya) dan orang-orang yang rukuk serta sujud". Allah berfirman melalui kata-kata Nabi Ibrahim a.s: Yang bermaksud: (Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya aku telah menempatkan sebahagian dari zuriat keturunanku di sebuah lembah (Tanah Suci Mekah) yang tiada tanaman padanya, di sisi rumahMu yang diharamkan mencerobohnya). Ketika kaum Quraisy mengusir Rasulullah s.a.w, baginda telah berdiri di atas sebuah bukit sambil memandang ke arah Kota Mekah serta perkampungan-perkampungannya lalu berkata: Sesungguhnya aku mengetahui bahawa engkau adalah negeri yang aku amat kasihi dan engkau juga adalah tanah yang Allah amat kasihi. Sekiranya bukan kerana orang-orang musyrikin mengusir aku darimu tentu aku tidak akan keluar. Terdapat riwayat di dalam dua kitab sahih: Bahawa Rasulullah s.a.w telah bersabda: Sesungguhnya Allah mengharamkan negeri ini (Kota Mekah) sewaktu Dia menciptakan langit dan bumi, Allah mengharamkannya berterusan hingga ke hari Kiamat. Rasulullah s.a.w juga telah berdiri di Jamrah Aqabah pada tahun pembukaan Kota Mekah lalu bersabda: Demi Allah, sesungguhnya engkau adalah sebaik-baik bumi Allah dan engkau juga adalah bumi Allah yang paling aku kasihi, sekiranya aku tidak diusir tentu aku tidak keluar, sesungguhnya dalam Kota Mekah tidak dihalalkan kepada sesiapa pun sebelum aku, juga tidak dihalalkan kepada sesiapa selepasku dan aku sendiri hanya dihalalkan seketika sahaja pada waktu siang hari, kemudian ia diharamkan, pokok yang ada padanya tidak boleh ditebang atau mencabut tumbuhan kecil, barang yang hilang atau binatang yang sesat tidak boleh diambil kecuali orang yang ingin mengumumkannya. Mekah adalah merupakan Tanah Haram Allah dan Tanah Haram Rasulullah s.a.w di mana di situ ada tanda-tanda keterangan yang nyata (yang menunjukkan kemuliaannya di antaranya ialah) Makam Nabi Ibrahim.

### **Zikir dan Doa:**

Yang bermaksud: Wahai Tuhanku! Ini HaramMu (tempat yang Engkau lindungi) dan tempat yang Engkau peliharakan. Haramkanlah aku terhadap Neraka dan peliharalah aku dari azabMu pada hari Engkau bangkitkan segala hamba-hambaMu dan jadikanlah aku dari golonganMu serta dari golongan orang-orang yang mentaatiMu. Apabila memasuki Kota Mekah Rasulullah juga menyebut:

Yang bermaksud: Wahai Tuhanku! Janganlah Engkau jadikan ajal aku di sana (Mekah) sehingga kami keluar darinya. Seboleh-bolehnya apabila terlihat Kota Mekah, orang yang berhram menyebut:

Yang bermaksud: Ya Allah! Kurniakan kepada aku di sini tempat tinggal yang tetap dan rezeki yang halal.

## **2. Masjidilharam**

### **Tawaf Wida' > Penjelasan > Masjidilharam**

#### **Kelebihan Masjidilharam:**

Allah Taala juga menamakan Masjidilharam atau Kaabah dengan Baitul Atiq kerana Dia telah membebaskannya dari bala tentera (bergajah), oleh itu bala tersebut tidak menimpa Kaabah. Allah telah menghantar burung Ababil ke atas Abrahah dan tenteranya ketika cuba membinasakan Kaabah. (Dinamakan dengan Baitul Atiq juga) kerana Allah membebaskan pengunjung-pengunjungnya dari api (Neraka) apabila kematian mereka ketika berada dalam mentauhidkan Allah serta mengikut NabiNya (Islam). Kaabah dibina oleh bapa sekalian nabi-nabi iaitu Nabi Ibrahim a.s dan anaknya Nabi Ismail a.s. dengan petunjuk daripada Allah s.w.t berpandukan firmanNya: Yang bermaksud: Dan (ingatlah) ketika Nabi Ibrahim bersama-sama Nabi Ismail meninggikan binaan asas-asas (tapak) Baitullah (Kaabah) itu,

sambil keduanya berdoa dengan berkata: Wahai Tuhan kami! Terimalah daripada kami (amal kami); sesungguhnya Engkau lah Yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui. Dengan ini bapa sekalian nabi-nabi telah membina masjid yang paling mulia di kawasan yang paling mulia. Allah Taala mengkhususkan Masjidilharam dengan tidak boleh bersusah payah untuk bermusafir melainkan kepadanya (Masjidilharam), Masjid Nabi dan Masjidilaqsa, sebagaimana (dikhususkan juga) dengan digandakan pahala sembahyang di dalamnya dimana sembahyang di Masjidilharam (digandakan) dengan seribu sembahyang.

### **Bacaan Ketika Memasuki Masjid:**

Yang bermaksud: Aku berlindung kepada Allah yang Maha Agung, dengan rupaNya yang Maha Mulia, kekuasaan yang azali dari Syaitan yang direjam. Segala puji bagi Allah, dengan nama Allah wahai Tuhanku selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad (s.a.w). Tuhanku ampunkanlah dosa-dosaku dan bukakanlah untukku kesemua pintu rahmatMu.

### **3. Kaabah**

#### **Tawaf Wida' > Penjelasan > Kaabah**

##### **Adab Memasuki Kaabah:**

Mandi, suci dari hadas kecil dan besar, tidak menolak-nolak, hati mestilah khusyuk serta merasa rendah diri, mengeluarkan air mata sekiranya Allah s.w.t menghendaknya demikian, jangan meninggalkan pandangan ke arah atap Kaabah, tinggallah perkara itu untuk memuliakan dan membesarkan Allah Taala dan hendaklah sentiasa mengingati Allah s.w.t. Diriwayatkan daripada saidatina Aisyah r.a katanya (yang bermaksud): "Menjadi suatu kepelikan kepada seseorang Muslim ketika dia mengangkat pandangannya ke arah atap Kaabah apabila memasuki Kaabah. Tinggallah perkara itu untuk memuliakan dan membesarkan Allah Taala". Ketika Rasulullah s.a.w memasuki Kaabah, baginda tidak mengalih pandangannya dari tempat sujudnya sehinggalah baginda keluar.

##### **Nabi s.a.w memasuki Kaabah:**

Nabi s.a.w memasuki Kaabah empat kali selepas berhijrah.

Pertama: Di hari pembukaan Kota Mekah.

Kedua: Pembukaan Kota Mekah yang kedua.

Ketiga: Ketika mengerjakan Umrah qadha.

Keempat: Ketika mengerjakan Haji Wida'.

##### **Pahala memasuki Kaabah:**

Rasulullah s.a.w bersabda (yang bermaksud): "Sesiapa yang memasuki Kaabah lalu mengerjakan sembahyang di dalamnya, bererti dia masuk ke dalam kebaikan dan keluar dari segala keburukan dalam keadaan dia diberikan keampunan". Pada lafaz yang lain: "Dia keluar dalam keadaan diampunkan dosanya". Ibnu Umar r.a telah berkata tentang memasuki Kaabah: "Masuk ke dalam kebaikan dan keluar dari segala keburukan". Ata' berkata: "Sesungguhnya aku lebih suka mengerjakan sembahyang di dalam Kaabah sebanyak dua rakaat dari mendirikan sembahyang empat rakaat di Masjidil Haram".

Diriwayatkan daripada Yahya bin Ju'dah bin Hubairah tentang firman Allah: Yang bermaksud: Sesiapa yang memasuki Kaabah akan mendapat keamanan. Katanya: "Keamanam dari api Neraka". Al-Hafiz Abu Tahir As-Salafi Rahmatullah mendendangkan nasyid kepada dirinya sendiri ketika memasuki Kaabah: Yang bermaksud: Adakah selepas memasuki Kaabah Allah akan menjamin

Adakah akan tertinggal dosa-dosa dan kesalahan yang tersembunyi. Maka maha sucilah setiap perkara tadi, bahkan akan dimaafi segala-galanya dan akan kembali seseorang itu dalam keadaan beriman dan gembira. Kelebihan Melihat Kaabah: Ibnu Abbas r.a berkata: "Memerhatikan Kaabah akan mengukuhkan iman". Hamad bin Abi Salamah Rahimahullah berkata: "Orang yang memerhatikan Kaabah adalah seperti orang yang bersungguh-sungguh dalam beribadat". Mujahid berkata: "Memerhatikan Kaabah merupakan ibadat". Said bin Musayyab berkata: "Sesiapa yang memerhatikan Kaabah dengan penuh keimanan dan kepercayaan, akan gugurlah segala kesalahan dan dosanya sebagaimana ketika dia dilahirkan".

## **Zikir dan Doa:**

1. Telah diriwayatkan bahawa doa yang dibaca ketika melihat Kaabah adalah mustajab, di antara doa yang ma'thur ialah: Yang bermaksud: Ya Allah! Tambahkanilah Baitullah ini dengan kemuliaan, kebesaran, keagungan dan kebaikan serta tambahkanlah kurniaMu kepada sesiapa jua yang memuliakannya (Baitullah) dan membesarkannya dari kalangan orang-orang yang mengerjakan ibadat Haji atau Umrah dengan kemuliaan, kebesaran, keagungan dan kebajikan dan berdoa: Yang bermaksud: Ya Allah! Engkaulah yang bersifat sejahtera, dariMu sahajalah kesejahteraan. Oleh itu hidupakanlah kami wahai Tuhan kami dengan kesejahteraan. Yang bermaksud: Ya Allah, sesungguhnya Tanah Haram ini, negeri ini, ketenteraman yang ada di dalamnya dan hamba yang ada padanya semuanya kepunyaanMu, hambaMu ini telah datang menyahut panggilanMu dari negeri yang jauh dengan membawa dosa yang banyak dan amalan-amalan yang buruk, aku pohonkan kepadaMu belas kasihan kerana takutkan siksaMu, terimalah aku dengan keluasan kemaafanMu dan masukkanlah aku ke dalam keluasan SyurgaMu (Syurga an-Naim). Ya Allah, sesungguhnya ini adalah Tanah HaramMu maka haramkanlah dagingku, darahku dan tulang sendiku dari api Neraka. Ya Allah, peliharalah aku dari siksaMu pada hari engkau membangkitkan semula hamba-hambaMu.

## **4. Multazam**

### **Doa Di Multazam:**

Yang bermaksud: Wahai Tuhanku, untukMu segala puji yang menyamai nikmatMu dan menandingi kelebihanMu, aku memuji Engkau dengan segala puji yang aku ketahui, dengan apa yang aku tidak ketahui terhadap segala nikmat Engkau yang aku ketahui dan yang aku tidak ketahui serta terhadap segala rupa keadaan. Yang bermaksud: Wahai Tuhanku, sanjungkanlah Muhammad dan sejahterakanlah baginda serta keluarganya. Wahai Tuhanku! Lindungilah aku dari syaitan yang terkutuk, lindungilah aku dari segala kejahatan dan jadikanlah diriku merasa puas terhadap apa yang telah Engkau rezekikan serta kurniakanlah keberkatan untukku. Yang bermaksud: Wahai Tuhanku! Jadikanlah aku dari orang yang paling mulia yang datang kepadaMu dan kekalkanlah aku dalam jalan istiqamah sehingga aku berjumpaMu wahai Tuhan sekalian alam.

## **5. Hajarulas wad**

Tawaf Wida' > Penjelasan > Hajarulas wad

### **Kelebihan Hajarulaswad:**

1. Berdasarkan kepada bukti-bukti yang nyata, Rasulullah s.a.w telah mengucup Hajarulaswad. Selepas baginda mengucupnya para sahabat serta seluruh umat Islam terus mengucupnya hingga ke hari Kiamat kerana mengikuti Rasulullah s.a.w dalam perkara ini.
2. Saidina Umar bin Al-Khattab r.a telah memberi peringatan kepada seluruh umat Islam dari beriktikad bahawa terdapat sesuatu yang boleh memberi manfaat dan kemudaratan selain daripada Allah s.w.t. Terdapat riwayat di dalam kitab Sahih bahawa Saidina Umar bin Al-Khattab r.a pernah berkata: Demi Allah! Sesungguhnya aku telah menyedari bahawa kamu hanyalah batu, tidak boleh memberi manfaat dan kemudaratan. Sekiranya aku tidak melihat Rasulullah s.a.w mengucupmu, tentu aku tidak akan mengucupmu.
3. Terdapat riwayat sahih bahawa Nabi s.a.w telah bersabda: Allah akan membangkitkan Hajarulaswad pada hari Kiamat dengan mempunyai dua mata yang dapat melihat dan lidah yang dapat berkata-kata. Ia akan menjadi saksi kepada sesiapa yang mengucupnya dengan keadaan yang sebenar. Imam Tirmizi mensahihkan hadis Rasulullah s.a.w dimana baginda bersabda: Hajarulaswad diturunkan dari Syurga dalam keadaan lebih putih daripada susu tetapi telah dihitamkan dengan kesalahan dan dosa anak-anak Adam. Di dalam lafaz yang lain: Seinggalah telah dihitamkan oleh kesalahan dan dosa golongan syirik (yang menyekutukan Allah).

### **Doa Di Hajarulaswad:**

Yang bermaksud: Dengan nama Allah dan Allahlah Yang Maha Besar. Wahai Tuhanku! Aku beriman kepadaMu, percaya kepada kitabMu, memenuhi perintahMu dan mengikuti sunnah NabiMu s.a.w.

\* Disunatkan membaca zikir ini ketika menghadap ke arah Hajarulaswad pada setiap pusingan Tawaf.

## **6. Maqam Ibrahim**

### **Tawaf Wida' > Penjelasan > Maqam Ibrahim**

#### **Maqam Nabi Ibrahim a.s:**

Rasulullah s.a.w. telah bersabda (yang bermaksud): Rukun (penjuru Kaabah) dan Maqam Nabi Ibrahim a.s diperbuat dari permata-permata delima dari Syurga. Allah telah padamkan cahaya keduanya, jika tidak tentu cahayanya akan menerangi antara timur dan barat. Daripada Ibnu Umar r.a katanya: Sesungguhnya Rukun (penjuru Kaabah) dan Maqam Nabi Ibrahim a.s diperbuat dari permata-permata delima dari Syurga. Jika kedua-duanya tidak dihapuskan oleh kesalahan dan dosa anak-anak Adam, tentu cahayanya akan menerangi antara timur dan barat.

#### **Zikir dan Doa :**

1. Disunatkan membaca firman Allah Taala:

Yang bermaksud: Dan kamu jadikanlah Maqam Ibrahim itu tempat sembahyang.

2. Disunatkan menunaikan sembahyang dua rakaat dengan membaca al-Fatihah dan surah al-Kafirun pada rakaat pertama manakala pada rakaat kedua membaca al-Fatihah dan surah al-Ikhlash.

3. Seterusnya berdoa dengan menyebut:

Yang bermaksud: Wahai Tuhanku! Aku hambaMu dan anak hambaMu, aku datang kepadaMu dengan dosa-dosa yang besar dan pekerjaan yang buruk dan inilah tempat perlindungan denganMu dari Neraka, oleh itu ampunilah aku kerana sesungguhnya Engkau adalah Yang Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.

## **7. Hijir**

### **Tawaf Wida' > Penjelasan > Hijir**

#### **Hijir:**

Yang bermaksud: Wahai Tuhanku! Aku datang kepadaMu dari tempat yang jauh dengan mengharap kebaikanMu, oleh itu kurniakanlah kepadaku suatu kebaikan dari kebaikanMu yang tidak perlu lagi aku pohon daripada kebaikan orang lain, wahai Tuhan yang terkenal dengan menganugerahkan kebaikan.

## **8. Zamzam**

#### **Air Zamzam:**

Rasulullah s.a.w bersabda (mengenai air Zamzam): "Sesungguhnya air Zamzam itu merupakan makanan yang mengenyangkan dan penawar yang menyembuhkan penyakit".

1. Diriwayatkan daripada Ibnu Abbas r.a katanya: Rasulullah s.a.w telah bersabda: "Air Zamzam merupakan penawar yang menyembuhkan berdasarkan kepada niat meminumnya".
2. Diriwayatkan daripada Ibnu Abbas r.a katanya: Rasulullah s.a.w telah bersabda: "Sebaik-baik air yang keluar dari perut bumi ialah air Zamzam, terdapat padanya makanan yang boleh mengenyangkan dan penawar yang boleh menyembuhkan penyakit."
3. Ketika Muawiah bin Abu Sufian r.a mengerjakan ibadat Haji, beliau telah meminum air Zamzam dan berkata: "Air Zamzam merupakan penawar yang menyembuhkan berdasarkan kepada niat meminumnya".
4. Ibnu Abbas r.a berkata: "Kami menamakannya (iaitu air Zamzam) sebagai pengenyang. Air Zamzam itu boleh memberi nikmat yang menolong anak-anak kecil".
5. Katanya lagi: "Minumlah dari minuman yang menyembuhkan iaitu air Zamzam".
6. Katanya lagi: Sesungguhnya apabila Rasulullah s.a.w meraikan seseorang lelaki, baginda akan meraikannya dengan memberi minum air Zamzam.

# Haji Ifrad

## 1. Beriham Dari Miqat

### Beriham Dari Miqat > Penjelasan:

#### Miqat Zamani:

Bermula dari 1 Syawal sehingga 10 Zulhijah.

#### Tanda Sempadan Tanah Haram:

#### Tanda Sempadan:

**Tan'im** : Jalan menuju ke Madinah sejauh 6 km dari Mekah.

**Wadi Nakhlah** : Di timur laut sebelah Iraq dan jaraknya dengan Mekah sejauh 41 km.

**Ja'ranah** : Di sebelah timur sejauh 16 km.

**Adhah** : Jalan menuju ke Yaman dan jaraknya dengan Mekah sejauh 12 km.

**Hudaibiyah** : Di sebelah barat jalan ke Jeddah dan dinamakan sekarang ini dengan Asy-Syamisi sejauh 15 km dari Mekah.

Al-A'lam (tanda) ialah: Batu-batu yang dipahat setinggi satu meter kemudian diletakkan di tepi jalan-jalan tersebut.

#### Miqat Makani:

Diriwayatkan daripada Ibnu Abbas r.a katanya: Rasulullah s.a.w telah menetapkan tempat miqat bagi penduduk Madinah di Zul Hulaifah, bagi penduduk Syam di Juhfah, bagi penduduk Najd di Qarnul Manazil dan bagi penduduk Yaman di Yalamlam. Sabda Baginda Lagi: Miqat-miqat tersebut adalah bagi penduduk negeri-negeri tersebut dan bagi mereka yang melaluinya untuk menunaikan ibadat Haji dan Umrah. Manakala, selain dari mereka yang tersebut, miqatnya adalah mengikut arah kedatangan mereka, begitu juga dengan penduduk Mekah, miqatnya memadai dari Mekah. Para ahli Ilmu telah bersepakat mengenai tempat-tempat miqat tersebut.

#### Juhfah:

Merupakan miqat bagi penduduk Mesir, Syam dan mereka yang datang dari arahnya.

#### Zul Hulaifah:

Iaitu miqat bagi penduduk Madinah: Dinamakan Abyar Ali kerana ia merupakan tempat bekalan air bagi Bani Jathim, juga merupakan miqat yang paling jauh dari Kota Mekah iaitu kira-kira 450 kilometer. Perjalanan dengan unta dapat merentasi jarak tersebut selama sembilan hari, kira-kira 50 kilometer setiap hari (iaitu kira-kira 4 kilometer satu jam). Ia (50 Km) juga dinamakan satu marhalah.

#### Qarnul Manazil:

Sebuah bukit yang terletak di hadapan padang Arafah yang dikenali dengan Qarnul Manazil dan ia merupakan miqat bagi penduduk Taif dan mereka yang berada di belakangnya.

#### Zaatu Irqin:

Dinamakan Zaatu Irqin kerana ia merupakan sebuah bukit bernama Irqin, terletak di hadapan sebuah lembah yang dikenali dengan Wadi al-Aqiq iaitu sebuah perkampungan yang terletak sejauh 2 marhalah dari Kota Mekah. Miqat ini tidak terdapat di dalam hadis Rasulullah s.a.w, tetapi ia telah disepakati oleh para ulama.

#### Yalamlam:

Yalamlam merupakan salah sebuah dari bukit-bukit yang terdapat di sebelah utara, kira-kira 2 marhalah dari Kota Mekah dan ia adalah miqat bagi penduduk Yaman.

## **2. Tawaf Qudum**

### **1. Mekah**

#### **Tawaf Qudum > Penjelasan > Mekah**

##### **Kelebihan-kelebihan Mekah Mukarramah:**

Allah Tabaraka Wa Taala menamakannya Ummul Qura berpandukan firman Nya:

Yang bermaksud: Supaya engkau memberi peringatan kepada penduduk Ummul Qura (Mekah) serta orang-orang yang tinggal di kelilingnya. Ia juga dinamakan dengan al-Baladul Amin (negeri yang aman) di dalam firman Allah s.w.t: Yang bermaksud: Demi buah tin dan zaitun dan bukit Tur Sina serta negeri (Mekah) yang aman ini. Juga firman Allah Taala: Yang bermaksud: Aku bersumpah dengan negeri (Mekah) ini; sedang engkau (wahai Muhammad) tinggal di negeri ini (sentiasa ditindas). Di antara namanya juga ialah Baitul Atiq dimana Allah Subhanahu Wa Taala telah berfirman: Yang bermaksud: Dan hendaklah mereka tawaf akan Baitullah (Kaabah) yang tua sejarahnya itu. Firman Nya juga: Yang bermaksud: Allah menjadikan Kaabah, rumah yang mulia itu, sebagai tempat tumpuan manusia (untuk menjalankan ibadat dan hal-hal kehidupan). Nabi Ibrahim Al-Khalil a.s telah berdoa untuknya (Kaabah) dengan ucapannya: Yang bermaksud: Dan (ingatlah) ketika Nabi Ibrahim berdoa dengan berkata: Wahai Tuhanku! jadikanlah negeri Mekah ini negeri yang aman, dan jauhkanlah aku dan anak-anakku dari perbuatan menyembah berhala. Yang bermaksud: Dan (ingatlah) ketika Nabi Ibrahim (a.s.) berdoa dengan berkata: "Wahai Tuhanku! Jadikanlah (negeri Mekah) ini, negeri yang aman sentosa, dan berikanlah rezeki dari berbagai jenis buah-buahan kepada penduduknya, iaitu orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat di antara mereka". Allah berfirman: (Permohonanmu itu diterima) tetapi sesiapa yang kufur dan ingkar maka Aku akan beri juga dia bersenang-senang menikmati rezeki itu bagi sementara (di dunia), kemudian Aku memaksanya (dengan menyeretnya) ke azab neraka, dan (itulah) seburuk-buruk tempat kembali. Allah Taala berfirman: Yang bermaksud: Dan (ingatlah) ketika Kami jadikan Rumah Suci (Baitullah) itu tempat tumpuan bagi umat manusia (untuk Ibadat Haji) dan tempat yang aman; dan jadikanlah oleh kamu Makam Ibrahim itu tempat sembahyang. Dan Kami perintahkan kepada Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail (dengan berfirman): "Bersihkanlah Rumahku (Kaabah dan Masjidil Haram dari segala perkara yang dilarang) untuk orang-orang yang bertawaf, orang-orang yang beriktikaf (yang tetap tinggal padanya) dan orang-orang yang rukuk serta sujud". Allah berfirman melalui kata-kata Nabi Ibrahim a.s: Yang bermaksud: (Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya aku telah menempatkan sebahagian dari zuriat keturunanku di sebuah lembah (Tanah Suci Mekah) yang tiada tanaman padanya, di sisi rumahMu yang diharamkan mencerobohnya). Ketika kaum Quraisy mengusir Rasulullah s.a.w, baginda telah berdiri di atas sebuah bukit sambil memandang ke arah Kota Mekah serta perkampungan-perkampungannya lalu berkata: Sesungguhnya aku mengetahui bahawa engkau adalah negeri yang aku amat kasihi dan engkau juga adalah tanah yang Allah amat kasihi. Sekiranya bukan kerana orang-orang musyrikin mengusir aku darimu tentu aku tidak akan keluar. Terdapat riwayat di dalam dua kitab sahih: Bahawa Rasulullah s.a.w telah bersabda: Sesungguhnya Allah mengharamkan negeri ini (Kota Mekah) sewaktu Dia menciptakan langit dan bumi, Allah mengharamkannya berterusan hingga ke hari Kiamat. Rasulullah s.a.w juga telah berdiri di Jamrah Aqabah pada tahun pembukaan Kota Mekah lalu bersabda: Demi Allah, sesungguhnya engkau adalah sebaik-baik bumi Allah dan engkau juga adalah bumi Allah yang paling aku kasihi, sekiranya aku tidak diusir tentu aku tidak keluar, esungguhnya dalam Kota Mekah tidak dihalalkan kepada sesiapa pun sebelum aku, juga tidak dihalalkan kepada sesiapa selepasku dan aku sendiri hanya dihalalkan seketika sahaja pada waktu siang hari, kemudian ia diharamkan, pokok yang ada padanya tidak boleh ditebang atau mencabut tumbuhan kecil, barang yang hilang atau binatang yang sesat tidak boleh diambil kecuali orang yang ingin mengumumkannya. Mekah adalah merupakan Tanah Haram Allah dan Tanah Haram Rasulullah s.a.w di mana di situ ada tanda-tanda keterangan yang nyata (yang menunjukkan kemuliaannya di antaranya ialah) Makam Nabi Ibrahim.

##### **Zikir dan Doa:**

Yang bermaksud: Wahai Tuhanku! Ini HaramMu (tempat yang Engkau lindungi) dan tempat yang Engkau peliharakan. Haramkanlah aku terhadap Neraka dan peliharalah aku dari azabMu pada hari Engkau bangkitkan segala hamba-hambaMu dan jadikanlah aku dari golonganMu serta dari golongan orang-orang yang mentaatiMu. Apabila memasuki Kota Mekah Rasulullah juga menyebut: Yang bermaksud: Wahai Tuhanku! Janganlah Engkau jadikan ajal aku di sana (Mekah) sehingga kami keluar darinya. Seboleh-bolehnya apabila terlihat Kota Mekah, orang yang berhram menyebut:

Yang bermaksud: Ya Allah! Kurniakan kepada aku di sini tempat tinggal yang tetap dan rezeki yang halal.

## **2. Masjidilharam**

### **Tawaf Qudum > Penjelasan > Masjidilharam**

#### **Kelebihan Masjidilharam:**

Allah Taala juga menamakan Masjidilharam atau Kaabah dengan Baitul Atiq kerana Dia telah membebaskannya dari bala tentera (bergajah), oleh itu bala tersebut tidak menimpa Kaabah. Allah telah menghantar burung Ababil ke atas Abrahah dan tenteranya ketika cuba membinasakan Kaabah. (Dinamakan dengan Baitul Atiq juga) kerana Allah membebaskan pengunjung-pengunjungnya dari api (Neraka) apabila kematian mereka ketika berada dalam mentauhidkan Allah serta mengikut NabiNya (Islam). Kaabah dibina oleh bapa sekalian nabi-nabi iaitu Nabi Ibrahim a.s dan anaknya Nabi Ismail a.s dengan petunjuk daripada Allah s.w.t berpandukan firmanNya: Yang bermaksud: Dan (ingatlah) ketika Nabi Ibrahim bersama-sama Nabi Ismail meninggikan binaan asas-asas (tapak) Baitullah (Kaabah) itu, sambil keduanya berdoa dengan berkata: Wahai Tuhan kami! Terimalah daripada kami (amal kami); sesungguhnya Engkau Yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui. Dengan ini bapa sekalian nabi-nabi telah membina masjid yang paling mulia di kawasan yang paling mulia. Allah Taala mengkhususkan Masjidilharam dengan tidak boleh bersusah payah untuk bermusafir melainkan kepadanya (Masjidilharam), Masjid Nabi dan Masjidilqsa, sebagaimana (dikhususkan juga) dengan digandakan pahala sembahyang di dalamnya dimana sembahyang di Masjidilharam (digandakan) dengan seratus ribu sembahyang.

#### **Bacaan Ketika Memasuki Masjid:**

Yang bermaksud: Aku berlindung kepada Allah yang Maha Agung, dengan rupaNya yang Maha Mulia, kekuasaan yang azali dari Syaitan yang direjam. Segala puji bagi Allah, dengan nama Allah wahai Tuhanku selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad (s.a.w). Tuhanku ampunkanlah dosa-dosaku dan bukannya untukku kesemua pintu rahmatMu.

## **3. Kaabah**

### **Tawaf Qudum > Penjelasan > Kaabah**

#### **Kaabah:**

##### **Adab-adab memasuki Kaabah:**

Mandi, suci dari hadas kecil dan besar, tidak menolak-nolak, hati mestilah khusyuk serta merasa rendah diri, mengeluarkan air mata sekiranya Allah s.w.t menghendaknya demikian, jangan meninggikan pandangan ke arah atap Kaabah, tinggallah perkara itu untuk memuliakan dan membesarkan Allah Taala dan hendaklah sentiasa mengingati Allah s.w.t. Diriwayatkan daripada saidatina Aisyah r.a katanya (yang bermaksud): "Menjadi suatu kepelikan kepada seseorang Muslim ketika dia mengangkat pandangannya ke arah atap Kaabah apabila memasuki Kaabah. Tinggallah perkara itu untuk memuliakan dan membesarkan Allah Taala". Ketika Rasulullah s.a.w memasuki Kaabah, baginda tidak mengalih pandangannya dari tempat sujudnya sehinggalah baginda keluar.

##### **Nabi s.a.w memasuki Kaabah:**

Nabi s.a.w memasuki Kaabah empat kali selepas berhijrah:

Pertama: Di hari pembukaan Kota Mekah.

Kedua: Pembukaan Kota Mekah yang kedua.

Ketiga: Ketika mengerjakan Umrah qadha.

Keempat: Ketika mengerjakan Haji Wida'.

##### **Pahala memasuki Kaabah:**

Rasulullah s.a.w bersabda (yang bermaksud): "Sesiapa yang memasuki Kaabah lalu mengerjakan sembahyang di dalamnya, bererti dia masuk ke dalam kebaikan dan keluar dari segala keburukan dalam keadaan dia diberikan keampunan". Pada lafaz yang lain: "Dia keluar dalam keadaan diampunkan dosanya". Ibnu Umar r.a telah berkata tentang memasuki Kaabah: "Masuk ke dalam kebaikan dan keluar dari segala keburukan". Ata' berkata: "Sesungguhnya aku lebih suka mengerjakan sembahyang di dalam

Kaabah sebanyak dua rakaat dari mendirikan sembahyang empat rakaat di Masjidilharam".Diriwayatkan daripada Yahya bin Ju'dah bin Hubairah tentang firman Allah: Yang bermaksud: Sesiapa yang memasuki Kaabah akan mendapat keamanan. Katanya: "Keamanan dari api Neraka".Al-Hafiz Abu Tahir As-Salafi Rahmatullah mendendangkan nasyid kepada dirinya sendiri ketika memasuki Kaabah:Yang bermaksud: Adakah selepas memasuki Kaabah Allah akan menjamin

Adakah akan tertinggal dosa-dosa dan kesalahan yang tersembunyi. Maka maha sucilah setiap perkara tadi, bahkan akan dimaafi segala-galanya dan akan kembali seseorang itu dalam keadaan beriman dan gembira.Kelebihan Melihat Kaabah: Ibnu Abbas r.a berkata: "Memerhatikan Kaabah akan mengukuhkan iman". Hamad bin Abi Salamah Rahimahullah berkata: "Orang yang memerhatikan Kaabah adalah seperti orang yang bersungguh-sungguh dalam beribadat".Mujahid berkata: "Memerhatikan Kaabah merupakan ibadat". Said bin Musayyab berkata: "Sesiapa yang memerhatikan Kaabah dengan penuh keimanan dan kepercayaan, akan gugurlah segala kesalahan dan dosanya sebagaimana ketika dia dilahirkan".

#### **Zikir dan Doa:**

1. Telah diriwayatkan bahawa doa yang dibaca ketika melihat Kaabah adalah mustajab, di antara doa yang ma'thur ialah: Yang bermaksud: Ya Allah! Tambahkan lah Baitullah ini dengan kemuliaan, kebesaran, keagungan dan kebaikan serta tambahkanlah kurniaMu kepada sesiapa jua yang memuliakannya (Baitullah) dan membesarkannya dari kalangan orang-orang yang mengerjakan ibadat Haji atau Umrah dengan kemuliaan, kebesaran, keagungan dan kebajikan dan berdoa: Yang bermaksud: Ya Allah! Engkaulah yang bersifat sejahtera, dariMu sahajalah kesejahteraan. Oleh itu hidupkanlah kami wahai Tuhan kami dengan kesejahteraan. Yang bermaksud: Ya Allah, sesungguhnya Tanah Haram ini, negeri ini, ketenteraman yang ada di dalamnya dan hamba yang ada padanya semuanya kepunyaanMu, hambaMu ini telah datang menyahut panggilanMu dari negeri yang jauh dengan membawa dosa yang banyak dan amalan-amalan yang buruk, aku pohonkan kepadaMu belas kasihan kerana takutkan siksaMu, terimalah aku dengan keluasan kemaafanMu dan masukkanlah aku ke dalam keluasan SyurgaMu (Syurga an-Naim). Ya Allah, sesungguhnya ini adalah Tanah HaramMu maka haramkanlah dagingku, darahku dan tulang sendiku dari api Neraka. Ya Allah, peliharalah aku dari siksaMu pada Muri engkau membhagkitkan semula namba-hambaMu.

#### **h4. Multazam**

##### **Tawaf Qudum > Penjelasan > Multazam**

##### **Doa Di Multazam:**

Yang bermaksud: Wahai Tuhanku, untukMu segala puji yang menyamai nikmatMu dan menandingi kelebihanMu, aku memuji Engkau dengan segala puji yang aku ketahui, dengan apa yang aku tidak ketahui terhadap segala nikmat Engkau yang aku ketahui dan yang aku tidak ketahui serta terhadap segala rupa keadaan. Yang bermaksud: Wahai Tuhanku, sanjungkanlah Muhammad dan sejahterakanlah baginda serta keluarganya. Wahai Tuhanku! Lindungilah aku dari syaitan yang terkutuk, lindungilah aku dari segala kejahatan dan jadikanlah diriku merasa puas terhadap apa yang telah Engkau rezekikan serta kurniakanlah keberkatan untukku. Yang bermaksud: Wahai Tuhanku! Jadikanlah aku dari orang yang paling mulia yang datang kepadaMu dan kekalkanlah aku dalam jalan istiqamah sehingga aku berjumpaMu wahai Tuhan sekalian alam.

#### **5. Hajarulas wad**

##### **Tawaf Qudum > Penjelasan > Hajarulas wad**

##### **Kelebihan Hajarulaswad:**

1. Berdasarkan kepada bukti-bukti yang nyata, Rasulullah s.a.w telah mengucup Hajarulaswad. Selepas baginda mengucupnya para sahabat serta seluruh umat Islam terus mengucupnya hingga ke hari Kiamat kerana mengikuti Rasulullah s.a.w dalam perkara ini.
2. Saidina Umar bin Al-Khattab r.a telah memberi peringatan kepada seluruh umat Islam dari beriktikad bahawa terdapat sesuatu yang boleh memberi manfaat dan kemudahan selain daripada Allah s.w.t. Terdapat riwayat di dalam kitab Sahih bahawa Saidina Umar bin Al-Khattab r.a pernah berkata: Demi Allah! Sesungguhnya aku telah menyedari bahawa kamu hanyalah batu, tidak boleh memberi manfaat dan kemudahan. Sekiranya aku tidak melihat Rasulullah s.a.w mengucupmu, tentu aku tidak akan mengucupmu.

3. Terdapat riwayat sahih bahawa Nabi s.a.w telah bersabda: Allah akan membangkitkan Hajarulaswad pada hari Kiamat dengan mempunyai dua mata yang dapat melihat dan lidah yang dapat berkata-kata. Ia akan menjadi saksi kepada sesiapa yang mengucupnya dengan keadaan yang sebenar. Imam Tirmizi mensahihkan hadis Rasulullah s.a.w dimana baginda bersabda: Hajarulaswad diturunkan dari Syurga dalam keadaan lebih putih daripada susu tetapi telah dihitamkan dengan kesalahan dan dosa anak-anak Adam. Di dalam lafaz yang lain: Seinggalah telah dihitamkan oleh kesalahan dan dosa golongan syirik (yang menyekutukan Allah).

### **Doa Di Hajarulaswad:**

Yang bermaksud: Dengan nama Allah dan Allahlah Yang Maha Besar. Wahai Tuhanku! Aku beriman kepadaMu, percaya kepada kitabMu, memenuhi perintahMu dan mengikuti sunnah NabiMu s.a.w.

\* Disunatkan membaca zikir ini ketika menghadap ke arah Hajarulaswad pada setiap pusingan Tawaf.

### **6. Maqam Ibrahim**

#### **Tawaf Qudum > Penjelasan > Maqam**

##### **Maqam Nabi Ibrahim a.s:**

Rasulullah s.a.w. telah bersabda (yang bermaksud): Rukun (penjuru Kaabah) dan Maqam Nabi Ibrahim a.s diperbuat dari permata-permata delima dari Syurga. Allah telah padamkan cahaya keduanya, jika tidak tentu cahayanya akan menerangi antara timur dan barat. Daripada Ibnu Umar r.a katanya: Sesungguhnya Rukun (penjuru Kaabah) dan Maqam Nabi Ibrahim a.s diperbuat dari permata-permata delima dari Syurga. Jika kedua-duanya tidak dihapuskan oleh kesalahan dan dosa anak-anak Adam, tentu cahayanya akan menerangi antara timur dan barat.

##### **Zikir dan Doa :**

1. Disunatkan membaca firman Allah Taala:  
Yang bermaksud: Dan kamu jadikanlah Maqam Ibrahim itu tempat sembahyang.
2. Disunatkan menunaikan sembahyang dua rakaat dengan membaca al-Fatihah dan surah al-Kafirun pada rakaat pertama manakala pada rakaat kedua membaca al-Fatihah dan surah al-Ikhlash.
3. Seterusnya berdoa dengan menyebut:  
Yang bermaksud: Wahai Tuhanku! Aku hambaMu dan anak hambaMu, aku datang kepadaMu dengan dosa-dosa yang besar dan pekerjaan yang buruk dan inilah tempat perlindungan denganMu dari Neraka, oleh itu ampunilah aku kerana sesungguhnya Engkaulah Yang Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.

### **7. Hijir**

#### **Tawaf Qudum > Penjelasan > Hijir**

##### **Hijir:**

Yang bermaksud: Wahai Tuhanku! Aku datang kepadaMu dari tempat yang jauh dengan mengharap kebaikanMu, oleh itu kurniakanlah kepadaku suatu kebaikan dari kebaikanMu yang tidak perlu lagi aku pohon daripada kebaikan orang lain, wahai Tuhan yang terkenal dengan menganugerahkan kebaikan.

### **8. Zamzam**

#### **Tawaf Qudum > Penjelasan > Zamzam**

##### **Air Zamzam:**

Rasulullah s.a.w bersabda (mengenai air Zamzam): "Sesungguhnya air Zamzam itu merupakan makanan yang mengenyangkan dan penawar yang menyembuhkan penyakit".

1. Daripada Ibnu Abbas r.a katanya: Rasulullah s.a.w telah bersabda: "Air Zamzam merupakan penawar yang menyembuhkan berdasarkan kepada niat meminumnya".
2. Diriwayatkan daripada Ibnu Abbas r.a katanya: Rasulullah s.a.w telah bersabda: "Sebaik-baik air yang keluar dari perut bumi ialah air Zamzam, terdapat padanya makanan yang boleh mengenyangkan dan penawar yang boleh menyembuhkan penyakit."
3. Ketika Muawiah bin Abu Sufian r.a mengerjakan ibadat Haji, beliau telah meminum air Zamzam dan berkata: "Air Zamzam merupakan penawar yang menyembuhkan berdasarkan kepada niat meminumnya".

4. Ibnu Abbas r.a berkata: "Kami menamakannya (yaitu air Zamzam) sebagai pengenyang. Air Zamzam itu boleh memberi nikmat yang menolong anak-anak kecil".
5. Katanya lagi: "Minumlah dari minuman yang menyembuhkan yaitu air Zamzam".
6. Katanya lagi: Sesungguhnya apabila Rasulullah s.a.w meraikan seseorang lelaki, baginda akan meraikannya dengan memberi minum air Zamzam.

### **3. Saie**

#### **Saie > Penjelasan**

##### **Doa Bersaie:**

Yang bermaksud: Wahai Tuhan yang membalik-balikkan segala hati, tetapkanlah hatiku di atas agamaMu. Wahai Tuhanku, sesungguhnya aku memohon kepadaMu segala yang mewajibkan rahmatMu, segala yang meneguhkan keampunanMu, kesejahteraan daripada segala dosa, memperolehi Syurga dan terpelihara dari api Neraka. Wahai Tuhanku, sesungguhnya aku memohon kepadaMu hidayat petunjuk, ketaqwaan, terpelihara dari segala kesalahan dan kekayaan. Wahai Tuhanku, tolonglah aku supaya aku dapat menyebutMu, mensyukuri dan beribadat kepadaMu dengan sebaik-baiknya. Wahai Tuhanku, sesungguhnya aku memohon kepadaMu segala kebajikan, apa yang aku ketahui, apa yang aku tidak ketahui dan apa yang belum aku ketahui. Aku memohon kepada Engkau Syurga dan perkara-perkara yang boleh mendekatkan aku kepadanya samada perkataan atau perbuatan. Aku berlindung dengan Engkau dari Neraka dan dari perkara-perkara yang boleh mendekatkan aku kepadanya samada perkataan atau perbuatan.

##### **Bukit Safa:**

Ketika mendaki bukit Safa disunatkan membaca Firman Allah:

Yang bermaksud: Sesungguhnya Safa dan Marwah itu ialah sebahagian daripada Syiar (lambang) agama Allah. Oleh itu sesiapa yang menunaikan ibadat Haji di Baitullah atau mengerjakan Umrah, maka tidak salah dia bersaie (berjalan secara berulang-alik) di antara keduanya. Sesiapa yang sukarela mengerjakan perkara kebajikan, maka sesungguhnya Allah pemberi balasan pahala, lagi Maha Mengetahui. Kemudian menghadap ke arah Kaabah lalu mengucapkan: Yang bermaksud: Allah Yang Maha Besar, Allah Yang Maha Besar, Allah Yang Maha Besar, Allah Yang Maha Besar Terbesar dari segala yang besar-besar, segala puji-pujian tertentu bagi Allah, Maha suci Allah Yang Maha Agung dengan puji-pujian yang mulia pagi dan petang. Tidak ada Tuhan yang disembah dengan sebenar-benarnya melainkan Allah, Tuhan yang telah menepati segala janji-janjiNya, Tuhan yang telah menolong hambaNya dan menghancurkan segala musuh-musuh dengan keagunganNya. Tidak ada tuhan yang disembah dengan sebenar-benarnya melainkan Allah, kepada Allah kami memperhambakan diri kami dengan penuh keikhlasan dan kejujuran.

##### **Bukit Marwah:**

Ketika mendaki bukit Marwah disunatkan membaca Firman Allah:

Yang bermaksud: Sesungguhnya Safa dan Marwah itu ialah sebahagian daripada Syiar (lambang) agama Allah. Oleh itu sesiapa yang menunaikan ibadat Haji di Baitullah atau mengerjakan Umrah, maka tidak salah dia bersaie (berjalan secara berulang-alik) di antara keduanya. Sesiapa yang sukarela mengerjakan perkara kebajikan, maka sesungguhnya Allah pemberi balasan pahala, lagi Maha Mengetahui. Kemudian menghadap ke arah Kaabah lalu mengucapkan: Yang bermaksud: Allah Yang Maha Besar, Allah Yang Maha Besar, Allah Yang Maha Besar, Allah Yang Maha Besar Terbesar dari segala yang besar-besar, segala puji-pujian tertentu bagi Allah, Maha suci Allah Yang Maha Agung dengan puji-pujian yang mulia pagi dan petang. Tidak ada Tuhan yang disembah dengan sebenar-benarnya melainkan Allah, Tuhan yang telah menepati segala janji-janjiNya, Tuhan yang telah menolong hambaNya dan menghancurkan segala musuh-musuh dengan keagunganNya. Tidak ada tuhan yang disembah dengan sebenar-benarnya melainkan Allah, kepada Allah kami memperhambakan diri kami dengan penuh keikhlasan dan kejujuran.

### **4. Bermalam Di Mina**

#### **Bermalam Di Mina > Dalil**

Di dalam hadis Jabir r.a tentang cara Nabi s.a.w mengerjakan ibadat Haji: " Lalu Rasulullah s.a.w menunggang unta menuju ke Mina, di sana baginda mendirikan sembahyang Zuhur, Asar, Maghrib, Isyak dan Subuh."

## **5. Wuquf Di Arafah**

### **Wuquf Di Arafah > Pejelasan**

#### **Wukuf di Padang Arafah:**

Perbanyakkanlah membaca doa yang dibaca oleh Nabi s.a.w pada Hari Arafah iaitu:

Yang bermaksud: Tiada Tuhan yang di sembah dengan sebenarnya melainkan Allah. Tiada sekutu bagiNya, Dialah yang memiliki kekuasaan, Dialah yang memiliki kepujian dan Dia berkuasa ke atas setiap perkara. Kemudian bacalah ayat ini: Yang bermaksud: Allah menerangkan (kepada sekalian makhlukNya dengan dalil-dalil dan bukti), bahawasanya tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Yang sentiasa mentadbirkan (seluruh alam) dengan keadilan, dan malaikat-malaikat serta orang-orang yang berilmu (mengakui dan menegaskan juga yang demikian); tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana. Kemudian berdoa dengan doa ini: Yang bermaksud: Wahai Tuhanku! Sesungguhnya Engkau mendengar kata-kataku dan melihat tempatku, mengetahui setiap yang aku rahsiakan dan yang aku zahirkan, tidak boleh disembunyikan sesuatupun dari pengetahuanMu. Aku hamba yang kerdil lagi fakir, memohon pertolongan dan balasan, aku hamba yang takut dan meminta belas kasihan serta mengaku terhadap segala kesalahan, aku meminta daripadaMu sebagai permintaan orang yang berhajat dan mengadu kepadaMu sebagai aduan orang yang bersalah dan hina diri, aku berdoa kepadaMu sebagai doa orang yang amat takut lagi tenat, orang yang menundukkan kepala serta seluruh anggota tubuh badan hanyalah kepadaMu. Yang bermaksud: Tiada Tuhan yang disembah dengan sebenarnya melainkan Allah. Tiada sekutu bagiNya, Dialah Yang Memiliki Kerajaan dan Dialah Yang Memiliki Kepujian, di sisiNya segala kebaikan dan Dialah Yang Maha Berkuasa ke atas setiap perkara. Wahai Tuhanku! Sinarkanlah hatiku, dadaku, pendengaranku dan penglihatanku dengan cahayaMu. Wahai Tuhanku! Lapangkanlah jiwaku, permudahkanlah urusanku. Aku berlindung denganMu dari segala waswas hati, dari urusan yang tidak teratur dan dari fitnah kubur. Wahai Tuhanku! Aku berlindung denganMu dari segala keburukan yang berlaku pada malam dan siang, dari keburukan yang didatangkan oleh angin dan dari segala bencana.

## **6. Ifadhah Ke Muzdalifah**

### **Ifadah Ke Muzdalifah > Penjelasan**

#### **Zikir Ketika Bertolak Dari Padang Arafah Menuju Ke Muzdalifah:**

Firman Allah Taala:

Yang bermaksud: Kemudian apabila kamu bertolak turun dari padang Arafah (menuju ke Muzdalifah) maka sebutlah nama Allah (dengan doa, "talbiah" dan tasbih) di tempat Masy'ari Haram (di Muzdalifah), dan ingatlah kepada Allah dengan menyebutNya sebagaimana Dia telah memberikan petunjuk hidayah kepadamu; dan sesungguhnya kamu sebelum itu adalah dari golongan orang-orang yang salah jalan ibadatnya. Disunatkan juga membanyakkan Talbiah di setiap tempat dan ini merupakan di antara perkara-perkara yang diyakini, membanyakkan membaca al-Quran dan membanyakkan berdoa serta disunatkan menyebut: Yang bermaksud: Tidak ada tuhan yang disembah dengan sebenar-benarnya melainkan Allah, serta hanya Allah jualah Yang Maha Besar, kemudian diikuti dengan doa berikut: Yang bermaksud: Wahai Tuhanku! Kepada Engkau aku bergantung, Engkaulah tempat aku berharap, oleh itu terimalah ibadatku (Hajiku) dan berilah taufik hidayah dan rezeki untukku padanya dengan kebajikan, lebih banyak dari apa yang aku pohonkan, serta janganlah Engkau sia-siakan harapanku, sesungguhnya Engkaulah Yang Maha Pemurah lagi Maha Mulia. Wahai Tuhanku! Sesungguhnya aku memohon kepadaMu semoga Engkau limpahkan rezeki kepadaku di tempat ini dengan segala kebajikan, juga semoga Engkau memperbaiki segala urusanku dan memalingkan segala kejahatan daripadaku, kerana sesungguhnya hanya Engkaulah yang dapat berbuat demikian dan tidak ada yang dapat memberikan yang demikian selain daripada Engkau sendiri. Kemudian pungutlah tujuh ketul batu kecil.

## **7. Melontar Jamratul Aqabah**

### **Melontar Jamratul Aqabah > Penjelasan**

#### **Ketika Berada Di Jamratul Aqabah:**

Hendaklah sentiasa bertalbiah sehingga tiba di Jamratul Aqabah kemudian hentikan talbiah serta jadikanlah Baitullah berada di sebelah kiri anda, manakala Mina di sebelah kanan anda dan hadaplah ke Jamrah. Lontarlah satu persatu serta iringilah dengan takbir pada setiap lontaran batu.

## **8. Bercukur Atau Bergunting**

### **Bercukur Atau Bergunting > Penjelasan:**

#### **Bercukur atau Bergunting:**

Orang lelaki disunatkan memegang hujung rambut dengan tangannya ketika hendak bercukur serta bertakbir tiga kali kemudian berdoa: Yang bermaksud: Segala puji-pujian hanya bagi Allah yang memberi hidayah kepada kami, segala puji-pujian hanya bagi Allah yang telah engurniakan kenikmatan kepada kami. Wahai Tuhanku! Inilah hujung rambutku maka terimalah daripadaku, serta ampunilah dosaku. Wahai Tuhanku! Ampunilah dosaku serta dosa orang-orang yang bercukur dan orang-orang yang bergunting wahai Tuhan Yang Amat Luas Pengampunan, amin. Apabila selesai bercukur bertakbirlah tiga kali kemudian membaca:

Yang bermaksud: Segala puji-pujian hanya bagi Allah yang telah menyempurnakan ibadat-ibadat kami. Wahai Tuhanku! Tambahkan keimanan dan keyakinan, berikanlah taufik dan pertolongan, serta ampunilah kami, ibu bapa kami serta seluruh umat Islam.

## **9. Tawaf Ifadhah**

### **Tawaf Ifadhah > Penjelasan**

#### **1. Mekah**

#### **Tawaf Ifadhah > Penjelasan > Mekah**

Allah Tabaraka Wa Taala menamakannya Ummul Qura berpandukan firman Nya:

Yang bermaksud: Supaya engkau memberi peringatan kepada penduduk Ummul Qura (Mekah) serta orang-orang yang tinggal di kelilingnya. Ia juga dinamakan dengan al-Baladul Amin (negeri yang aman) di dalam firman Allah s.w.t: Yang bermaksud: Demi buah tin dan zaitun dan bukit Tur Sina serta negeri (Mekah) yang aman ini. Juga firman Allah Taala: Yang bermaksud: Aku bersumpah dengan negeri (Mekah) ini; sedang engkau (wahai Muhammad) tinggal di negeri ini (sentiasa ditindas). Di antara namanya juga ialah Baitul Atiq dimana Allah Subhanahu Wa Taala telah berfirman: Yang bermaksud: Dan hendaklah mereka tawaf akan Baitullah (Kaabah) yang tua sejarahnya itu. Firman Nya juga: Yang bermaksud: Allah menjadikan Kaabah, rumah yang mulia itu, sebagai tempat tumpuan manusia (untuk menjalankan ibadat dan hal-hal kehidupan). Nabi Ibrahim al-Khalil a.s telah berdoa untuknya (Kaabah) dengan ucapannya: Yang bermaksud: Dan (ingatlah) ketika Nabi Ibrahim berdoa dengan berkata: Wahai Tuhanku! jadikanlah negeri Mekah ini negeri yang aman, dan jauhkanlah aku dan anak-anakku dari perbuatan menyembah berhala. Yang bermaksud: Dan (ingatlah) ketika Nabi Ibrahim (a.s.) berdoa dengan berkata: "Wahai Tuhanku! Jadikanlah (negeri Mekah) ini, negeri yang aman sentosa, dan berikanlah rezeki dari berbagai jenis buah-buahan kepada penduduknya, iaitu orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat di antara mereka". Allah berfirman: (Permohonanmu itu diterima) tetapi sesiapa yang kufur dan ingkar maka Aku akan beri juga dia bersenang-senang menikmati rezeki itu bagi sementara (di dunia), kemudian Aku memaksanya (dengan menyeretnya) ke azab neraka, dan (itulah) seburuk-buruk tempat kembali. Allah Taala berfirman: Yang bermaksud: Dan (ingatlah) ketika Kami jadikan Rumah Suci (Baitullah) itu tempat tumpuan bagi umat manusia (untuk Ibadat Haji) dan tempat yang aman; dan jadikanlah oleh kamu Makam Ibrahim itu tempat sembahyang. Dan Kami perintahkan kepada Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail (dengan berfirman): "Bersihkanlah Rumahku (Kaabah dan Masjidil Haram dari segala perkara yang dilarang) untuk orang-orang yang bertawaf, orang-orang yang beriktikaf (yang tetap tinggal padanya) dan orang-orang yang rukuk serta sujud". Allah berfirman melalui kata-kata Nabi Ibrahim a.s: Yang bermaksud: Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya aku telah menempatkan sebahagian dari zuriat keturunanku di sebuah lembah (Tanah Suci Mekah) yang tiada tanaman padanya, di sisi rumahMu yang diharamkan mencerobohnya. Ketika kaum Quraisy mengusir Rasulullah s.a.w, baginda telah berdiri di atas sebuah bukit sambil memandang ke arah Kota Mekah serta perkampungan-perkampungannya lalu berkata: Sesungguhnya aku mengetahui bahawa engkau adalah negeri yang aku amat kasihan dan engkau juga adalah tanah yang Allah amat kasihan. Sekiranya bukan kerana orang-orang musyrikin mengusir aku darimu tentu aku tidak akan keluar. Terdapat riwayat di dalam dua kitab sahih: Bahawa Rasulullah s.a.w telah bersabda: Sesungguhnya Allah mengharamkan negeri ini (Kota Mekah)

sewaktu Dia menciptakan langit dan bumi, Allah mengharamkannya berterusan hingga ke hari Kiamat. Rasulullah s.a.w juga telah berdiri di Jamrah Aqabah pada tahun pembukaan Kota Mekah lalu bersabda: Demi Allah, sesungguhnya engkau adalah sebaik-baik bumi Allah dan engkau juga adalah bumi Allah yang paling aku kasihi, sekiranya aku tidak diusir tentu aku tidak keluar, sesungguhnya dalam Kota Mekah tidak dihalalkan kepada sesiapaupun sebelum aku, juga tidak dihalalkan kepada sesiapa selepasku dan aku sendiri hanya dihalalkan seketika sahaja pada waktu siang hari, kemudian ia diharamkan, pokok yang ada padanya tidak boleh ditebang atau mencabut tumbuhan kecil, barang yang hilang atau binatang yang sesat tidak boleh diambil kecuali orang yang ingin mengumumkannya. Mekah adalah merupakan Tanah Haram Allah dan Tanah Haram Rasulullah s.a.w di mana di situ ada tanda-tanda keterangan yang nyata (yang menunjukkan kemuliaannya di antaranya ialah) Makam Nabi Ibrahim.

### **Zikir dan Doa:**

Yang bermaksud: Wahai Tuhanku! Ini HaramMu (tempat yang Engkau lindungi) dan tempat yang Engkau peliharakan. Haramkanlah aku terhadap Neraka dan peliharalah aku dari azabMu pada hari Engkau bangkitkan segala hamba-hambaMu dan jadikanlah aku dari golonganMu serta dari golongan orang-orang yang mentaatiMu. Apabila memasuki Kota Mekah Rasulullah juga menyebut:

Yang bermaksud: Wahai Tuhanku! Janganlah Engkau jadikan ajal aku di sana (Mekah) sehingga kami keluar darinya. Sebolehnya apabila terlihat Kota Mekah, orang yang berharam menyebut:

Yang bermaksud: Ya Allah! Kurniakan kepada aku di sini tempat tinggal yang tetap dan rezeki yang halal.

## **2. Masjidilharam**

### **Tawaf Ifadhah > Penjelasan > Masjidilharam**

#### **Kelebihan Masjidilharam:**

Allah Taala juga menamakan Masjidilharam atau Kaabah dengan Baitul Atiq kerana Dia telah membebaskannya dari bala tentera (bergajah), oleh itu bala tersebut tidak menimpa Kaabah. Allah telah menghantar burung Ababil ke atas Abraham dan tenteranya ketika cuba membinasakan Kaabah. (Dinamakan dengan Baitul Atiq juga) kerana Allah membebaskan pengunjung-pengunjungnya dari api (Neraka) apabila kematian mereka ketika berada dalam mentauhidkan Allah serta mengikut NabiNya (Islam). Kaabah dibina oleh bapa sekalian nabi-nabi iaitu Nabi Ibrahim a.s dan anaknya Nabi Ismail a.s. dengan petunjuk daripada Allah s.w.t berpandukan firmanNya: Yang bermaksud: Dan (ingatlah) ketika Nabi Ibrahim bersama-sama Nabi Ismail meninggikan binaan asas-asas (tapak) Baitullah (Kaabah) itu, sambil keduanya berdoa dengan berkata: Wahai Tuhan kami! Terimalah daripada kami (amal kami); sesungguhnya Engkaulah Yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui. Dengan ini bapa sekalian nabi-nabi telah membina masjid yang paling mulia di kawasan yang paling mulia. Allah Taala mengkhususkan Masjidilharam dengan tidak boleh bersusah payah untuk bermusafir melainkan kepadanya (Masjidilharam), Masjid Nabi dan Masjidilqasa, sebagaimana (dikhususkan juga) dengan digandakan pahala sembahyang di dalamnya dimana sembahyang di Masjidilharam (digandakan) dengan seribu sembahyang.

#### **Bacaan Ketika Memasuki Masjid:**

Yang bermaksud: Aku berlindung kepada Allah yang Maha Agung, dengan rupaNya yang Maha Mulia, kekuasaan yang azali dari Syaitan yang direjam. Segala puji bagi Allah, dengan nama Allah wahai Tuhanku selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad (s.a.w). Tuhanku ampunkanlah dosa-dosaku dan bukakanlah untukku kesemua pintu rahmatMu.

## **3. Kaabah**

### **Tawaf Ifadhah > Penjelasan > Kaabah**

#### **Kaabah:**

#### **Adab-adab memasuki Kaabah:**

Mandi, suci dari hadas kecil dan besar, tidak menolak-nolak, hati mestilah khusyuk serta merasa rendah diri, mengeluarkan air mata sekiranya Allah s.w.t menghendaknya demikian, jangan meninggikan pandangan ke arah atap Kaabah, tinggallah perkara itu untuk memuliakan dan membesarkan Allah Taala dan hendaklah sentiasa mengingati Allah s.w.t. Diriwayatkan daripada Saidatina Aisyah r.a katanya (yang bermaksud): "Menjadi suatu kepelikan kepada seseorang Muslim ketika dia mengangkat pandangannya ke arah atap Kaabah apabila memasuki Kaabah. Tinggallah perkara itu untuk memuliakan dan membesarkan Allah Taala". Ketika Rasulullah s.a.w memasuki Kaabah, baginda tidak mengalih pandangannya dari tempat sujudnya sehinggalah baginda keluar.

### **Nabi s.a.w memasuki Kaabah:**

Nabi s.a.w memasuki Kaabah empat kali selepas berhijrah:

Pertama: Di hari pembukaan Kota Mekah.

Kedua: Pembukaan Kota Mekah yang kedua.

Ketiga: Ketika mengerjakan Umrah qadha.

Keempat: Ketika mengerjakan Haji Wida'.

### **Pahala memasuki Kaabah:**

Rasulullah s.a.w bersabda (yang bermaksud): "Sesiapa yang memasuki Kaabah lalu mengerjakan sembahyang di dalamnya, bererti dia masuk ke dalam kebaikan dan keluar dari segala keburukan dalam keadaan dia diberikan keampunan". Pada lafaz yang lain: "Dia keluar dalam keadaan diampunkan dosanya". Ibnu Umar r.a telah berkata tentang memasuki Kaabah: "Masuk ke dalam kebaikan dan keluar dari segala keburukan". Ata' berkata: "Sesungguhnya aku lebih suka mengerjakan sembahyang di dalam Kaabah sebanyak dua rakaat dari mendirikan sembahyang empat rakaat di Masjidilharam".

Diriwayatkan daripada Yahya bin Ju'dah bin Hubairah tentang firman Allah:

Yang bermaksud: Sesiapa yang memasuki Kaabah akan mendapat keamanan. Katanya: "Keamanan dari api Neraka". Al-Hafiz Abu Tahir As-Salafi Rahmatullah mendendangkan nasyid kepada dirinya sendiri ketika memasuki Kaabah: Yang bermaksud: Adakah selepas memasuki Kaabah Allah akan menjamin

Adakah akan tertinggal dosa-dosa dan kesalahan yang tersembunyi. Maka maha sucilah setiap perkara tadi, bahkan akan dimaafi segala-galanya dan akan kembali seseorang itu dalam keadaan beriman dan gembira. Kelebihan Melihat Kaabah: Ibnu Abbas r.a berkata: "Memerhatikan Kaabah akan mengukuhkan iman". Hamad bin Abi Salamah Rahimahullah berkata: "Orang yang memerhatikan Kaabah adalah seperti orang yang bersungguh-sungguh dalam beribadat". Mujahid berkata: "Memerhatikan Kaabah merupakan ibadat". Said bin Musayyab berkata: "Sesiapa yang memerhatikan Kaabah dengan penuh keimanan dan kepercayaan, akan gugurlah segala kesalahan dan dosanya sebagaimana ketika dia dilahirkan".

### **Zikir dan Doa:**

1. Telah diriwayatkan bahawa doa yang dibaca ketika melihat Kaabah adalah mustajab, di antara doa yang ma'thur ialah: Yang bermaksud: Ya Allah! Tambahkanilah Baitullah ini dengan kemuliaan, kebesaran, keagungan dan kebaikan serta tambahkanlah kurniaMu kepada sesiapa jua yang memuliakannya (Baitullah) dan membesarkannya dari kalangan orang-orang yang mengerjakan ibadat Haji atau Umrah dengan kemuliaan, kebesaran, keagungan dan kebajikan dan berdoa: Yang bermaksud: Ya Allah! Engkaulah yang bersifat sejahtera, dariMu sahajalah kesejahteraan. Oleh itu hidupakanlah kami wahai Tuhan kami dengan kesejahteraan. Yang bermaksud: Ya Allah, sesungguhnya Tanah Haram ini, negeri ini, ketenteraman yang ada di dalamnya dan hamba yang ada padanya semuanya kepunyaanMu, hambaMu ini telah datang menyahut panggilanMu dari negeri yang jauh dengan membawa dosa yang banyak dan amalan-amalan yang buruk, aku pohonkan kepadaMu belas kasihan kerana takutkan siksaMu, terimalah aku dengan keluasan kemaafanMu dan masukkanlah aku ke dalam keluasan SyurgaMu (Syurga an-Naim). Ya Allah, sesungguhnya ini adalah Tanah HaramMu maka haramkanlah dagingku, darahku dan tulang sendiku dari api Neraka. Ya Allah, peliharalah aku dari siksaMu pada hari engkau membangkitkan semula hamba-hambaMu.

#### **4. Multazam**

##### **Tawaf Ifadhah > Penjelasan > Multazam**

###### **Doa Di Multazam:**

Yang bermaksud: Wahai Tuhanku, untukMu segala puji yang menyamai nikmatMu dan menandingi kelebihanMu, aku memuji Engkau dengan segala puji yang aku ketahui, dengan apa yang aku tidak ketahui terhadap segala nikmat Engkau yang aku ketahui dan yang aku tidak ketahui serta terhadap segala rupa keadaan. Yang bermaksud: Wahai Tuhanku, sanjungkanlah Muhammad dan sejahterakanlah baginda serta keluarganya. Wahai Tuhanku! Lindungilah aku dari syaitan yang terkutuk, lindungilah aku dari segala kejahatan dan jadikanlah diriku merasa puas terhadap apa yang telah Engkau rezekikan serta kurniakanlah keberkatan untukku. Yang bermaksud: Wahai Tuhanku! Jadikanlah aku dari orang yang paling mulia yang datang kepadaMu dan kekalkanlah aku dalam jalan istiqamah sehingga aku berjumpaMu wahai Tuhan sekalian alam.

#### **5. Hajarulas wad**

##### **Tawaf Ifadhah > Penjelasan > Hajarulas wad**

###### **Kelebihan Hajarulaswad:**

1. Berdasarkan kepada bukti-bukti yang nyata, Rasulullah s.a.w telah mengucup Hajarulaswad. Selepas baginda mengucupnya para sahabat serta seluruh umat Islam terus mengucupnya hingga ke hari Kiamat kerana mengikuti Rasulullah s.a.w dalam perkara ini.
2. Saidina Umar bin Al-Khattab r.a telah memberi peringatan kepada seluruh umat Islam dari beriktikad bahawa terdapat sesuatu yang boleh memberi manfaat dan kemudaratannya selain daripada Allah s.w.t. Terdapat riwayat di dalam kitab Sahih bahawa Saidina Umar bin Al-Khattab r.a pernah berkata: Demi Allah! Sesungguhnya aku telah menyedari bahawa kamu hanyalah batu, tidak boleh memberi manfaat dan kemudaratannya. Sekiranya aku tidak melihat Rasulullah s.a.w mengucupmu, tentu aku tidak akan mengucupmu.
3. Terdapat riwayat sahih bahawa Nabi s.a.w telah bersabda: Allah akan membangkitkan Hajarulaswad pada hari Kiamat dengan mempunyai dua mata yang dapat melihat dan lidah yang dapat berkata-kata. Ia akan menjadi saksi kepada sesiapa yang mengucupnya dengan keadaan yang sebenar. Imam Tirmizi mensahihkan hadis Rasulullah s.a.w dimana baginda bersabda: Hajarulaswad diturunkan dari Syurga dalam keadaan lebih putih daripada susu tetapi telah dihitamkan dengan kesalahan dan dosa anak-anak Adam. Di dalam lafaz yang lain: Sehingga telah dihitamkan oleh kesalahan dan dosa golongan syirik (yang menyekutukan Allah).

###### **Doa Di Hajarulaswad:**

Yang bermaksud: Dengan nama Allah dan Allahlah Yang Maha Besar. Wahai Tuhanku! Aku beriman kepadaMu, percaya kepada kitabMu, memenuhi perintahMu dan mengikuti sunnah NabiMu s.a.w.

\* Disunatkan membaca zikir ini ketika menghadap ke arah Hajarulaswad pada setiap pusingan Tawaf.

#### **6. Maqam Ibrahim**

##### **Tawaf Ifadhah > Penjelasan > Maqam**

###### **Maqam Nabi Ibrahim a.s:**

Rasulullah s.a.w. telah bersabda (yang bermaksud): Rukun (penjuru Kaabah) dan Maqam Nabi Ibrahim a.s diperbuat dari permata-permata delima dari Syurga. Allah telah padamkan cahaya keduanya, jika tidak tentu cahayanya akan menerangi antara timur dan barat. Daripada Ibnu Umar r.a katanya: Sesungguhnya Rukun (penjuru Kaabah) dan Maqam Nabi Ibrahim a.s diperbuat dari permata-permata delima dari Syurga. Jika kedua-duanya tidak dihapuskan oleh kesalahan dan dosa anak-anak Adam, tentu cahayanya akan menerangi antara timur dan barat.

###### **Zikir dan Doa :**

1. Disunatkan membaca firman Allah Taala:  
Yang bermaksud: Dan kamu jadikanlah Maqam Ibrahim itu tempat sembahyang.
2. Disunatkan menunaikan sembahyang dua rakaat dengan membaca al-Fatihah dan surah al-Kafirun pada rakaat pertama manakala pada rakaat kedua membaca al-Fatihah dan surah al-Ikhlash.

3. Seterusnya berdoa dengan menyebut:

Yang bermaksud: Wahai Tuhanku! Aku hambaMu dan anak hambaMu, aku datang kepadaMu dengan dosa-dosa yang besar dan pekerjaan yang buruk dan inilah tempat perlindungan denganMu dari Neraka, oleh itu ampunilah aku kerana sesungguhnya Engkau adalah Yang Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.

## **7. Hijir**

### **Tawaf Ifadhah > Penjelasan > Hijir**

#### **Hijir:**

Yang bermaksud: Wahai Tuhanku! Aku datang kepadaMu dari tempat yang jauh dengan mengharap kebaikanMu, oleh itu kurniakanlah kepadaku suatu kebaikan dari kebaikanMu yang tidak perlu lagi aku pohon daripada kebaikan orang lain, wahai Tuhan yang terkenal dengan menganugerahkan kebaikan.

## **8. Zamzam**

### **Tawaf Ifadhah > Penjelasan > Zamzam**

#### **Air Zamzam:**

Rasulullah s.a.w bersabda (mengenai air Zamzam): "Sesungguhnya air Zamzam itu merupakan makanan yang mengenyangkan dan penawar yang menyembuhkan penyakit".

1. Diriwayatkan daripada Ibnu Abbas r.a katanya: Rasulullah s.a.w telah bersabda: "Air Zamzam merupakan penawar yang menyembuhkan berdasarkan kepada niat meminumnya".
2. Diriwayatkan daripada Ibnu Abbas r.a katanya: Rasulullah s.a.w telah bersabda: "Sebaik-baik air yang keluar dari perut bumi ialah air Zamzam, terdapat padanya makanan yang boleh mengenyangkan dan penawar yang boleh menyembuhkan penyakit."
3. Ketika Muawiah bin Abu Sufian r.a mengerjakan ibadat Haji, beliau telah meminum air Zamzam dan berkata: "Air Zamzam merupakan penawar yang menyembuhkan berdasarkan kepada niat meminumnya".
4. Ibnu Abbas r.a berkata: "Kami menamakannya (iaitu air Zamzam) sebagai pengenyang. Air Zamzam itu boleh memberi nikmat yang menolong anak-anak kecil".
5. Katanya lagi: "Minumlah dari minuman yang menyembuhkan iaitu air Zamzam".
6. Katanya lagi: Sesungguhnya apabila Rasulullah s.a.w meraikan seseorang lelaki, baginda akan meraikannya dengan memberi minum air Zamzam.

## **10. Bermalam Di Mina**

### **Bermalam Di Mina > Dalil**

1. Firman Allah s.w.t:

Yang bermaksud: Dan sebutlah kamu akan Allah (dengan takbir semasa mengerjakan Haji) dalam beberapa hari yang tertentu bilangannya. Kemudian sesiapa yang segera (meninggalkan Mina) pada hari yang kedua, maka dia tidaklah berdosa dan sesiapa yang melambatkan (meninggalkan Mina) maka dia juga tidaklah berdosa. (Ketiadaan dosa itu ialah) bagi orang yang bertakwa.

2. Diriwayatkan daripada Ibnu Umar r.a katanya: Adapun Rasulullah s.a.w, baginda telah bermalam di Mina.
3. Diriwayatkan daripada Umar r.a katanya: Dia pernah melarang orang ramai supaya tidak bermalam di belakang Jamrah Aqabah walaupun seorang malah dia meminta mereka supaya memasuki mina.

## **11. Melontar Setiap Jamrah**

### **Melontar Setiap Jamrah > Penjelasan**

#### **Melontar Ketiga-tiga Jamrah:**

Selepas tergelincir matahari pergilah ke tempat melontar Jamrah dan mulakanlah dengan Jamrah Sughra yang terletak selepas masjid Khaif serta lontarlah dengan tujuh ketul batu kecil satu demi satu, setiap kali lontaran batu ucaplah: Kemudian hadaplah ke arah kiblat, angkatlah kedua-dua tangan anda sambil berdoa dengan kadar membaca surah al-Baqarah. Kemudian lontarlah Jamrah Wusta sebagaimana di Jamrah Sughra, kemudian hadaplah ke arah kiblat dengan mengangkat tangan sambil berdoa hampir sama kadar doa anda selepas melontar Jamrah Sughra. Selepas itu lontarlah Jamrah Aqabah dengan tujuh

ketul batu kecil serta jadikanlah Baitullah berada di sebelah kiri anda manakala Mina di sebelah kanan anda.

## **12. Tawaf Wida'**

### **Tawaf Wida' > Penjelasan**

#### **1. Mekah**

#### **Tawaf Wida' > Penjelasan > Mekah**

#### **Kelebihan-kelebihan Mekah Mukarramah:**

Allah Tabaraka Wa Taala menamakannya Ummul Qura berpandukan firman Nya:

Yang bermaksud: Supaya engkau memberi peringatan kepada penduduk Ummul Qura (Mekah) serta orang-orang yang tinggal di kelilingnya. Ia juga dinamakan dengan al-Baladul Amin (negeri yang aman) di dalam firman Allah s.w.t: Yang bermaksud: Demi buah tin dan zaitun dan bukit Tur Sina serta negeri (Mekah) yang aman ini. Juga firman Allah Taala: Yang bermaksud: Aku bersumpah dengan negeri (Mekah) ini; sedang engkau (wahai Muhammad) tinggal di negeri ini (sentiasa ditindas). Di antara namanya juga ialah Baitul Atiq dimana Allah Subhanahu Wa Taala telah berfirman: Yang bermaksud: Dan hendaklah mereka tawaf akan Baitullah (Kaabah) yang tua sejarahnya itu. Firman Nya juga: Yang bermaksud: Allah menjadikan Kaabah, rumah yang mulia itu, sebagai tempat tumpuan manusia (untuk menjalankan ibadat dan hal-hal kehidupan). Nabi Ibrahim Al-Khalil a.s telah berdoa untuknya (Kaabah) dengan ucapannya: Yang bermaksud: Dan (ingatlah) ketika Nabi Ibrahim berdoa dengan berkata: Wahai Tuhanku! jadikanlah negeri Mekah ini negeri yang aman, dan jauhkanlah aku dan anak-anakku dari perbuatan menyembah berhala. Yang bermaksud: Dan (ingatlah) ketika Nabi Ibrahim (a.s.) berdoa dengan berkata: "Wahai Tuhanku! Jadikanlah (negeri Mekah) ini, negeri yang aman sentosa, dan berikanlah rezeki dari berbagai jenis buah-buahan kepada penduduknya, iaitu orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat di antara mereka". Allah berfirman: (Permohonanmu itu diterima) tetapi sesiapa yang kufur dan ingkar maka Aku akan beri juga dia bersenang-senang menikmati rezeki itu bagi sementara (di dunia), kemudian Aku memaksanya (dengan menyeretnya) ke azab neraka, dan (itulah) seburuk-buruk tempat kembali. Allah Taala berfirman: Yang bermaksud: Dan (ingatlah) ketika Kami jadikan Rumah Suci (Baitullah) itu tempat tumpuan bagi umat manusia (untuk Ibadat Haji) dan tempat yang aman; dan jadikanlah oleh kamu Makam Ibrahim itu tempat sembahyang. Dan Kami perintahkan kepada Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail (dengan berfirman): "Bersihkanlah Rumahku (Kaabah dan Masjidil Haram dari segala perkara yang dilarang) untuk orang-orang yang bertawaf, orang-orang yang beriktikaf (yang tetap tinggal padanya) dan orang-orang yang rukuk serta sujud". Allah berfirman melalui kata-kata Nabi Ibrahim a.s: Yang bermaksud: (Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya aku telah menempatkan sebahagian dari zuriat keturunanku di sebuah lembah (Tanah Suci Mekah) yang tiada tanaman padanya, di sisi rumahMu yang diharamkan mencerobohnya).

Ketika kaum Quraisy mengusir Rasulullah s.a.w, baginda telah berdiri di atas sebuah bukit sambil memandang ke arah Kota Mekah serta perkampungan-perkampungannya lalu berkata: Sesungguhnya aku mengetahui bahawa engkau adalah negeri yang aku amat kasihi dan engkau juga adalah tanah yang Allah amat kasihi. Sekiranya bukan kerana orang-orang musyrikin mengusir aku darimu tentu aku tidak akan keluar. Terdapat riwayat di dalam dua kitab sahih: Bahawa Rasulullah s.a.w telah bersabda:

Sesungguhnya Allah mengharamkan negeri ini (Kota Mekah) sewaktu Dia menciptakan langit dan bumi, Allah mengharamkannya berterusan hingga ke hari Kiamat. Rasulullah s.a.w juga telah berdiri di Jamrah Aqabah pada tahun pembukaan Kota Mekah lalu bersabda: Demi Allah, sesungguhnya engkau adalah sebaik-baik bumi Allah dan engkau juga adalah bumi Allah yang paling aku kasihi, sekiranya aku tidak diusir tentu aku tidak keluar, sesungguhnya dalam Kota Mekah tidak dihalalkan kepada sesiapaupun sebelum aku, juga tidak dihalalkan kepada sesiapa selepasku dan aku sendiri hanya dihalalkan seketika sahaja pada waktu siang hari, kemudian ia diharamkan, pokok yang ada padanya tidak boleh ditebang atau mencabut tumbuhan kecil, barang yang hilang atau binatang yang sesat tidak boleh diambil kecuali orang yang ingin mengumumkannya. Mekah adalah merupakan Tanah Haram Allah dan Tanah Haram Rasulullah s.a.w di mana di situ ada tanda-tanda keterangan yang nyata (yang menunjukkan kemuliaannya di antaranya ialah) Makam Nabi Ibrahim.

#### **Zikir dan Doa:**

Yang bermaksud: Wahai Tuhanku! Ini HaramMu (tempat yang Engkau lindungi) dan tempat yang Engkau peliharakan. Haramkanlah aku terhadap Neraka dan peliharalah aku dari azabMu pada hari Engkau bangkitkan segala hamba-hambaMu dan jadikanlah aku dari golonganMu serta dari golongan orang-orang yang mentaatiMu.

Apabila memasuki Kota Mekah Rasulullah juga menyebut: Yang bermaksud: Wahai Tuhanku! Janganlah Engkau jadikan ajal aku di sana (Mekah) sehingga kami keluar darinya. Sebolehnya apabila terlihat Kota Mekah, orang yang berharam menyebut: Yang bermaksud: Ya Allah! Kurniakan kepada aku di sini tempat tinggal yang tetap dan rezeki yang halal.

## **2. Masjidilharam**

### **Tawaf Wida' > Penjelasan > Masjidilharam**

#### **Kelebihan Masjidilharam:**

Allah Taala juga menamakan Masjidilharam atau Kaabah dengan Baitul Atiq kerana Dia telah membebaskannya dari bala tentera (bergajah), oleh itu bala tersebut tidak menimpa Kaabah. Allah telah menghantar burung Ababil ke atas Abrahah dan tenteranya ketika cuba membinasakan Kaabah. (Dinamakan dengan Baitul Atiq juga) kerana Allah membebaskan pengunjung-pengunjungnya dari api (Neraka) apabila kematian mereka ketika berada dalam mentauhidkan Allah serta mengikut NabiNya (Islam). Kaabah dibina oleh bapa sekalian nabi-nabi iaitu Nabi Ibrahim a.s dan anaknya Nabi Ismail a.s. dengan petunjuk daripada Allah s.w.t berpandukan firmanNya: Yang bermaksud: Dan (ingatlah) ketika Nabi Ibrahim bersama-sama Nabi Ismail meninggikan binaan asas-asas (tapak) Baitullah (Kaabah) itu, sambil keduanya berdoa dengan berkata: Wahai Tuhan kami! Terimalah daripada kami (amal kami); sesungguhnya Engkaulah Yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui. Dengan ini bapa sekalian nabi-nabi telah membina masjid yang paling mulia di kawasan yang paling mulia. Allah Taala mengkhususkan Masjidilharam dengan tidak boleh bersusah payah untuk bermusafir melainkan kepadanya (Masjidilharam), Masjid Nabi dan Masjidilqsa, sebagaimana (dikhususkan juga) dengan digandakan pahala sembahyang di dalamnya dimana sembahyang di Masjidilharam (digandakan) dengan seribu sembahyang.

#### **Bacaan Ketika Memasuki Masjid:**

Yang bermaksud: Aku berlindung kepada Allah yang Maha Agung, dengan rupaNya yang Maha Mulia, kekuasaan yang azali dari Syaitan yang direjam. Segala puji bagi Allah, dengan nama Allah wahai Tuhanku selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad (s.a.w). Tuhanku ampunkanlah dosa-dosaku dan bukakanlah untukku kesemua pintu rahmatMu.

## **3. Kaaba**

### **Tawaf Wida' > Penjelasan > Kaabah**

#### **Adab Memasuki Kaabah:**

Mandi, suci dari hadas kecil dan besar, tidak menolak-nolak, hati mestilah khusyuk serta merasa rendah diri, mengeluarkan air mata sekiranya Allah s.w.t menghendaknya demikian, jangan meninggikan pandangan ke arah atap Kaabah, tinggallah perkara itu untuk memuliakan dan membesarkan Allah Taala dan hendaklah sentiasa mengingati Allah s.w.t. Diriwayatkan daripada saidatina Aisyah r.a katanya (yang bermaksud): "Menjadi suatu kepelikan kepada seseorang Muslim ketika dia mengangkat pandangannya ke arah atap Kaabah apabila memasuki Kaabah. Tinggallah perkara itu untuk memuliakan dan membesarkan Allah Taala". Ketika Rasulullah s.a.w memasuki Kaabah, baginda tidak mengalih pandangannya dari tempat sujudnya sehinggalah baginda keluar.

#### **Nabi s.a.w memasuki Kaabah:**

Nabi s.a.w memasuki Kaabah empat kali selepas berhijrah.

Pertama: Di hari pembukaan Kota Mekah.

Kedua: Pembukaan Kota Mekah yang kedua.

Ketiga: Ketika mengerjakan Umrah qadha.

Keempat: Ketika mengerjakan Haji Wida'.

#### **Pahala memasuki Kaabah:**

Rasulullah s.a.w bersabda (yang bermaksud): "Sesiapa yang memasuki Kaabah lalu mengerjakan sembahyang di dalamnya, bererti dia masuk ke dalam kebaikan dan keluar dari segala keburukan dalam keadaan dia diberikan keampunan". Pada lafaz yang lain: "Dia keluar dalam keadaan diampunkan dosanya". Ibnu Umar r.a telah berkata tentang memasuki Kaabah: "Masuk ke dalam kebaikan dan keluar dari segala keburukan". Ata' berkata: "Sesungguhnya aku lebih suka mengerjakan sembahyang di dalam Kaabah sebanyak dua rakaat dari mendirikan sembahyang empat rakaat di Masjidil Haram".

Diriwayatkan daripada Yahya bin Ju'dah bin Hubairah tentang firman Allah: Yang bermaksud: Sesiapa yang memasuki Kaabah akan mendapat keamanan. Katanya: "Keamanan dari api Neraka".

Al-Hafiz Abu Tahir As-Salafi Rahmatullah mendendangkan nasyid kepada dirinya sendiri ketika memasuki Kaabah:

Yang bermaksud:

Adakah selepas memasuki Kaabah Allah akan menjamin

Adakah akan tertinggal dosa-dosa dan kesalahan yang tersembunyi.

Maka maha sucilah setiap perkara tadi, bahkan akan dimaafi segala-galanya

dan akan kembali seseorang itu dalam keadaan beriman dan gembira.

Kelebihan Melihat Kaabah: Ibnu Abbas r.a berkata: "Memerhatikan Kaabah akan mengukuhkan iman".

Hamad bin Abi Salamah Rahimahullah berkata: "Orang yang memerhatikan Kaabah adalah seperti orang yang bersungguh-sungguh dalam beribadat".

Mujahid berkata: "Memerhatikan Kaabah merupakan ibadat". Said bin Musayyab berkata: "Sesiapa yang memerhatikan Kaabah dengan penuh keimanan dan kepercayaan, akan gugurlah segala kesalahan dan dosanya sebagaimana ketika dia dilahirkan".

### **Zikir dan Doa:**

1. Telah diriwayatkan bahawa doa yang dibaca ketika melihat Kaabah adalah mustajab, di antara doa yang ma'thur ialah: Yang bermaksud: Ya Allah! Tambahkanilah Baitullah ini dengan kemuliaan,

kebesaran, keagungan dan kebaikan serta tambahkanlah kurniaMu kepada sesiapa jua yang memuliakannya (Baitullah) dan membesarkannya dari kalangan orang-orang yang mengerjakan ibadat Haji atau Umrah dengan kemuliaan, kebesaran, keagungan dan kebajikan dan berdoa:

Yang bermaksud: Ya Allah! Engkaulah yang bersifat sejahtera, dariMu sahajalah kesejahteraan. Oleh itu hidupakanlah kami wahai Tuhan kami dengan kesejahteraan. Yang bermaksud: Ya Allah, sesungguhnya Tanah Haram ini, negeri ini, ketenteraman yang ada di dalamnya dan hamba yang ada padanya semuanya kepunyaanMu, hambaMu ini telah datang menyahut panggilanMu dari negeri yang jauh dengan membawa dosa yang banyak dan amalan-amalan yang buruk, aku pohonkan kepadaMu belas kasihan kerana takutkan siksaMu, terimalah aku dengan keluasan kemaafanMu dan masukkanlah aku ke dalam keluasan SyurgaMu (Syurga an-Naim). Ya Allah, sesungguhnya ini adalah Tanah HaramMu maka haramkanlah dagingku, darahku dan tulang sendiku dari api Neraka. Ya Allah, peliharalah aku dari siksaMu pada hari engkau membangkitkan semula hamba-hambaMu.

### **4. Multazam**

**Tawaf Wida' > Penjelasan > Multazam**

**Doa Di Multazam:**

Yang bermaksud: Wahai Tuhanku, untukMu segala puji yang menyamai nikmatMu dan menandingi kelebihanMu, aku memuji Engkau dengan segala puji yang aku ketahui, dengan apa yang aku tidak ketahui terhadap segala nikmat Engkau yang aku ketahui dan yang aku tidak ketahui serta terhadap segala rupa keadaan. Yang bermaksud: Wahai Tuhanku, sanjungkanlah Muhammad dan sejahterakanlah baginda serta keluarganya. Wahai Tuhanku! Lindungilah aku dari syaitan yang terkutuk, lindungilah aku dari segala kejahatan dan jadikanlah diriku merasa puas terhadap apa yang telah Engkau rezekikan serta kurniakanlah keberkatan untukku. Yang bermaksud: Wahai Tuhanku! Jadikanlah aku dari orang yang paling mulia yang datang kepadaMu dan kekalkanlah aku dalam jalan istiqamah sehingga aku berjumpaMu wahai Tuhan sekalian alam.

### **5. Hajarulaswad**

**Tawaf Wida' > Penjelasan > Hajarulaswad**

## **Kelebihan Hajarulaswad:**

1. Berdasarkan kepada bukti-bukti yang nyata, Rasulullah s.a.w telah mengucup Hajarulaswad. Selepas baginda mengucupnya para sahabat serta seluruh umat Islam terus mengucupnya hingga ke hari Kiamat kerana mengikuti Rasulullah s.a.w dalam perkara ini.
2. Saidina Umar bin Al-Khattab r.a telah memberi peringatan kepada seluruh umat Islam dari beriktikad bahawa terdapat sesuatu yang boleh memberi manfaat dan kemudaratan selain daripada Allah s.w.t. Terdapat riwayat di dalam kitab Sahih bahawa Saidina Umar bin Al-Khattab r.a pernah berkata: Demi Allah! Sesungguhnya aku telah menyedari bahawa kamu hanyalah batu, tidak boleh memberi manfaat dan kemudaratan. Sekiranya aku tidak melihat Rasulullah s.a.w mengucupmu, tentu aku tidak akan mengucupmu.
3. Terdapat riwayat sahih bahawa Nabi s.a.w telah bersabda: Allah akan membangkitkan Hajarulaswad pada hari Kiamat dengan mempunyai dua mata yang dapat melihat dan lidah yang dapat berkata-kata. Ia akan menjadi saksi kepada sesiapa yang mengucupnya dengan keadaan yang sebenar. Imam Tirmizi mensahihkan hadis Rasulullah s.a.w dimana baginda bersabda: Hajarulaswad diturunkan dari Syurga dalam keadaan lebih putih daripada susu tetapi telah dihitamkan dengan kesalahan dan dosa anak-anak Adam. Di dalam lafaz yang lain: Seinggalah telah dihitamkan oleh kesalahan dan dosa golongan syirik (yang menyekutukan Allah).

## **Doa Di Hajarulaswad:**

Yang bermaksud: Dengan nama Allah dan Allahlah Yang Maha Besar. Wahai Tuhanku! Aku beriman kepadaMu, percaya kepada kitabMu, memenuhi perintahMu dan mengikuti sunnah NabiMu s.a.w.

\* Disunatkan membaca zikir ini ketika menghadap ke arah Hajarulaswad pada setiap pusingan Tawaf.

## **6. Maqam Ibrahim**

### **Tawaf Wida' > Penjelasan > Maqam Ibrahim**

#### **Maqam Nabi Ibrahim a.s:**

Rasulullah s.a.w. telah bersabda (yang bermaksud): Rukun (penjuru Kaabah) dan Maqam Nabi Ibrahim a.s diperbuat dari permata-permata delima dari Syurga. Allah telah padamkan cahaya keduanya, jika tidak tentu cahayanya akan menerangi antara timur dan barat.

Daripada Ibnu Umar r.a katanya: Sesungguhnya Rukun (penjuru Kaabah) dan Maqam Nabi Ibrahim a.s diperbuat dari permata-permata delima dari Syurga. Jika kedua-duanya tidak dihapuskan oleh kesalahan dan dosa anak-anak Adam, tentu cahayanya akan menerangi antara timur dan barat.

## **Zikir dan Doa :**

1. Disunatkan membaca firman Allah Taala:

Yang bermaksud: Dan kamu jadikanlah Maqam Ibrahim itu tempat sembahyang.

2. Disunatkan menunaikan sembahyang dua rakaat dengan membaca al-Fatihah dan surah al-Kafirun pada rakaat pertama manakala pada rakaat kedua membaca al-Fatihah dan surah al-Ikhlash.

3. Seterusnya berdoa dengan menyebut:

Yang bermaksud: Wahai Tuhanku! Aku hambaMu dan anak hambaMu, aku datang kepadaMu dengan dosa-dosa yang besar dan pekerjaan yang buruk dan inilah tempat perlindungan denganMu dari Neraka, oleh itu ampunilah aku kerana sesungguhnya Engkaulah Yang Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.

## **7. Hijir**

### **Tawaf Wida' > Penjelasan > Hijir**

#### **Hijir:**

Yang bermaksud: Wahai Tuhanku! Aku datang kepadaMu dari tempat yang jauh dengan mengharap kebaikanMu, oleh itu kurniakanlah kepadaku suatu kebaikan dari kebaikanMu yang tidak perlu lagi aku pohon daripada kebaikan orang lain, wahai Tuhan yang terkenal dengan menganugerahkan kebaikan.

## **8. Zamzam**

### **Tawaf Wida' > Penjelasan > Zamzam**

### **Air Zamzam:**

Rasulullah s.a.w bersabda (mengenai air Zamzam): "Sesungguhnya air Zamzam itu merupakan makanan yang mengenyangkan dan penawar yang menyembuhkan penyakit".

1. Diriwayatkan daripada Ibnu Abbas r.a katanya: Rasulullah s.a.w telah bersabda: "Air Zamzam merupakan penawar yang menyembuhkan berdasarkan kepada niat meminumnya".
2. Diriwayatkan daripada Ibnu Abbas r.a katanya: Rasulullah s.a.w telah bersabda: "Sebaik-baik air yang keluar dari perut bumi ialah air Zamzam, terdapat padanya makanan yang boleh mengenyangkan dan penawar yang boleh menyembuhkan penyakit."
3. Ketika Muawiah bin Abu Sufian r.a mengerjakan ibadat Haji, beliau telah meminum air Zamzam dan berkata: "Air Zamzam merupakan penawar yang menyembuhkan berdasarkan kepada niat meminumnya".
4. Ibnu Abbas r.a berkata: "Kami menamakannya (iaitu air Zamzam) sebagai pengenyang. Air Zamzam itu boleh memberi nikmat yang menolong anak-anak kecil".
5. Katanya lagi: "Minumlah dari minuman yang menyembuhkan iaitu air Zamzam".
6. Katanya lagi: Sesungguhnya apabila Rasulullah s.a.w meraikan seseorang lelaki, baginda akan meraikannya dengan memberi minum air Zamzam.

# Ibadat Umrah

## 1. Beriham Dari Miqat

### Beriham Dari Miqat > Penjelasan

#### Miqat Zamani:

Empat orang Imam telah bersependapat bahawa mengerjakan ibadat Umrah pada kesemua hari-hari di dalam setahun adalah harus kecuali lima hari mengikut pendapat Imam Hanafi iaitu pada hari Arafah dan empat hari selepasnya. Mereka berpendapat mengerjakan ibadat Umrah pada hari-hari tersebut adalah makruh yang membawa kepada haram.

#### Tanda Sempadan Tanah Haram:

##### Tanda Sempadan:

**Tan'im** : Jalan menuju ke Madinah sejauh 6 km dari Mekah.

**Wadi Nakhlah** : Di timur laut sebelah Iraq dan jaraknya dengan Mekah sejauh 41 km.

**Ja'ranah** : Di sebelah timur sejauh 16 km.

**Adhah** : Jalan menuju ke Yaman dan jaraknya dengan Mekah sejauh 12 km.

**Hudaibiyah** : Di sebelah barat jalan ke Jeddah dan dinamakan sekarang ini dengan Asy-Syamisi sejauh 15 km dari Mekah.

Al-A'lam (tanda) ialah: Batu-batu yang dipahat setinggi satu meter kemudian diletakkan di tepi jalan-jalan tersebut.

##### Miqat Makani:

Diriwayatkan daripada Ibnu Abbas r.a katanya: Rasulullah s.a.w telah menetapkan tempat miqat bagi penduduk Madinah di Zul Hulaifah, bagi penduduk Syam di Juhfah, bagi penduduk Najd di Qarnul Manazil dan bagi penduduk Yaman di Yalamlam. Sabda Baginda Lagi: Miqat-miqat tersebut adalah bagi penduduk negeri-negeri tersebut dan bagi mereka yang melaluinya untuk menunaikan ibadat Haji dan Umrah. Manakala, selain dari mereka yang tersebut, miqatnya adalah mengikut arah kedatangan mereka, begitu juga dengan penduduk Mekah, miqatnya memadai dari Mekah. Para ahli Ilmu telah bersepakat mengenai tempat-tempat miqat tersebut.

#### Juhfah:

Merupakan miqat bagi penduduk Mesir, Syam dan mereka yang datang dari arahnya.

#### Abyar Ali (Zul Hulaifah):

Iaitu miqat bagi penduduk Madinah: Dinamakan Abyar Ali kerana ia merupakan tempat bekalan air bagi Bani Jathim, juga merupakan miqat yang paling jauh dari Kota Mekah iaitu kira-kira 450 kilometer. Perjalanan dengan unta dapat merentasi jarak tersebut selama sembilan hari, kira-kira 50 kilometer setiap hari (iaitu kira-kira 4 kilometer satu jam). Ia (50 Km) juga dinamakan satu marhalah.

#### Qarnul Manazil:

Sebuah bukit yang terletak di hadapan padang Arafah yang dikenali dengan Qarnul Manazil dan ia merupakan miqat bagi penduduk Taif dan mereka yang berada di belakangnya.

#### Zaatu Irqin:

Dinamakan Zaatu Irqin kerana ia merupakan sebuah bukit bernama Irqin, terletak di hadapan sebuah lembah yang dikenali dengan Wadi al-Aqiq iaitu sebuah perkampungan yang terletak sejauh 2 marhalah dari Kota Mekah. Miqat ini tidak terdapat di dalam hadis Rasulullah s.a.w, tetapi ia telah disepakati oleh para ulama.

#### Yalamlam:

Yalamlam merupakan salah sebuah dari bukit-bukit yang terdapat di sebelah utara, kira-kira 2 marhalah dari Kota Mekah dan ia adalah miqat bagi penduduk Yaman.

## **2. Tawaf Qudum**

### **Tawaf Qudum > Penjelasan > Mekah**

#### **1. Mekah**

### **Tawaf Qudum > Penjelasan > Mekah**

#### **Kelebihan-kelebihan Mekah Mukarramah:**

Allah Tabaraka Wa Taala menamakannya Ummul Qura berpandukan firmanNya:

Yang bermaksud: Supaya engkau memberi peringatan kepada penduduk Ummul Qura (Mekah) serta orang-orang yang tinggal di kelilingnya. Ia juga dinamakan dengan al-Baladul Amin (negeri yang aman) di dalam firman Allah s.w.t: Yang bermaksud: Demi buah tin dan zaitun dan bukit Tur Sina serta negeri (Mekah) yang aman ini. Juga firman Allah Taala:Yang bermaksud: Aku bersumpah dengan negeri (Mekah) ini; sedang engkau (wahai Muhammad) tinggal di negeri ini (sentiasa ditindas). Di antara namanya juga ialah Baitul Atiq dimana Allah Subhanahu Wa Taala telah berfirman:Yang bermaksud: Dan hendaklah mereka tawaf akan Baitullah (Kaabah) yang tua sejarahnya itu. Firman Nya juga: Yang bermaksud: Allah menjadikan Kaabah, rumah yang mulia itu, sebagai tempat tumpuan manusia (untuk menjalankan ibadat dan hal-hal kehidupan). Nabi Ibrahim Al-Khalil a.s telah berdoa untuknya (Kaabah) dengan ucapannya: Yang bermaksud: Dan (ingatlah) ketika Nabi Ibrahim berdoa dengan berkata: Wahai Tuhanku! jadikanlah negeri Mekah ini negeri yang aman, dan jauhkanlah aku dan anak-anakku dari perbuatan menyembah berhala. Yang bermaksud: Dan (ingatlah) ketika Nabi Ibrahim (a.s.) berdoa dengan berkata:"Wahai Tuhanku! Jadikanlah (negeri Mekah) ini, negeri yang aman sentosa, dan berikanlah rezeki dari berbagai jenis buah-buahan kepada penduduknya, iaitu orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat di antara mereka". Allah berfirman: (Permohonanmu itu diterima) tetapi sesiapa yang kufur dan ingkar maka Aku akan beri juga dia bersenang-senang menikmati rezeki itu bagi sementara (di dunia), kemudian Aku memaksanya (dengan menyeretnya) ke azab neraka, dan (itulah) seburuk-buruk tempat kembali. Allah Taala berfirman: Yang bermaksud: Dan (ingatlah) ketika Kami jadikan Rumah Suci (Baitullah) itu tempat tumpuan bagi umat manusia (untuk Ibadat Haji) dan tempat yang aman; dan jadikanlah oleh kamu Makam Ibrahim itu tempat sembahyang. Dan Kami perintahkan kepada Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail (dengan berfirman): "Bersihkanlah Rumahku (Kaabah dan Masjidil Haram dari segala perkara yang dilarang) untuk orang-orang yang bertawaf, orang-orang yang beriktikaf (yang tetap tinggal padanya) dan orang-orang yang rukuk serta sujud". Allah berfirman melalui kata-kata Nabi Ibrahim a.s: Yang bermaksud: (Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya aku telah menempatkan sebahagian dari zuriat keturunanku di sebuah lembah (Tanah Suci Mekah) yang tiada tanaman padanya, di sisi rumahMu yang diharamkan mencerobohnya). Ketika kaum Quraisy mengusir Rasulullah s.a.w, baginda telah berdiri di atas sebuah bukit sambil memandang ke arah Kota Mekah serta perkampungan-perkampungannya lalu berkata: Sesungguhnya aku mengetahui bahawa engkau adalah negeri yang aku amat kasih dan engkau juga adalah tanah yang Allah amat kasih. Sekiranya bukan kerana orang-orang musyrikin mengusir aku darimu tentu aku tidak akan keluar. Terdapat riwayat di dalam dua kitab sahih: Bahawa Rasulullah s.a.w telah bersabda: Sesungguhnya Allah mengharamkan negeri ini (Kota Mekah) sewaktu Dia menciptakan langit dan bumi, Allah mengharamkannya berterusan hingga ke hari Kiamat. Rasulullah s.a.w juga telah berdiri di Jamrah Aqabah pada tahun pembukaan Kota Mekah lalu bersabda: Demi Allah, sesungguhnya engkau adalah sebaik-baik bumi Allah dan engkau juga adalah bumi Allah yang paling aku kasih, sekiranya aku tidak diusir tentu aku tidak keluar, sesungguhnya dalam Kota Mekah tidak dihalalkan kepada sesiapaupun sebelum aku, juga tidak dihalalkan kepada sesiapa selepasku dan aku sendiri hanya dihalalkan seketika sahaja pada waktu siang hari, kemudian ia diharamkan, pokok yang ada padanya tidak boleh ditebang atau mencabut tumbuhan kecil, barang yang hilang atau binatang yang sesat tidak boleh diambil kecuali orang yang ingin mengumumkannya. Mekah adalah merupakan Tanah Haram Allah dan Tanah Haram Rasulullah s.a.w di mana di situ ada tanda-tanda keterangan yang nyata (yang menunjukkan kemuliaannya di antaranya ialah) Makam Nabi Ibrahim.

#### **Zikir dan Doa:**

Yang bermaksud: Wahai Tuhanku! Ini HaramMu (tempat yang Engkau lindungi) dan tempat yang Engkau peliharakan. Haramkanlah aku terhadap Neraka dan peliharalah aku dari azabMu pada hari Engkau bangkitkan segala hamba-hambaMu dan jadikanlah aku dari golonganMu serta dari golongan orang-orang yang mentaatiMu. Apabila memasuki Kota Mekah Rasulullah juga menyebut: Yang

bermaksud: Wahai Tuhanku! Janganlah Engkau jadikan ajal aku di sana (Mekah) sehingga kami keluar darinya. Seboleh-bolehnya apabila terlihat Kota Mekah, orang yang berihram menyebut: Yang bermaksud: Ya Allah! Kurniakan kepada aku di sini tempat tinggal yang tetap dan rezeki yang halal.

## **2. Masjidilharam**

### **Tawaf Qudum > Penjelasan > Masjidilharam**

#### **Kelebihan Masjidilharam:**

Allah Taala juga menamakan Masjidilharam atau Kaabah dengan Baitul Atiq kerana Dia telah membebaskannya dari bala tentera (bergajah), oleh itu bala tersebut tidak menimpa Kaabah. Allah telah menghantar burung Ababil ke atas Abrahah dan tenteranya ketika cuba membinasakan Kaabah. (Dinamakan dengan Baitul Atiq juga) kerana Allah membebaskan pengunjung-pengunjungnya dari api (Neraka) apabila kematian mereka ketika berada dalam mentauhidkan Allah serta mengikut NabiNya (Islam). Kaabah dibina oleh bapa sekalian nabi-nabi iaitu Nabi Ibrahim a.s dan anaknya Nabi Ismail a.s. dengan petunjuk daripada Allah s.w.t berpandukan firmanNya: Yang bermaksud: Dan (ingatlah) ketika Nabi Ibrahim bersama-sama Nabi Ismail meninggikan binaan asas-asas (tapak) Baitullah (Kaabah) itu, sambil keduanya berdoa dengan berkata: Wahai Tuhan kami! Terimalah daripada kami (amal kami); sesungguhnya Engkaulah Yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui. Dengan ini bapa sekalian nabi-nabi telah membina masjid yang paling mulia di kawasan yang paling mulia. Allah Taala mengkhususkan Masjidilharam dengan tidak boleh bersusah payah untuk bermusafir melainkan kepadanya (Masjidilharam), Masjid Nabi dan Masjidilauqa, sebagaimana (dikhususkan juga) dengan digandakan pahala sembahyang di dalamnya dimana sembahyang di Masjidilharam (digandakan) dengan seribu sembahyang.

#### **Bacaan Ketika Memasuki Masjid:**

Yang bermaksud: Aku berlindung kepada Allah yang Maha Agung, dengan rupaNya yang Maha Mulia, kekuasaan yang azali dari Syaitan yang direjam. Segala puji bagi Allah, dengan nama Allah wahai Tuhanku selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad (s.a.w). Tuhanku ampunkanlah dosa-dosaku dan bukakanlah untukku kesemua pintu rahmatMu.

## **3. Kaabah**

### **Tawaf Qudum > Penjelasan > Kaabah**

#### **Adab-adab memasuki Kaabah:**

Mandi, suci dari hadas kecil dan besar, tidak menolak-nolak, hati mestilah khusyuk serta merasa rendah diri, mengeluarkan air mata sekiranya Allah s.w.t menghendaknya demikian, jangan meninggikan pandangan ke arah atap Kaabah, tinggallah perkara itu untuk memuliakan dan membesarkan Allah Taala dan hendaklah sentiasa mengingati Allah s.w.t. Diriwayatkan daripada Saidatina Aisyah r.a katanya (yang bermaksud): "Menjadi suatu kepelikan kepada seseorang Muslim ketika dia mengangkat pandangannya ke arah atap Kaabah apabila memasuki Kaabah. Tinggallah perkara itu untuk memuliakan dan membesarkan Allah Taala". Ketika Rasulullah s.a.w memasuki Kaabah, baginda tidak mengalih pandangannya dari tempat sujudnya sehinggalah baginda keluar.

#### **Nabi s.a.w memasuki Kaabah:**

Nabi s.a.w memasuki Kaabah empat kali selepas berhijrah.

Pertama: Di hari pembukaan Kota Mekah.

Kedua: Pembukaan Kota Mekah yang kedua.

Ketiga: Ketika mengerjakan Umrah qadha.

Keempat: Ketika mengerjakan Haji Wida'.

#### **Pahala memasuki Kaabah:**

Rasulullah s.a.w bersabda (yang bermaksud): "Sesiapa yang memasuki Kaabah lalu mengerjakan sembahyang di dalamnya, bererti dia masuk ke dalam kebaikan dan keluar dari segala keburukan dalam keadaan dia diberikan keampunan". Pada lafaz yang lain: "Dia keluar dalam keadaan diampunkan dosanya". Ibnu Umar r.a telah berkata tentang memasuki Kaabah: "Masuk ke dalam kebaikan dan keluar

dari segala keburukan". Ata' berkata: "Sesungguhnya aku lebih suka mengerjakan sembahyang di dalam Kaabah sebanyak dua rakaat dari mendirikan sembahyang empat rakaat di Masjidilharam".Diriwayatkan daripada Yahya bin Ju'dah bin Hubairah tentang firman Allah: Yang bermaksud: Sesiapa yang memasuki Kaabah akan mendapat keamanan. Katanya: "Keamanam dari api Neraka".Al-Hafiz Abu Tahir As-Salafi Rahmatullah mendendangkan nasyid kepada dirinya sendiri ketika memasuki Kaabah:

Yang bermaksud: Adakah selepas memasuki Kaabah Allah akan menjamin

Adakah akan tertinggal dosa-dosa dan kesalahan yang tersembunyi.

Maka maha sucilah setiap perkara tadi, bahkan akan dimaafi segala-galanya dan akan kembali seseorang itu dalam keadaan beriman dan gembira.

Kelebihan Melihat Kaabah: Ibnu Abbas r.a berkata: "Memerhatikan Kaabah akan mengukuhkan iman".

Hamad bin Abi Salamah Rahimahullah berkata: "Orang yang memerhatikan Kaabah adalah seperti orang yang bersungguh-sungguh dalam beribadat".Mujahid berkata: "Memerhatikan Kaabah merupakan ibadat". Said bin Musayyab berkata: "Sesiapa yang memerhatikan Kaabah dengan penuh keimanan dan kepercayaan, akan gugurlah segala kesalahan dan dosanya sebagaimana ketika dia dilahirkan".

### **Zikir dan Doa:**

1. Telah diriwayatkan bahawa doa yang dibaca ketika melihat Kaabah adalah mustajab, di antara doa yang ma'thur ialah:

Yang bermaksud: Ya Allah! Tambahkan lah Baitullah ini dengan kemuliaan, kebesaran, keagungan dan kebaikan serta tambahkanlah kurniaMu kepada sesiapa jua yang memuliakannya (Baitullah) dan membesarkannya dari kalangan orang-orang yang mengerjakan ibadat Haji atau Umrah dengan kemuliaan, kebesaran, keagungan dan kebajikan dan berdoa: Yang bermaksud: Ya Allah! Engkaulah yang bersifat sejahtera, dariMu sahajalah kesejahteraan. Oleh itu hidupakanlah kami wahai Tuhan kami dengan kesejahteraan. Yang bermaksud: Ya Allah, sesungguhnya Tanah Haram ini, negeri ini, ketenteraman yang ada di dalamnya dan hamba yang ada padanya semuanya kepunyaanMu, hambaMu ini telah datang menyahut panggilanMu dari negeri yang jauh dengan membawa dosa yang banyak dan amalan-amalan yang buruk, aku pohonkan kepadaMu belas kasihan kerana takutkan siksaMu, terimalah aku dengan keluasan kemaafanMu dan masukkanlah aku ke dalam keluasan SyurgaMu (Syurga an-Naim). Ya Allah, sesungguhnya ini adalah Tanah HaramMu maka haramkanlah dagingku, darahku dan tulang sendiku dari api Neraka. Ya Allah, peliharalah aku dari siksaMu pada hari engkau membangkitkan semula hamba-hambaMu.

### **4. Multazam**

#### **Tawaf Qudum > Penjelasan > Multazam**

##### **Doa Di Multazam:**

Yang bermaksud: Wahai Tuhanku, untukMu segala puji yang menyamai nikmatMu dan menandingi kelebihanMu, aku memuji Engkau dengan segala puji yang aku ketahui, dengan apa yang aku tidak ketahui terhadap segala nikmat Engkau yang aku ketahui dan yang aku tidak ketahui serta terhadap segala rupa keadaan. Yang bermaksud: Wahai Tuhanku, sanjungkanlah Muhammad dan sejahterakanlah baginda serta keluarganya. Wahai Tuhanku! Lindungilah aku dari syaitan yang terkutuk, lindungilah aku dari segala kejahatan dan jadikanlah diriku merasa puas terhadap apa yang telah Engkau rezekikan serta kurniakanlah keberkatan untukku. Yang bermaksud: Wahai Tuhanku! Jadikanlah aku dari orang yang paling mulia yang datang kepadaMu dan kekalkanlah aku dalam jalan istiqamah sehingga aku berjumpaMu wahai Tuhan sekalian alam.

### **5. Hajarulas wad**

#### **Tawaf Qudum > Penjelasan > Hajarulas wad**

##### **Kelebihan Hajarulaswad:**

1. Berdasarkan kepada bukti-bukti yang nyata, Rasulullah s.a.w telah mengucup Hajarulaswad. Selepas baginda mengucupnya para sahabat serta seluruh umat Islam terus mengucupnya hingga ke hari Kiamat kerana mengikuti Rasulullah s.a.w dalam perkara ini.
2. Saidina Umar bin Al-Khattab r.a telah memberi peringatan kepada seluruh umat Islam dari beriktikad bahawa terdapat sesuatu yang boleh memberi manfaat dan kemudaratannya selain daripada Allah s.w.t.

Terdapat riwayat di dalam kitab Sahih bahawa Saidina Umar bin Al-Khattab r.a pernah berkata: Demi Allah! Sesungguhnya aku telah menyedari bahawa kamu hanyalah batu, tidak boleh memberi manfaat dan kemudharatan. Sekiranya aku tidak melihat Rasulullah s.a.w mengucupmu, tentu aku tidak akan mengucupmu.

3. Terdapat riwayat sahih bahawa Nabi s.a.w telah bersabda: Allah akan membangkitkan Hajarulaswad pada hari Kiamat dengan mempunyai dua mata yang dapat melihat dan lidah yang dapat berkata-kata. Ia akan menjadi saksi kepada sesiapa yang mengucupnya dengan keadaan yang sebenar. Imam Tirmizi mensahihkan hadis Rasulullah s.a.w dimana baginda bersabda: Hajarulaswad diturunkan dari Syurga dalam keadaan lebih putih daripada susu tetapi telah dihitamkan dengan kesalahan dan dosa anak-anak Adam. Di dalam lafaz yang lain: Sehingga telah dihitamkan oleh kesalahan dan dosa golongan syirik (yang menyekutukan Allah).

### **Doa Di Hajarulaswad:**

Yang bermaksud: Dengan nama Allah dan Allahlah Yang Maha Besar. Wahai Tuhanku! Aku beriman kepadaMu, percaya kepada kitabMu, memenuhi perintahMu dan mengikuti sunnah NabiMu s.a.w.

\* Disunatkan membaca zikir ini ketika menghadap ke arah Hajarulaswad pada setiap pusingan Tawaf.

## **6. Maqam Ibrahim**

### **Tawaf Qudum > Penjelasan > Maqam**

#### **Maqam Nabi Ibrahim a.s:**

Rasulullah s.a.w. telah bersabda (yang bermaksud): Rukun (penjuru Kaabah) dan Maqam Nabi Ibrahim a.s diperbuat dari permata-permata delima dari Syurga. Allah telah padamkan cahaya keduanya, jika tidak tentu cahayanya akan menerangi antara timur dan barat. Daripada Ibnu Umar r.a katanya: Sesungguhnya Rukun (penjuru Kaabah) dan Maqam Nabi Ibrahim a.s diperbuat dari permata-permata delima dari Syurga. Jika kedua-duanya tidak dihapuskan oleh kesalahan dan dosa anak-anak Adam, tentu cahayanya akan menerangi antara timur dan barat.

#### **Zikir dan Doa :**

1. Disunatkan membaca firman Allah Taala:  
Yang bermaksud: Dan kamu jadikanlah Maqam Ibrahim itu tempat sembahyang.
2. Disunatkan menunaikan sembahyang dua rakaat dengan membaca al-Fatihah dan surah al-Kafirun pada rakaat pertama manakala pada rakaat kedua membaca al-Fatihah dan surah al-Ikhlash.
3. Seterusnya berdoa dengan menyebut:  
Yang bermaksud: Wahai Tuhanku! Aku hambaMu dan anak hambaMu, aku datang kepadaMu dengan dosa-dosa yang besar dan pekerjaan yang buruk dan inilah tempat perlindungan denganMu dari Neraka, oleh itu ampunilah aku kerana sesungguhnya Engkaulah Yang Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.

## **7. Hijir**

### **Tawaf Qudum > Penjelasan > Hijir**

#### **Hijir:**

Yang bermaksud: Wahai Tuhanku! Aku datang kepadaMu dari tempat yang jauh dengan mengharap kebaikanMu, oleh itu kurniakanlah kepadaku suatu kebaikan dari kebaikanMu yang tidak perlu lagi aku pohon daripada kebaikan orang lain, wahai Tuhan yang terkenal dengan menganugerahkan kebaikan.

## **8. Zamzam**

### **Tawaf Qudum > Penjelasan > Zamzam**

#### **Air Zamzam:**

Rasulullah s.a.w bersabda (mengenai air Zamzam): "Sesungguhnya air Zamzam itu merupakan makanan yang mengenyangkan dan penawar yang menyembuhkan penyakit".

1. Diriwayatkan daripada Ibnu Abbas r.a katanya: Rasulullah s.a.w telah bersabda: "Air Zamzam merupakan penawar yang menyembuhkan berdasarkan kepada niat meminumnya".

2. Diriwayatkan daripada Ibnu Abbas r.a katanya: Rasulullah s.a.w telah bersabda: "Sebaik-baik air yang keluar dari perut bumi ialah air Zamzam, terdapat padanya makanan yang boleh mengenyangkan dan penawar yang boleh menyembuhkan penyakit."
3. Ketika Muawiah bin Abu Sufian r.a mengerjakan ibadat Haji, beliau telah meminum air Zamzam dan berkata: "Air Zamzam merupakan penawar yang menyembuhkan berdasarkan kepada niat meminumnya".
4. Ibnu Abbas r.a berkata: "Kami menamakannya (iaitu air Zamzam) sebagai pengenyang. Air Zamzam itu boleh memberi nikmat yang menolong anak-anak kecil".
5. Katanya lagi: "Minumlah dari minuman yang menyembuhkan iaitu air Zamzam".
6. Katanya lagi: Sesungguhnya apabila Rasulullah s.a.w meraikan seseorang lelaki, baginda akan meraikannya dengan memberi minum air Zamzam.

### 3. Saie

#### Ibadat Umrah > Saie > Penjelasan

##### Doa Bersaie:

Yang bermaksud: Wahai Tuhan yang membalik-balikkan segala hati, tetapkanlah hatiku di atas agamaMu. Wahai Tuhanku, sesungguhnya aku memohon kepadaMu segala yang mewajibkan rahmatMu, segala yang meneguhkan keampunanMu, kesejahteraan daripada segala dosa, memperoleh Syurga dan terpelihara dari api Neraka. Wahai Tuhanku, sesungguhnya aku memohon kepadaMu hidayat petunjuk, ketaqwaan, terpelihara dari segala kesalahan dan kekayaan. Wahai Tuhanku, tolonglah aku supaya aku dapat menyebutMu, mensyukuri dan beribadat kepadaMu dengan sebaik-baiknya. Wahai Tuhanku, sesungguhnya aku memohon kepadaMu segala kebajikan, apa yang aku ketahui, apa yang aku tidak ketahui dan apa yang belum aku ketahui. Aku memohon kepada Engkau Syurga dan perkara-perkara yang boleh mendekatkan aku kepadanya samada perkataan atau perbuatan. Aku berlindung dengan Engkau dari Neraka dan dari perkara-perkara yang boleh mendekatkan aku kepadanya samada perkataan atau perbuatan.

##### Bukit Safa:

Ketika mendaki bukit Safa disunatkan membaca Firman Allah:

Yang bermaksud: Sesungguhnya Safa dan Marwah itu ialah sebahagian daripada Syiar (lambang) agama Allah. Oleh itu sesiapa yang menunaikan ibadat Haji di Baitullah atau mengerjakan Umrah, maka tidak salah dia bersaie (berjalan secara berulang-alik) di antara keduanya. Sesiapa yang sukarela mengerjakan perkara kebajikan, maka sesungguhnya Allah pemberi balasan pahala, lagi Maha Mengetahui. Kemudian menghadap ke arah Kaabah lalu mengucapkan: Yang bermaksud: Allah Yang Maha Besar, Allah Yang Maha Besar, Allah Yang Maha Besar, Allah Yang Maha Besar Terbesar dari segala yang besar-besar, segala puji-pujian tertentu bagi Allah, Maha suci Allah Yang Maha Agung dengan puji-pujian yang mulia pagi dan petang. Tidak ada Tuhan yang disembah dengan sebenar-benarnya melainkan Allah, Tuhan yang telah menepati segala janji-janjiNya, Tuhan yang telah menolong hambaNya dan menghancurkan segala musuh-musuh dengan keagunganNya. Tidak ada tuhan yang disembah dengan sebenar-benarnya melainkan Allah, kepada Allah kami memperhambakan diri kami dengan penuh keikhlasan dan kejujuran.

##### Bukit Marwah:

Ketika mendaki bukit Marwah disunatkan membaca Firman Allah:

Yang bermaksud: Sesungguhnya Safa dan Marwah itu ialah sebahagian daripada Syiar (lambang) agama Allah. Oleh itu sesiapa yang menunaikan ibadat Haji di Baitullah atau mengerjakan Umrah, maka tidak salah dia bersaie (berjalan secara berulang-alik) di antara keduanya. Sesiapa yang sukarela mengerjakan perkara kebajikan, maka sesungguhnya Allah pemberi balasan pahala, lagi Maha Mengetahui. Kemudian menghadap ke arah Kaabah lalu mengucapkan: Yang bermaksud: Allah Yang Maha Besar, Allah Yang Maha Besar, Allah Yang Maha Besar, Allah Yang Maha Besar Terbesar dari segala yang besar-besar, segala puji-pujian tertentu bagi Allah, Maha suci Allah Yang Maha Agung dengan puji-pujian yang mulia pagi dan petang. Tidak ada Tuhan yang disembah dengan sebenar-benarnya melainkan Allah, Tuhan yang telah menepati segala janji-janjiNya, Tuhan yang telah menolong hambaNya dan menghancurkan segala musuh-musuh dengan keagunganNya. Tidak ada tuhan yang disembah dengan

sebenar-benarnya melainkan Allah, kepada Allah kami memperhambakan diri kami dengan penuh keikhlasan dan kejujuran.

#### **4. Bercukur Atau Bergunting**

##### **Ibadat Umrah > Bercukur atau Bergunting > Penjelasan**

##### **Bercukur atau Bergunting:**

Orang lelaki disunatkan memegang hujung rambut dengan tangannya ketika hendak bercukur serta bertakbir tiga kali kemudian berdoa: Yang bermaksud: Segala puji-pujian hanya bagi Allah yang memberi hidayah kepada kami, segala puji-pujian hanya bagi Allah yang telah mengurniakan kenikmatan kepada kami. Wahai Tuhanku! Inilah hujung rambutku maka terimalah daripadaku, serta ampunilah dosaku. Wahai Tuhanku! Ampunilah dosaku serta dosa orang-orang yang bercukur dan orang-orang yang bergunting wahai Tuhan Yang Amat Luas Pengampunan, amin. Apabila selesai bercukur bertakbirlah tiga kali kemudian membaca:

Yang bermaksud: Segala puji-pujian hanya bagi Allah yang telah menyempurnakan ibadat-ibadat kami. Wahai Tuhanku! Tambahkanilah keimanan dan keyakinan, berikanlah taufik dan pertolongan, serta ampunilah kami, ibu bapa kami serta seluruh umat Islam.